

NOTA BESTARI KOMSAS

ANTOLOGI "JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL"

> UNIT 1: Puisi Tradisional

1. Syair Bidasari

Maksud

Rangkap 1

Penyair mengajak pembaca untuk mendengar kisah seorang raja yang memerintah di Negeri Kembayat. Kisah itu ditulis oleh seorang fakir untuk dijadikan teladan dan dibuat perbandingan.

Rangkap 2

Di Negeri Kembayat, terdapat seorang raja yang masyhur dan bijaksana. Baginda juga merupakan seorang raja yang elok pekerti dan melayani para pedagang yang datang mendalamai pengajian dalam bidang agama Islam di negerinya itu dengan adil.

Rangkap 3

Diceritakan juga bahawa raja tersebut sangat berkuasa pada masa itu. Baginda memerintah negara dalam suasana yang aman tanpa sedikit pun menghadapi kesukaran. Namun begitu, mereka tidak dapat menjangkakan ketentuan yang akan berlaku pada masa yang mendatang.

Rangkap 4

Raja yang bijaksana tersebut telah berkahwin dan beberapa bulan selepas itu, permaisuri baginda telah hamil.

Rangkap 5

Sepanjang raja memerintah Negeri Kembayat dengan suasana yang aman damai dan gembira, akhirnya pada suatu hari, Negeri Kembayat dikejutkan dengan berita sedih apabila baginda terpaksa meninggalkan kerajaannya.

Rangkap 6

Dikisahkan pada suatu hari yang lain, Negeri Kembayat telah diserang oleh burung garuda yang ganas dan kuat yang terbang turun dari angkasa. Serangan ini telah banyak mendatangkan kemasuhan di Negeri Kembayat.

Rangkap 7

Digambarkan kisah burung garuda menyerang Negeri Kembayat dengan suaranya yang kuat bergema hingga menggemparkan rakyat dan menyebabkan negeri itu menjadi huru-hara. Rakyat jelata lari lintang-pukang menyelamatkan diri masing-masing.

Rangkap 8

Di istana, rakyat jelata datang untuk menghadap raja yang sedang bermesuarat. Apabila mendengarkan keadaan di luar istana sangat bising dan gegak-gempita, baginda yang cemas dan prihatin itu berasa hairan apabila melihatkan situasi tersebut dan menanyakan rakyatnya sebab keadaan itu berlaku.

Tema

Tema syair ini ialah cabaran yang dihadapi oleh seorang raja sewaktu mentadbirkan negara.

Persoalan

- (a) Kebijaksanaan memimpin sebuah kerajaan.
- (b) Tanggungjawab seorang pemimpin.
- (c) Kasih sayang terhadap anggota keluarga.
- (d) Keadilan dan kesaksamaan.
- (e) Jangka hayat dan soal kematian di tangan Tuhan.
- (f) Musibah yang tidak boleh diramal.

Bentuk dan Ciri-ciri Syair

- (a) Syair ini berbentuk terikat/tidak bebas.
- (b) Terdiri daripada lapan rangkap.
- (c) Bilangan baris dalam setiap rangkap adalah sama, iaitu empat baris serangkap.
- (d) Semua baris dalam setiap rangkap adalah maksud.
- (e) Bilangan katanya antara tiga hingga lima patah perkataan.
- (f) Terdiri daripada sembilan hingga tiga belas suku kata sebaris.
- (g) Rima akhir syair ini ialah *aaaa* kecuali rima akhir rangkap ketiga syair ialah *aaba*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Pemilihan kata atau diksi yang indah. Contohnya, *Dengarlah tuan suatu riwayat*.
- (b) Repetisi. Contohnya, *Beberapa bulan beberapa hari* (rangkap 4, baris 3).
- (c) Hiperbola. Contohnya, *Datanglah menyambar suaranya bahana* (rangkap 7, baris 1).
- (d) Simile. Contohnya, *Mendengar gempar seperti perang* (rangkap 8, baris 2).
- (e) Inversi. Contohnya, *Dengarkan tuan suatu riwayat* (rangkap 1, baris 1).
- (f) Bahasa istana. Contohnya, *baginda; bertitah; permaisuri; takhta*.
- (g) Kata arkaik. Contohnya, *akas; ngadil; halifah; gurda*.
- (h) Asonansi. (perulangan bunyi vokal *u*) Contohnya, *Baginda duduk bersuka-sukaan*.
- (i) Aliterasi. (perulangan bunyi konsonan *s*) Contohnya, *Seri sultan raja bestari*.

Nilai

- (a) Tanggungjawab.
- (b) Kebijaksanaan.
- (c) Kasih sayang.
- (d) Ketaatan.
- (e) Keadilan.

Pengajaran

- (a) Sebagai pemimpin, kita hendaklah menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan amanah.
- (b) Kita perlulah bijaksana semasa merangka, menyusun, dan membuat segala perancangan tugas supaya tugas itu terhasil dengan baik dan sempurna.

- (c) Kita haruslah memupuk sifat kasih yang mendalam terhadap anggota keluarga untuk mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni.
- (d) Kita mestilah taat dan patuh akan perintah ketua atau pemimpin demi keharmonian organisasi.
- (e) Sebagai pemimpin, kita hendaklah melayani setiap orang dengan adil dan saksama tanpa membeza-bezakan darjah atau kedudukan seseorang.
- (f) Kita haruslah bersedia pada setiap masa untuk menghadapi sebarang ancaman musuh atau malapetaka yang tidak dijangka.

2. Gurindam Dua Belas (Fasal yang Ketiga)

Maksud

Rangkap 1

Sekiranya kita dapat menjaga penglihatan dengan baiknya, keinginan terhadap sesuatu perkara yang merosakkannya dapat kita hindari.

Rangkap 2

Sekiranya kita menjaga pendengaran dengan baiknya, sebarang berita yang tidak baik dapat kita tangkis.

Rangkap 3

Sekiranya kita menjaga tutur kata dengan baiknya, banyak manfaat yang akan kita peroleh.

Rangkap 4

Perbuatan kita yang melibatkan anggota tangan perlu dijaga agar kita tidak melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan merosakkan iman.

Rangkap 5

Sekiranya kita tidak dapat mengawal nafsu makan, berbagai bagi perkara buruk dan memudaratkan akan berlaku.

Rangkap 6

Hati dan nafsu syahwat perlu bijak dikawal kerana sering menyebabkan orang hilang pertimbangan.

Rangkap 7

Pergerakan kaki kita perlu dijaga agar kita tidak pergi ke tempat-tempat yang tidak baik.

Tema

Gurindam ini bertemakan kepentingan memelihara anggota diri dan budi pekerti.

Persoalan

- (a) Kepentingan menjaga pancaindera yang melibatkan penglihatan, pendengaran, dan pertuturan dalam kehidupan sehari-hari.
- (b) Kepentingan mengawal nafsu makan dan nafsu syahwat.
- (c) Kepentingan mengawal anggota badan terutama tangan dan kaki.

Bentuk Gurindam

- (a) Terdiri daripada tujuh rangkap.
- (b) Bilangan baris dalam setiap rangkap adalah sama, iaitu dua baris serangkap.
- (c) Bilangan kata dalam setiap baris hampir sama, iaitu antara dua hingga tujuh patah perkataan dalam sebaris.

- (d) Terdiri daripada lapan hingga lima belas suku kata sebaris.
- (e) Rima akhir gurindam ini ialah *aa*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Pemilihan kata yang indah. Contohnya,
*Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.*
- (b) Penggunaan **inversi**. Contohnya, *Nescaya dapat daripadanya faedah*. Ayat sepatusnya: *Nescaya dapat faedah daripadanya*.
- (c) Penggunaan **bahasa kiasan**. Contohnya,
*Apabila perut terlalu penuh,
Keluarlah fil yang tidak senonoh.*
- (d) Penggunaan **kata ganda**. Contohnya, *cita-cita,
Bersungguh-sungguh.*
- (e) Penggunaan **bahasa Arab**. Contohnya, *fiil*.
- (f) Asonansi (perulangan bunyi vokal *a*).
Contohnya, *Daripada segala berat dan ringan.*
- (g) Aliterasi (perulangan bunyi konsonan *d*).
Contohnya, *Nescaya dapat daripadanya faedah.*

Nilai

- (a) Rasional.
- (b) Hemah tinggi.
- (c) Kebijaksanaan.
- (d) Kesederhanaan.
- (e) Kebersihan fizikal dan mental.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bijak menggunakan anggota pancaindera untuk melakukan kebaikan dan perkara-perkara yang positif.
- (b) Kita mestilah mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang tidak baik.
- (c) Kita hendaklah tidak terlalu menurut kehendak nafsu dan hati yang berkemungkinan mendorong kita untuk melakukan perkara yang buruk.
- (d) Kita haruslah bijak mengawal anggota tubuh badan agar terhindar daripada perkara yang tidak baik.

> UNIT 2: Puisi Moden

1. Sang Gembala Kuda

(Mohd Hashim Othman)

Maksud

Rangkap 1

Sang gembala kuda ialah seorang lelaki yang gagah. Berbekalkan keberanian yang dimilikinya, dia dengan angkuh merembat kuda dengan menggunakan cemeti untuk menakutkan kuda-kuda itu sambil menghalau kuda-kuda yang sedang berada di padang bersegera balik ke kandang.

Rangkap 2

Sementara itu, rumput dan jerami merupakan makanan yang lazim terhidang dan akan dimakan oleh kuda-kuda ketika lapar. Setelah kenyang, kuda-kuda itu tidak peduli akan nasib mereka dijadikan kuda tunggangan untuk menjelaki kuda-kuda yang lain.

Rangkap 3

Dengan kuasa yang ada padanya dan apabila sesekali bersuara nyaring, sang gembala kuda begitu berani dan yakin

menunggang kuda-kuda itu menempuh segala rintangan dan kepayahan yang berlaku. Dia bijak menggunakan tipu helahnya dengan berpura-pura sebagai penyelamat maruah yang kononnya berjuang atas dasar kebenaran dan menentang segala penipuan.

Rangkap 4

Sang gembala kuda ialah seorang lelaki yang hanya ingin mengetahui kepentasan larian kudanya tanpa mempedulikan kepentan kuda itu. Sang gembala kuda juga hanya tahu mengejar kejayaan tanpa mengambil tahu kesengsaraan kuda itu. Sang gembala kuda hanya mementingkan diri sendiri apabila kuda-kuda itu akan terus ditunggangi berulang-ulang kali tanpa rasa belas.

Tema

Sajak ini bertemakan kekuasaan penjaga kuda dan penganiayaan tenaga haiwan yang dilakukannya terhadap kuda-kuda tunggangannya.

Persoalan

- (a) Kekuasaan mempengaruhi gaya kepemimpinan.
- (b) Ketegasan untuk memimpin.
- (c) Penganiayaan terhadap haiwan.
- (d) Kepatuhan menurut perintah.
- (e) Keberanian menempuh cabaran dan rintangan.
- (f) Kebijaksanaan mengeksplorasi golongan yang lemah.
- (g) Pasrah dan reda akan ketentuan Ilahi.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Sajak ini berbentuk bebas atau tidak terikat.
- (b) Terdiri daripada empat rangkap.
- (c) Bilangan barisnya tidak sama; rangkap pertama (lima baris), rangkap kedua (lima baris), rangkap ketiga (sebelas baris), rangkap keempat (lapan baris).
- (d) Jumlah patah perkataan antara tiga hingga enam patah perkataan sebaris.
- (e) Jumlah suku kata dalam setiap baris terdiri daripada lapan hingga lima belas suku kata.
- (f) Rima akhir sajak ini bebas/tidak sama; *abcdd, abcab, aabcccadec, abaabacc*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Pemilihan kata atau diksi yang indah (puitis). Contohnya, *rembat angkuhnya memacu takut*.
- (b) Epifora. Contohnya, perulangan kata *ditunggangi* (rangkap 4, baris 7 dan baris 8).
- (c) Repetisi. Contohnya, *ditunggangi* dan *ditunggangi* (rangkap 4, baris 8).
- (d) Metafora. Contohnya, *rimba perburuan, paya penindasan, cemeti durjana*.
- (e) Personifikasi. Contohnya, *Rembat angkuhnya memacu takut, Pacuannya diiring seribu keberanian*.
- (f) Hiperbola. Contohnya, *Dimamah rakus kala lapar*.
- (g) Sinkope. Contohnya, *tak*.
- (h) Imejan/Perlambangan. Contohnya, *rumput, jerami, onak, lumpur*.
- (i) Asonansi. (perulangan vokal *i*). Contohnya, *sesekalai suaranya lebih gempita*.
- (j) Aliterasi. (perulangan konsonan *d*). Contohnya, *ditunggangi dan ditunggangi!*

Nada

Sajak ini bernada sinis.

Nilai

- (a) Tanggungjawab.
- (b) Keberanian.
- (c) Kegigihan.
- (d) Kepatuhan.
- (e) Kebijaksanaan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bertanggungjawab semasa melaksanakan tugas yang telah diberikan oleh ketua.
- (b) Kita mestilah berani untuk menghadapi berbagai-bagai rintangan tanpa mudah berputus asa.
- (c) Kita perlulah gigih berusaha untuk melaksanakan sesuatu tugas agar kejayaan dapat kita capai akhirnya.
- (d) Kita sewajarnya patuh akan arahan dan suruhan ketua demi keharmonian sesebuah organisasi.
- (e) Kita hendaklah bijaksana semasa merancang serta menjalankan tugas dengan baiknya dan sempurna.

2. Aku Membaca Lagi

(Razali Mohd. Yussof)

Maksud Rangkap

Rangkap 1

Penyajak memandang ke langit. Penyajak berasa kerdil apabila melihat kebesaran Ilahi yang mencipta pelbagai fenomena alam.

Rangkap 2

Penyajak menelusuri alam yang terbentang dan menyaksikan gambaran berbagai-bagai fauna dan kejadian alam yang dicipta Ilahi untuk melengkapinya hidup manusia.

Rangkap 3

Penyajak kembali memandang dan memahami langit. Penyajak mendapati masalah penggunaan bahasa Melayu banyak berlaku yang akhirnya semakin meruncing. Masalah penggunaan bahasa Melayu itu kini makin bertambah satu per satu.

Rangkap 4

Penyajak masih memahami kandungan di langit dan telah menyaksikan bulan dan bintang menangis kerana bersedih akan nasib bahasa Melayu yang dipinggirkan oleh bangsa peribumi sendiri.

Rangkap 5

Penyajak kembali mendongak ke langit. Kali ini, penyajak turut menyaksikan langit menangisi nasib bahasa Melayu yang kian tenat dan semakin dilupakan oleh anak bangsa.

Tema

Sajak ini bertemakan nasib bahasa Melayu yang semakin dipinggirkan oleh anak bangsa.

Persoalan

- (a) Bahasa sebagai maruah bangsa.
- (b) Peranan bangsa untuk mendaulatkan bahasa.
- (c) Jati diri anak bangsa yang kian terancam.
- (d) Kesyukuran terhadap kebesaran Tuhan.

Bentuk Sajak

- (a) Berbentuk bebas atau tidak terikat.
- (b) Terdiri daripada lima rangkap.
- (c) Bilangan barisnya tidak sama; rangkap pertama (lima

- baris), rangkap kedua (empat baris), rangkap ketiga (tujuh baris), rangkap keempat (empat baris), rangkap kelima (empat baris).
- Bilangan katanya antara satu hingga enam patah perkataan.
 - Terdiri daripada empat hingga dua belas suku kata.
 - Rima akhir sajak ini bebas/tidak terikat; *abcde*, *abcd*, *abcdef*, *abcd*, *abdc*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Perlambangan. Contohnya, *langit*, *pohon-pohon kayan*, *daun dan ranting*, *daun-daun*.
- Pemilihan kata atau diksi yang indah (puitis). Contohnya, *desiran ombak dan wajah pelangi*.
- Repetisi. Contoh: *helai demi helai* (rangkap 3, baris 6).
- Metafora. Contoh: *wajah pelangi*, *lantai tanah airku*.
- Personifikasi. Contoh: *dahan dan ranting terkulai*.
- Inversi. Contoh: *menitis air mata langit*.
- Asonansi. (perulangan vokal *u*). Contohnya, *kicauan burung*.
- Aliterasi. (perulangan konsonan *b*). Contohnya, *bulan dan bintang menanggis*.

Nada

Sajak ini bernada melankolik.

Nilai

- | | |
|--------------------|----------------|
| (a) Tanggungjawab. | (d) Patriotik. |
| (b) Keberanian. | (e) Kegigihan. |
| (c) Kesyukuran. | |

Pengajaran

- Sebagai anak bangsa, kita hendaklah memikul tanggungjawab untuk mengangkat martabat bahasa Melayu yang semakin dilupakan.
- Kita mestilah berani menghadapi berbagai-bagai cabaran untuk mempertahankan maruah bahasa Melayu daripada tercemar.
- Kita perlulah bersyukur kepada Tuhan terhadap ciptaan pelbagai kejadian alam yang melengkap kehidupan manusia.
- Sebagai anak bangsa, kita perlulah menanamkan sifat jati diri yang kuat dalam diri masing-masing agar dapat menangkis segala bentuk ancaman yang berunsur negatif.

3. www.sibermerdeka.com.my

(Abdul Ghaffar Ibrahim)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak telah bertekad dengan mengatur perancangan untuk membebaskan kehidupannya daripada belenggu kemiskinan pada setiap masa.

Rangkap 2

Dalam pemikiran penyajak, akan berlaku pertelingkahan antara masalah dengan perkara mudah yang akan ditempuhinya dalam usahanya untuk membebaskan pemikirannya daripada dipergunakan oleh orang lain.

Rangkap 3

Penyajak merasakan bahawa dalam meniti kehidupannya, banyak dugaan dan cabaran yang akan ditempuhinya. Pelbagai dugaan yang berlaku itu menguji kesabar dan keimanan dirinya.

Rangkap 4

Tatkala penyajak berasa dirinya sudah kuat dan teguh, kadangkala dia terperdaya oleh tipu muslihat yang begitu licik. Namun begitu, penyajak bernasib baik kerana dia cepat-cepat sedar dan segera berwaspada dalam setiap tindak-tanduknya.

Rangkap 5

Penyajak telah bersedia dan mempersiapkan dirinya untuk menerima cabaran dan sesuatu masalah yang mendatang. Penyajak juga perlu berani menyahut cabaran dan masalah yang bakal dihadapi dalam kehidupannya.

Rangkap 6

Penyajak semakin matang, berani, dan tidak berasa gentar dalam menghadapi setiap cabaran dan masalah yang berlaku dalam kehidupannya.

Rangkap 7

Penyajak sentiasa bermuhasabah diri supaya dapat membuat keputusan yang tepat dan lebih teguh agar perjuangan hidupnya tidak lagi tersasar, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi.

Rangkap 8

Penyajak banyak menempuh peristiwa pahit dan manis sepanjang kehidupannya. Dalam usia yang sudah meningkat tua, penyajak mengingatkan dirinya agar tidak mempersiasiakan saki-baki kehidupannya, sebaliknya mengisi masa-masa tuanya dengan mendekatkan dirinya kepada Tuhan.

Tema

Sajak ini bertemakan ketabahan seorang insan tatkala berhadapan dengan dugaan dan liku-liku hidup.

Persoalan

- Kepentingan mengatur perancangan secara bijak dan teliti.
- Cabaran dan dugaan hidup yang harus ditempuhi.
- Kelicikan tipu muslihat yang memperdayakan seseorang.
- Kekuatan diri untuk melawan musuh.
- Keberanian menempuh cabaran dan rintangan.
- Keinsafan untuk membaiki kelemahan diri.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- Berbentuk bebas atau tidak terikat.
- Terdiri daripada lapan rangkap.
- Bilangan barisnya dalam setiap rangkap tidak sama; rangkap pertama (*empat baris*), rangkap kedua (*empat baris*), rangkap ketiga (*tiga baris*), rangkap keempat (*tiga baris*), rangkap kelima (*lima baris*) rangkap keenam (*lima baris*), rangkap ketujuh (*tujuh baris*), dan rangkap kelapan (*lapan baris*).
- Jumlah patah kata dalam setiap baris tidak sama, iaitu antara tiga hingga lapan patah kata.
- Jumlah suku kata dalam setiap baris juga tidak sama, iaitu antara tujuh hingga sembilan belas suku kata.
- Rima akhir sajak ini bebas; *abac*, *abac*, *abb*, *abc*, *abbcd*, *abcbc*, *abcdefe*, dan *aabcadad*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Pemilihan kata yang indah dan pembinaan ungkapan oleh penyajak puitis dan berkesan. Contohnya, *aku tanam saujana rancangan*.
- Anafora. Contohnya; *aku berlatih menangkis angin*, *aku berlatih memunggah awan* (rangkap 5, baris 1 dan 2).

- (c) Simbolik. Contohnya, *aku bahas isu onak dan enak* (*onak* melambangkan kesukaran/masalah/cabaran; *enak* melambangkan kesenangan/mudah).
- (d) Repetisi. Contohnya, *peristiwa datang peristiwa* pergi.
- (e) Metafora. Contohnya, *ombak gelora, pantai aman, pangkalan usia*.
- (f) Personifikasi. Contohnya, *ombak gelora menampar pantai aman, Kini, kapal diriku telah berlabuh di pangkalan usia*.
- (g) Sinkope. Contohnya, *tak*.
- (h) Simile. Contohnya, *bagai siang memanggil malam*.
- (i) Asonansi (perulangan bunyi vokal **a**). Contohnya, *aku tak cemas lagi*.
- (j) Aliterasi (perulangan konsonan **d**). Contohnya: *Dalam dewan diriku*.

Nada

Sajak ini bernada melankolik.

Nilai

- (a) Tanggungjawab.
- (b) Keberanian.
- (c) Rasional.
- (d) Kegigihan.
- (e) Ketabahan.
- (f) Keinsafan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bertanggungjawab semasa memikul amanah untuk memajukan diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain.
- (b) Kita mestilah berani menghadapi berbagai-bagai cabaran dan rintangan tanpa berasa gentar dan waswas.
- (c) Kita perlulah gigih berusaha untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik tanpa mengenal erti putus asa.
- (d) Kita haruslah tabah ketika berhadapan dengan cabaran dan dugaan dalam kehidupan.
- (e) Kita hendaklah bijak semasa membuat perancangan hidup untuk memastikan segala-galanya akan membawa hasil yang baik dan sempurna.
- (f) Kita hendaklah sedar dan insaf akan kesilapan yang telah kita lakukan dan bertekad untuk berubah menjadi lebih baik.

4. Gelanggang (Onn Malini)

Maksud

Rangkap 1

Malaysia ditubuhkan oleh para pemimpin generasi terdahulu kira-kira 50 tahun yang lalu. Negara yang merdeka ini terhasil daripada persefikatan dan perpaduan setiap kaum terdahulu yang akan diwariskan kepada generasi yang seterusnya.

Rangkap 2

Rakyat atau generasi merdeka hari ini merupakan pewaris negara yang lahir daripada pengorbanan dan jerih payah generasi terdahulu. Dengan tertubuhnya Malaysia, kemakmuran tanah air dapat dinikmati bersama-sama. Kita perlu menjaga keharmonian dan kedaulatan negara ini daripada sebarang bentuk ancaman luar dengan penuh tanggungjawab. Hal ini dikatakan demikian kerana telah terbukti bahawa cara ini mampu mewujudkan kesepadan rakyat yang pelbagai kaum.

Rangkap 3

Para pemimpin generasi kini perlu berani untuk bangkit melawan tuduhan melulu dan propaganda pihak luar untuk mempertahankan kedaulatan negara yang agung ini. Kata-kata nista yang berbaur hasutan untuk menjatuhkan Malaysia perlu kita tentang tanpa tolak ansur. Pihak-pihak tersebut tidak harus mencabar Malaysia kerana tindakan itu hanya akan menyusahkan diri mereka nanti.

Rangkap 4

Penyajak menyeru agar semua warganegara yang taat setia akan negara ini saling mengeratkan tali persaudaraan dengan menghindari persengketaan yang dapat mencetuskan perbalahan antara kaum.

Rangkap 5

Sebagai generasi pelapis, kita bertanggungjawab untuk memikul amanah bagi memastikan negara kita kekal cemerlang pada peringkat dunia demi maruah negara dan jati diri rakyatnya. Kita harus meneruskan kesinambungan Malaysia sebagai negara yang aman dan disanjungi oleh semua pihak. Oleh itu, kita mestilah menghargai dan mananamkan kesetiaan serta perasaan cinta akan negara Malaysia untuk selama-lamanya.

Tema

Sajak ini bertemakan kepentingan mempertahankan keharmonian dan kedaulatan tanah air melalui sikap toleransi dan perpaduan antara kaum.

Persoalan

- (a) Kepentingan perpaduan dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum.
- (b) Semangat cinta akan negara yang kental dan tidak berbelah bahagi.
- (c) Kesepakatan dalam kalangan rakyat.
- (d) Kerjasama untuk membangunkan negara.
- (e) Keberanian menentang golongan yang berniat untuk menghancurkan negara.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Sajak ini berbentuk bebas atau tidak terikat.
- (b) Terdiri daripada lima rangkap.
- (c) Bilangan barisnya tidak sama; rangkap pertama (lima baris), rangkap kedua (lapan baris), rangkap ketiga (tujuh baris), rangkap keempat (dua baris), rangkap kelima (lima baris).
- (d) Jumlah patah kata dan suku kata dalam sajak ini juga tidak sama. Misalnya, pada rangkap kedua baris pertama ada sembilan patah kata dengan dua puluh dua suku kata. Sebaliknya, pada rangkap kedua baris ketiga ada satu patah kata sahaja dengan tiga suku kata.
- (e) Sajak ini mempunyai 27 baris.
- (f) Rima akhirnya bebas; *abccd, abacda, abcdbc, ab, abaac*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Unsur kata atau diksinya indah (putis). Contohnya, *agar kecermerlangan tercerna di persada arena*.
- (b) Anafora. Contohnya, *kita pelihara, kita mempertahankan* (rangkap 2 baris 5 dan 6).
- (c) Perlambangan atau imejan. Contohnya, *pewaris gelanggang*.
- (d) Perulangan kata. Contohnya, kata *gelanggang* disebut sebanyak enam kali dalam sajak ini.

- (e) Asonansi. (perulangan bunyi vokal *a*). Contohnya, *kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah*.
- (f) Aliterasi. (perulangan bunyi konsonan *s*). Contohnya, *elakkan pertelingkahan sesama sendiri*.

Nada

Sajak ini bernada patriotik.

Nilai

- (a) Tanggungjawab.
- (b) Cinta akan negara.
- (c) Pengorbanan.
- (d) Perpaduan.
- (e) Kesyukuran.
- (f) Ketaatan.
- (g) Amanah

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bertanggungjawab untuk menjaga kedaulatan negara daripada sebarang ancaman pihak luar.
- (b) Kita mestilah berani menangkis segala bentuk propaganda dan tuduhan melulu daripada pihak luar yang cuba mengganggu-gugat kedaulatan negara.
- (c) Kita perlulah menghargai pengorbanan dan jasa yang dicurahkan oleh generasi dan para pemimpin terdahulu yang berusaha untuk memerdekakan tanah air daripada penjajah.
- (d) Sebagai rakyat yang berbilang kaum, kita hendaklah bersatu padu untuk menjamin keharmonian negara yang tercinta ini.
- (e) Kita haruslah bersyukur kerana dapat tinggal di negara yang aman, sejahtera, dan harmoni.
- (f) Kita mestilah bersama-sama memajukan negara dalam pelbagai bidang agar maruah negara terjamin pada peringkat antarabangsa.



UNIT 3: Prosa Tradisional

Kepimpinan Melalui Teladan

Sinopsis

Cerita ini bermula dengan peristiwa Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada mendapat khabar sedih tentang kematian tujuh orang penjurutnya yang telah dibunuh oleh Laksamana di Melaka. Orang suruhan Patih Gajah Mada telah menemui Kertala Sari untuk menjemputnya ke kediaman Patih Gajah Mada. Patih Gajah Mada telah membawa Kertala Sari berjumpa dengan Seri Betara di Istana Seri Betara, Majapahit. Seri Betara akan melantik Kertala Sari sebagai pengawal agung. Mereka berbincang cara-cara untuk membunuh Laksamana dan Raja Melaka sekali gus menumpaskan kerajaan Melaka. Seri Betara mengarahkan Kertala Sari ke Melaka untuk menuntut bela atas kematian tujuh orang penjurutnya dengan cuba membunuh Ratu Melaka dan Laksamana.

Kertala Sari bersemangat waja dan bersedia untuk menjunjung perintah Seri Betara. Kertala Sari telah belayar ke Melaka bersama-sama sepuluh orang pengikutnya. Kertala Sari menyamar dirinya sebagai orang Jawa untuk bersama-sama penduduk kampung yang berketurunan Jawa di Melaka. Kertala Sari telah menyamar sebagai orang Patih Kerma Wijaya. Dia telah berjaya mengguncam Laksamana yang telah membunuh bapanya.

Pada suatu malam, Kertala Sari telah menceroboh rumah seorang saudagar yang kaya. Semua harta benda milik saudagar itu telah disamun dan bini saudagar itu turut dicabul. Pada malam-malam berikutnya, Kertala Sari telah menceroboh rumah saudagar dan orang kaya yang lain. Semua harta benda mereka itu disamun oleh Kertala Sari. Raja Melaka terkejut apabila dikhabarkan tentang kecurian itu. Baginda telah menitahkan Temenggung agar mengerahkan pengawal untuk berkawal bagi menjaga keselamatan rumah-rumah dan kampung.

Pada malam yang berikutnya, Kertala Sari menggunakan ilmu saktinya untuk menundukkan para pengawal yang berkawal di rumah orang kaya itu. Habis harta benda orang kaya itu dicurinya dan bini orang kaya itu turut dicabul oleh Kertala Sari. Sekali lagi, Raja Melaka mengarahkan Temenggung memperkuuh barisan pertahanan bagi mengawal negeri Melaka daripada ancaman pencuri. Temenggung telah mengerahkan lima ratus orang pengawal menjaga negeri Melaka. Pada malam berikutnya, rumah Bendahara pula dimasuki pencuri. Laksamana memberitahu Raja bahawa pencuri yang sedang mengganas di Melaka mempunyai kuasa sakti dan berasal dari luar Melaka.

Laksamana memohon kebenaran Raja untuk mencuba menangkap pencuri itu. Laksamana memasang lembing, tombak, dan kayu di keliling istana Raja Melaka. Laksamana mencuba mengalihkan perhatian Kertala Sari agar tidak memasuki istana Raja Melaka dengan tipu muslihat itu. Pada waktu malam, Laksamana memakai pakaian serba hitam dan dia ternampak Kertala Sari cuba memasuki istana Raja Melaka. Laksamana menyembunyikan dirinya untuk melihat perkembangan penjahat itu. Pada suatu malam, Kertala Sari cuba memasuki istana itu untuk mencuri dan mengganggu bini raja yang mudah-mudah itu. Ketika dia sampai di istana, dia terdengar bunyi senjata dan kayu yang dipaluh dengan begitu bising. Kertala Sari tidak jadi masuk ke istana Raja Melaka.

Laksamana membuat tipu helah dengan menyamar sebagai penjahat dan berbaring di tengah pasar pada suatu malam. Laksamana berjaya membunuh Kertala Sari dengan menikam dadanya. Selepas membunuh Kertala Sari, Laksamana telah mengambil keris dan memotong alat sulit Kertala Sari sebagai bukti bahawa dia adalah pembunuh Kertala Sari itu. Orang ramai menghadap Raja Melaka dengan membawa anggota tubuh Kertala Sari dan mengaku bahawa mereka yang membunuh Kertala Sari. Bendahara Melaka tidak mempercayai dakwaan mereka. Laksamana masuk menghadap Raja Melaka dengan membawa bukti keris dan alat sulit milik Kertala Sari yang telah dipotongnya. Raja Melaka menganugerahinya anugerah atas keberaniannya menewaskan Kertala Sari.

Raja Melaka menitahkan Bentara Tun Kasturi mengerahkan rakyat untuk mendapatkan harta yang dicuri dan disembunyikan oleh Kertala Sari di Bukit Cina semula. Raja Melaka mengagihkan segala harta yang diperoleh semula itu kepada tiga bahagian, iaitu dua bahagian diberikan kepada Laksamana dan satu bahagian diserahkan kepada pemilik asal harta yang berkenaan. Semua rakyat bersetuju dengan cadangan raja itu. Laksamana telah mengagihkan pula separuh harta yang diterimanya itu kepada tiga bahagian. Negeri Melaka kembali aman dan sentosa selepas Kertala Sari berjaya dibunuh. Sementara itu, Patih Gajah Mada mendapat berita tentang kematian Kertala Sari yang dibunuh oleh Laksamana di Melaka. Patih Gajah Mada berusaha sedaya upaya untuk mencari hulubalang yang mampu membunuh Laksamana dan menawan negeri Melaka itu.

Tema

Kepahlawanan seorang Laksamana yang mempertahankan negara daripada ancaman musuh dan anasir luar.

Persoalan

- (a) Persoalan kegagahan dan kehebatan pahlawan Melayu.
- (b) Persoalan kebijaksanaan menggunakan strategi dan akal fikiran untuk menewaskan musuh.
- (c) Persoalan taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi terhadap pemerintah.
- (d) Persoalan menuntut bela atas kematian orang tersayang.
- (e) Persoalan amanah semasa melaksanakan tugas.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Laksamana
- (b) Watak-watak sampingan – Kertala Sari, Seri Betara Majapahit, Bini Petala Bumi, Tujuh orang penjurit, Saudagar yang kaya, Temenggung, Bendahara, dan sebagainya.

Laksamana

- (a) Beliau merupakan seorang daripada hulubalang Melaka.
- (b) Beliau berjaya menewaskan Kertala Sari dan tujuh orang penjurit termasuklah Petala Bumi.
- (c) Seorang yang bijaksana.
- (d) Seorang yang berani dan gagah.
- (e) Seorang yang digeruni oleh pihak lawan.
- (f) Seorang yang baik hati.
- (g) Seorang yang patuh akan perintah raja.
- (h) Seorang yang bertanggungjawab.

Kertala Sari

- (a) Seorang hulubalang kerajaan Majapahit.
- (b) Bapanya, Petala Bumi telah dibunuh oleh Laksamana.
- (c) Seorang yang berani bertindak.
- (d) Seorang yang kejam dan ganas.
- (e) Seorang yang memiliki ilmu kesaktian.
- (f) Seorang yang pendendam.
- (g) Seorang yang patuh akan perintah pemerintah.

Raja/Ratu Melaka

- (a) Baginda juga dikenal sebagai Tuanku Syah Alam.
- (b) Seorang yang adil dan saksama.
- (c) Seorang yang mementingkan keharmonian negara.
- (d) Seorang yang mengenang jasa hulubalang.
- (e) Seorang yang rasional semasa membuat tindakan.

Patih Gajah Mada

- (a) Merupakan pembesar kerajaan Majapahit.
- (b) Seorang yang pendendam.

Latar

Latar Tempat

- (a) Majapahit.
- (b) Rumah Petala Bumi.
- (c) Bukit Cina.
- (d) Istana Tuanku Syah Alam/Raja Melaka.
- (e) Tengah pasar.
- (f) Melaka.

Latar Masa

- (a) Zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
- (b) Waktu pagi.
- (c) Waktu siang.
- (d) Waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat Melayu yang hidup pada zaman pemerintahan feudal yang taat dan patuh akan perintah raja.
- (b) Golongan istana yang terdiri daripada pemerintah, menteri-menteri, dan hulubalang.
- (c) Masyarakat yang ingin menuntut bela terhadap kematian orang tersayang.
- (d) Masyarakat yang bijak menggunakan tipu muslihat untuk menjerat musuh.
- (e) Masyarakat yang mengamalkan ilmu kesaktian semasa melaksanakan tugas.
- (f) Masyarakat yang berani melawan musuh.

Plot

Binaan plot

- (a) Permulaan cerita mengisahkan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada mendapat kabar sedih tentang kematian tujuh orang penjuritnya yang telah dibunuh oleh Laksamana di Melaka. Patih Gajah Mada yang merupakan pembesar kerajaan Majapahit telah menemui Kertala Sari dan membawanya menghadap Seri Betara Majapahit. Seri Betara menitahkan Kertala Sari ke Melaka untuk membunuh Ratu Melaka dan Laksamana bagi menuntut bela terhadap kematian tujuh orang penjuritnya.
- (b) Cerita berkembang apabila Kertala Sari belayar ke Melaka bersama-sama dengan sepuluh orang pengikutnya. Kertala Sari menyamar dirinya sebagai orang Jawa untuk bersama-sama penduduk kampung yang berketurunan Jawa di Melaka.
- (c) Cerita sampai kepada tahap perumitan apabila pada suatu malam Kertala Sari telah menceroboh rumah seorang saudagar yang kaya. Semua harta benda milik saudagar itu telah disamun dan bini saudagar itu turut dicabulnya. Kertala Sari mengulangi perbuatannya itu pada malam-malam yang berikutnya. Raja Melaka terkejut apabila dikhaskan tentang kecurian itu. Raja Melaka telah menitahkan Temenggung agar mengerahkan pengawal untuk berkawal bagi menjaga keselamatan rumah-rumah dan kampung.
- (d) Cerita sampai kepada tahap klimaks apabila Laksamana telah berjaya membunuh Kertala Sari dengan menikam dadanya. Laksamana membuat tipu telah dengan menyamar sebagai penjahat dan berbaring di tengah pasar pada suatu malam. Selepas membunuh Kertala Sari, Laksamana telah mengambil keris dan memotong alat sulit Kertala Sari sebagai bukti bahawa dia adalah pembunuh Kertala Sari.
- (e) Cerita sampai kepada tahap peleraian apabila banyak orang datang menghadap Raja Melaka dengan membawa anggota tubuh Kertala Sari dan mengaku bahawa mereka yang membunuh Kertala Sari. Bendahara Melaka tidak mempercayai dakwaan mereka. Kemudian, Laksamana masuk menghadap Raja Melaka dengan membawa bukti keris dan alat sulit milik Kertala Sari yang telah dipotong. Raja Melaka menganugerahinya anugerah atas keberaniannya menewaskan Kertala Sari. Patih Gajah Mada pula berusaha dengan sedaya upaya untuk mencari hulubalang yang mampu membunuh Laksamana dan menawan negeri Melaka itu.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan peristiwa Kertala Sari mencari suatu tempat yang sesuai untuk menyimpan harta benda yang akan dicurinya nanti.
- (b) Teknik kejutan. Contohnya, pengarang menimbulkan unsur kejutan kepada pembaca melalui sifat ganas Kertala

- Sari yang turut mencabul kehormatan bini saudagar dan bini orang kaya ketika mencuri di rumah mereka.
- (c) Teknik monolog. Contohnya, Kertala Sari bermonolog dalam ketika pertama kali dia terpandang Laksamana Melaka di istana raja Melaka.
 - (d) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Kertala Sari dengan ibunya ketika Kertala Sari baru pulang mencuri dari Daha. Contoh:

Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke mana pergi bapamu maka tiada aku lihat ini?"

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, "Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Gaya Bahasa

- (a) Penggunaan kata penanda wacana. Contohnya, *hatta, alkisah, maka*.
- (b) Bahasa Arab. Contohnya, *Insya-Allah Taala, syahwat, Demi Allah*.
- (c) Pengaruh bahasa istana. Contohnya, *tuanku, patik, baginda, titah*.
- (d) Bahasa Melayu klasik. Contohnya, *manira, pakanira, karar*.
- (e) Simile. Contohnya, *Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi*.
- (f) Personifikasi. Contohnya, *maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak*.
- (g) Hiperbola. Contohnya, *Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya*.
- (h) Perulangan kata/Repetisi. Contohnya, *"Daulat tuanku, mohon ampun dan kurnia; adapun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain*.

Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, Kertala Sari amat menyayangi bapanya, Petala Bumi yang telah mati dibunuh oleh Laksamana.
- (b) Kegigihan. Contohnya, Laksamana gigih menjajaki penjurit atau pencuri yang telah mencuri harta benda serta membuat kekacauan di Melaka.
- (c) Ketaatan. Contohnya, Kertala Sari taat dan patuh menjunjung titah Seri Betara yang mengarahkannya ke Melaka untuk membunuh Raja Melaka dan Laksamana.
- (d) Semangat bermasyarakat. Contohnya, rakyat jelata dan pembesar Melaka bersatu hati untuk mengawal kawasan kampung masing-masing daripada diceroboh oleh pencuri.
- (e) Kebijaksanaan. Contohnya, Laksamana bijak menggunakan akal bagi menyusun strategi untuk memerangkap penjurit/pencuri yang mencetuskan kekacauan di Melaka itu.
- (f) Tanggungjawab. Contohnya, Laksamana bertanggungjawab memulihkan keamanan negeri Melaka dengan berusaha sedaya upayanya untuk menangkap pencuri/penjurit itu.
- (g) Keberanian. Contohnya, Laksamana berani melawan musuh yang mengancam keharmonian negeri Melaka.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah cekap menyusun strategi bagi menumpaskan pihak musuh.

- (b) Kita mestilah bijak menggunakan tipu muslihat untuk menjerat musuh.
- (c) Kita mestilah berani menghadapi ancaman musuh.
- (d) Kita hendaklah mempunyai sikap taat dan setia terhadap pemerintah tanpa berbelah bahagi.
- (e) Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menyimpan perasaan dendam terhadap orang lain.

UNIT 4: Cerpen

1. Kaduk, Ayam, dan Raja (Zurinah Hassan)

Sinopsis

Cerita dimulakan dengan penulis mengimbau kembali kisah Kaduk. Pada zaman dahulu, raja memiliki kuasa mutlak. Raja yang zalim akan merampas dan menipu rakyat. Sikap tamak sesetengah raja membuatkan kehidupan rakyat jelata semakin susah dan dihimpit kemiskinan. Hal inilah yang terjadi kepada Kaduk apabila tanahnya yang seluas empat ekar telah dirampas oleh raja.

Hakim, iaitu cucu Kaduk merupakan seorang yang terpelajar dan berkelulusan sebuah universiti. Hakim berusaha untuk mendapatkan hak datuknya semula yang telah dirampas secara tidak sah oleh raja melalui bantuan sahabatnya, Azam, peguam berkelulusan jurusan undang-undang. Dalam proses perbicaraan di mahkamah, Azam bijak berhujah sehingga akhirnya Tuan Hakim memutuskan bahawa tanah Kaduk berkelulusan empat ekar yang telah dirampas oleh raja pada suatu ketika dahulu dikembalikan kepada warisnya, iaitu Hakim.

Setelah Hakim berjaya menebus tanah pusaka milik datuknya itu semula, dia bercadang untuk menjalankan projek penternakan ayam secara pertanian kontrak di kawasan tanah tersebut daripada terbiar. Projek penternakan ayam secara pertanian kontrak itu telah dibuat dengan sebuah syarikat besar, iaitu Global Chicken. Cawangannya di Malaysia menggunakan nama Rangkaian Jasa Agrikultur atau nama singkatannya RAJA. Hakim menceburti bidang penternakan bertujuan untuk menyahut seruan kerajaan yang mahu rakyat di negara ini aktif dalam bidang pertanian. Menurutnya, banyak faedah akan disalurkan oleh kerajaan kepada rakyat melalui Dasar Ekonomi Baru.

Bagi memastikan projek penternakan ayamnya berjaya direalisasikan, Hakim membina reban ayam tertutup yang dilengkapi sistem penyaman udara dan peralatan memberikan makanan semiautomatik. Kos tersebut menelan belanja dua ratus ribu ringgit. Hakim sukar mendapatkan pinjaman bank. Hasil bantuan seorang Yang Berhormat, akhirnya bank meluluskan pinjamannya. Kontrak membekalkan ayam ditandatangani dengan syarikat RAJA.

Selama setahun, Hakim berjaya menjual ayam-ayamnya sebanyak enam kali pusingan. Namun demikian, Hakim banyak menghadapi masalah. Masalah pertama ialah jalan masuk ke kawasan penternakan itu tidak diturap menyebabkan lor-lori tersangkut dalam selut lumpur ketika hujan. Penduduk kampung pula merungut dan membuat bantahan kerana jalan mereka rosak. Dia juga masih berhutang dengan pihak bank yang telah memberinya pinjaman modal.

Seperkara lagi, Hakim banyak berhutang dengan syarikat RAJA yang membekalkan anak ayam, dedak, ubat-ubatan serta keperluan lain. Syarikat RAJA menentukan harga barang tersebut dan membuat potongan hasil jualan ayam kepadanya menyebabkan sebahagian besar

keuntungan hasil jualan ayam Hakim dikut oleh oleh Syarikat RAJA. Baki keuntungan jualan itu tidak dapat menampung kos keseluruhan penternakannya untuk membayar gaji pembantu, bil air dan elektrik, dan kos penyelenggaraan yang lain. Akibatnya, hutang Hakim semakin meningkat, sebaliknya Syarikat RAJA terus mengaut keuntungan.

Azam menasihati Hakim agar berurusan secara langsung dengan Jabatan Haiwan supaya penternak kecil seperti Hakim tidak menjadi mangsa orang tengah. Azam bersympati dengan nasib yang menimpa Hakim. Hakim tiada pilihan selain meneruskan usaha menternak ayam kerana kegalalannya melunaskan hutang bank akan menyebabkan tanah pusakanya itu dirampas. Tindakan bank merampas tanah pusaka itu disamakan dengan tindakan raja merampas tanah datuknya dahulu.

Hakim mula sedar bahawa dia senasib dengan datuknya. Satu perkara yang membezakan mereka hanyalah nama dan masa peristiwa itu berlaku. Pada zaman ini, raja ialah orang yang memegang kuasa ekonomi. Orang-orang bawahan terpaksa mengikut telunjuk mereka.

Tema

Cerpen ini bertemakan kesungguhan seorang pemuda yang menceburi bidang pertanian dan keusahawanan.

Persoalan

- (a) Kegigihan seorang anak muda dalam bidang pertanian.
- (b) Cabaran yang perlu ditempuhi dalam dunia perniagaan.
- (c) Tuntutan pemilikan hak yang telah diambil oleh orang lain.
- (d) Pahit getir masyarakat yang mengusahakan bidang pertanian.
- (e) Pembersihan nama dan maruah keluarga.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Hakim.
- (b) Watak sampingan – Azam, Kaduk, dan sebagainya.

Hakim

- (a) Bapanya bernama Hassan dan datuknya bernama Kaduk.
- (b) Berpendidikan tinggi.
- (c) Gigih berusaha bagi mencapai cita-cita.
- (d) Bijak membuat tindakan secara rasional.
- (e) Bercita-cita tinggi, iaitu berazam menjadi usahawan yang berjaya dengan cara menyahut seruan kerajaan melalui projek penternakan ayam secara moden yang telah diusahakannya.
- (f) Berani dan berpendirian tegas untuk mendapatkan tanah pusaka datuknya yang dirampas oleh raja pada suatu ketika dahulu dengan memfailkan kesnya di mahkamah.
- (g) Berpandangan jauh dengan menceburi bidang penternakan ayam bagi memastikan pengeluaran makanan negara berterusan dan tidak bergantung pada makanan import semata-mata.
- (h) Tabah untuk meneruskan projek ternakan ayam meskipun dia berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran.
- (i) Reda menerima kesan buruk akibat kesilapan dirinya.
- (j) Pandai berdikari semasa mengusahakan penternakan ayam secara moden.

Azam

- (a) Sahabat baik Hakim.
- (b) Berpendidikan tinggi, iaitu lulusan sebuah universiti dalam jurusan undang-undang.
- (c) Bertugas sebagai peguam di syarikat guaman.

- (d) Bijak dan petah berhujah.
- (e) Prihatin terhadap sahabatnya.
- (f) Baik hati serta banyak memberikan kata-kata semangat, dorongan, dan nasihat kepada Hakim untuk berjaya sebagai seorang petani moden.
- (g) Bersympati terhadap masalah hutang yang menghimpit Hakim.
- (h) Mempunyai sifat setia kawan yang tinggi.

Pak Kaduk

- (a) Pak Kaduk ialah datuk Hakim.
- (b) Dianggap bodoh dan bersikap lurus bendul.
- (c) Taat akan perintah raja.
- (d) Miskin dan hidup merempat.
- (e) Patuh akan nasihat dan pandangan orang lain.

Latar

Latar Tempat

- (a) Kampung.
- (b) Rumah Hakim.
- (c) Bangsal rehat.
- (d) Reban ternakan ayam.
- (e) Universiti.
- (f) Mahkamah.
- (g) Bank.

Latar Masa

- (a) Zaman dahulu.
- (b) Zaman moden.
- (c) Sepuluh bulan.
- (d) Setahun.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang menjadi mangsa penindasan golongan yang berkuasa.
- (b) Masyarakat generasi kini yang berani mempertahankan hak mereka.
- (c) Masyarakat yang gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.
- (d) Masyarakat generasi muda yang berpendidikan tinggi.
- (e) Masyarakat yang ingin membersihkan nama dan maruah keluarga.
- (f) Masyarakat yang tamak terhadap golongan yang lemah.
- (g) Masyarakat yang dihimpit masalah kewangan.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa-peristiwa dalam plot cerpen ini disusun secara kronologi.
- (b) Plot permulaan atau eksposisi cerpen ini dimulai dengan penulis mengimbas kembali kisah Kaduk. Pada zaman dahulu, raja memiliki kuasa mutlak. Raja yang zalim akan merampas dan menipu rakyat. Mereka yang menentang raja dianggap penderhana dan dijatuhi hukuman berat. Sikap tamak sesetengah raja membuatkan kehidupan rakyat jelata semakin susah dan dihimpit kemiskinan. Hal inilah yang terjadi kepada Pak Kaduk apabila tanahnya dirampas oleh raja.
- (c) Pada tahap perkembangan, penulis menjelaskan bahawa Hakim yang merupakan cucu Kaduk berusaha untuk mendapatkan hak datuknya yang telah dirampas semula secara tidak sah oleh raja melalui sistem perundangan di mahkamah. Hakim telah mendapatkan bantuan sahabatnya, Azam yang bekerja sebagai peguam. Di mahkamah, Azam bijak berhujah sehingga akhirnya tanah Kaduk yang telah dirampas oleh raja pada suatu masa dahulu dikembalikan kepada warisnya, iaitu Hakim.

- (d) Tahap perumitan cerita apabila Hakim banyak menghadapi masalah ketika mengurus projek penternakan ayam secara kontrak. Masalah pertama ialah jalan masuk ke kawasan penternakan itu tidak diturap menyebabkan lori-lori tersangkut dalam selut lumpur ketika hujan. Rungutan orang kampung yang tidak berpuas hati akibat jalan di kampung itu rosak juga antara penyebabnya. Selain itu, Hakim banyak berhutang dengan syarikat RAJA yang membekalkan anak ayam, makanan dedak, ubat-ubatan serta keperluan lain. Syarikat RAJA berkuasa untuk menentukan harga barang tersebut dan membuat potongan hasil jualan ayam. Baki keuntungan jualan itu tidak dapat menampung kos keseluruhan penternakan. Akibatnya, hutang Hakim semakin meningkat dari sehari ke sehari.
- (e) Klimaks cerpen ini adalah apabila Hakim tiada pilihan selain meneruskan usaha menternak ayam. Dengan apa-apa cara sekalipun, dia perlu membayar hutangnya kepada pihak bank kerana kegalannya melunaskan hutang bank kelak akan menyebabkan tanah pusakanya itu dirampas.
- (f) Peleraian cerpen ini adalah apabila Hakim menganggap tindakan bank merampas tanah pusaka itu disamakan dengan tindakan raja merampas tanah datuknya dahulu. Hakim mula sedar bahawa dia senasib dengan datuknya. Satu perkara yang membezakan mereka hanyalah nama dan masa peristiwa itu berlaku. Pada zaman ini raja ialah orang yang memegang kuasa ekonomi. Orang-orang bawahan terpaksa mengikut telunjuk mereka.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, penulis memerihalkan bahawa Hakim merupakan cucu daripada keturunan Kaduk yang berusaha untuk mendapatkan hak datuknya yang telah dirampas secara tidak sah oleh raja semula.
- (b) Teknik dialog. Contohnya:
- “Dah berapa kali kau menjual ayam?” tanya Azam.
“Sudah enam kali. Ayam-ayam kecil yang kita lihat di dalam reban tadi ialah pusingan yang ketujuh.”
- (c) Teknik imbas kembali. Contohnya, penulis menceritakan kembali kisah Pak Kaduk yang menukar ayamnya, Si Kunani dengan ayam raja. Sebagai taruhan dalam pertandingan sabung ayam tersebut, dia menggadaikan tanahnya kepada raja. Oleh sebab dia kalah menyabung tanah Pak Kaduk itu dirampas oleh raja.
- (d) Teknik imbas muka. Contohnya, Hakim membayangkan niatnya untuk mendirikan sebuah memorial yang akan dinamakan ‘Memorial Pak Kaduk’ sekiranya dia berjaya menebus tanah milik datuknya seluas empat ekar itu kembali.

Gaya Bahasa

- (a) Dalam aspek daksi atau pemilihan kata, pengarang telah menggunakan perkataan sehari-hari yang mudah difahami oleh pembaca.
- (b) Dari segi pembinaan ayat, pengarang menggunakan ayat pendek, ayat sederhana panjang, dan ayat panjang.
- (c) Personifikasi. Contohnya: *Hakim meluahkan segala yang telah bersarang di dadanya.*
- (d) Metafora. Contohnya: *kamar pengadilan.*
- (e) Hiperbola. Contohnya: *Kini, hidupku bergelumang dengan hutang.*
- (f) Simile. Contohnya: *Bank akan merampas tanahku tidak ubah seperti raja merampas tanah datukku dahulu.*

Nilai

- (a) Kebijaksanaan. Contohnya, sebagai peguam, Azam menggunakan kepakarannya dalam bidang guaman untuk membantu Hakim mendapatkan hak milik tanah datuknya yang telah dirampas oleh raja kembali.
- (b) Berdikari. Contohnya, Hakim mengusahakan penternakan ayam secara moden dengan membuat pinjaman bank tanpa memohon bantuan daripada pihak kerajaan.
- (c) Ketaatan. Contohnya, Kaduk mentaati perintah raja dengan menukar ayamnya, Si Kunani dengan ayam raja atas perintah baginda semasa bersabung ayam.
- (d) Keadilan. Contohnya, Tuan Hakim di mahkamah telah mengadili kes perbicaraan tuntutan tanah milik Kaduk oleh cucunya, Hakim secara telus dan akhirnya Hakim berjaya mendapatkan kembali hak milik tanah datuknya itu.
- (e) Kesukuran. Contohnya, Hakim bersyukur kerana dapat menebus tanah dan maruah datuknya semula yang sudah bertahun-tahun menjadi ejekan bangsa.
- (f) Kegigihan. Contohnya, Hakim gigih berusaha dengan beberapa kali berulang-alik ke bank untuk mendapatkan pinjaman bank bagi menjayakan projek ternakan ayamnya.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah menolong orang yang memerlukan bantuan kita.
- (b) Kita hendaklah mengamalkan sikap berdikari tanpa terlalu bergantung kepada bantuan orang lain.
- (c) Kita mestilah menyokong dan menyahut dasar-dasar kerajaan demi kemajuan bangsa dan negara.
- (d) Kita hendaklah bersikap adil semasa membuat pertimbangan.
- (e) Kita perlulah bersikap rasional dengan menggunakan saluran yang betul bagi menuntut hak-hak kita kembali.
- (f) Kita hendaklah gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.
- (g) Kita mestilah bertanggungjawab untuk menjaga dan membersihkan nama serta maruah keturunan kita.
- (h) Kita mestilah bersabar dan tabah menghadapi cabaran hidup.

2. Munsyi (Husna Nazri)

Sinopsis

Mel ingin bekerja dan menetap di ibu kota. Namun demikian, hasratnya itu dibantah oleh bondanya. Bonda memberikan alasan bahawa Mel masih belum menguasai ilmu agama dan masih kurang mahir dari segi penguasaan bahasa ibunda. Bonda juga sedar bahawa anaknya masih belum dilengkapi ilmu pengetahuan yang secukupnya.

Bonda Mel telah menceritakan berbagai-bagai kisah yang berkaitan dengan kehilangan nilai tradisi nenek moyang oleh anak-anak muda di ibu kota yang mudah tergadai maruah diri atas nama kemajuan. Menurut bonda Mel lagi, warga kota yang berbilang kaum mengamalkan sikap prejudis dan berprasangka serta mengutamakan kepentingan diri masing-masing. Pada suatu ketika dahulu, kota pernah mencatatkan sejarah hitam akibat sentimen perkauman yang berpunca daripada pihak penjajah yang berjaya menanamkan benih-benih persengketaan.

Mel bertekad untuk melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman dahulu sebelum benar-benar bersedia untuk berhijrah ke ibu kota. Akhirnya, bonda Mel merestui pemergiannya setelah meyakini

kemampuan anaknya itu untuk hidup berdikari di ibu kota. Bonda Mel turut mengirim kitab-kitab lama bertulisan jawi untuk dihadiahkan kepada sahabat lamanya yang bernama Munsyi.

Pada minggu-minggu pertama Mel berada di ibu kota, dia berasa sedih dan malu apabila melihat anak-anak muda yang sebangsa dengannya telah hilang maruah diri dengan mengamalkan pergaulan bebas dan menggunakan bahasa rojak. Bagi Mel, mereka telah kehilangan identiti dan jati diri. Mel kemudiannya mendapat khabar tentang projek pembinaan bangunan mewah dan hotel bertaraf lima bintang di atas tanah rizab Melayu di pinggir kota. Semua keluarga yang tinggal di tanah rizab tersebut diarahkan berpindah termasuklah Munsyi.

Seminggu selepas Mel diberitakan kisah tentang projek pembinaan bangunan mewah dan hotel bertaraf lima bintang di atas tanah rizab Melayu di pinggir kota bakal dilaksanakan, Mel tergamam apabila melihat rumah Munsyi bersama-sama dengan puluhan buku lama yang diberikan oleh bondanya hancur diranapkan oleh jentera berat. Kesedihannya semakin bertambah apabila mengenangkan satu-satunya tanah rizab bangsa di pinggir kota itu akan dimiliki oleh saudagar asing yang akan mengaut keuntungan kelak. Mel tidak dapat menemui Munsyi. Mel berusaha untuk menjelaki Munsyi tetapi gagal. Orang tua yang merupakan pejuang bahasa itu telah menghilangkan diri.

Tema

Tema cerpen ini ialah semangat cinta akan agama, bangsa, bahasa, dan budaya.

Persoalan

- (a) Kepentingan pengamalan semangat patriotisme dan jati diri dalam jiwa anak-anak muda.
- (b) Pengekalan anutan agama, bahasa, dan budaya tradisi yang diwarisi sejak zaman-berzaman.
- (c) Keseronokan dunia yang mempengaruhi tingkah laku anak-anak muda di ibu kota.
- (d) Kekuatan pegangan agama sebagai benteng pencegahan anasir luar.
- (e) Kehidupan warga kota yang penuh dengan pelbagai cabaran.
- (f) Kepentingan mempelajari dan menghayati sejarah.
- (g) Kegigihan semasa melakukan sesuatu perkara.
- (h) Kesan penjajahan kepada penduduk peribumi.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Mel
- (b) Watak sampingan – Bonda dan Munsyi

Mel

- (a) Anak lelaki kepada bonda.
- (b) Patuh akan nasihat dan pesanan bondanya.
- (c) Rasional semasa membuat keputusan.
- (d) Mempunyai jati diri yang teguh.
- (e) Mempunyai semangat patriotik yang tinggi.
- (f) Amat menghormati orang tua.
- (g) Sangat menyayangi ibunya.
- (h) Pandai hidup berdikari.
- (i) Gigih semasa melakukan sesuatu perkara.
- (j) Bersikap amanah dan jujur.
- (k) Bijak merancang masa depan.
- (l) Rajin menimba ilmu.
- (m) Berjiwa sensitif dan mudah menaruh perasaan belas terhadap nasib orang lain.
- (n) Berani semasa membuat keputusan.

Bonda

- (a) Ibu kepada Mel.
- (b) Penyang dan banyak memberikan kata-kata nasihat dan pesanan kepada Mel.
- (c) Berjiwa patriotik.
- (d) Berilmu dan berpengetahuan luas.
- (e) Amanah.
- (f) Berpendirian tegas.
- (g) Baik hati.
- (h) Berani semasa melakukan tindakan.

Munsyi

- (a) Sahabat baik kepada bonda dan tinggal di ibu kota.
- (b) Berusia emas dan mempunyai janggut yang menutupi sebahagian mukanya yang putih bersih.
- (c) Pejuang bahasa.
- (d) Memiliki ilmu bahasa yang tinggi.
- (e) Berhemah tinggi.
- (f) Mengagungkan seni dan budaya tradisi bangsa.
- (g) Mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Latar

Latar Tempat

- (a) Rumah Mel.
- (b) Rumah Munsyi.
- (c) Kampung Mel, iaitu Mel dan Bondanya menetap di situ.
- (d) Sebuah perkampungan tradisi di pinggir kota yang merupakan tanah rizab Melayu.
- (e) Ibu kota.

Latar Masa

- (a) Bulan Mei.
- (b) Beberapa purnama.
- (c) Pada suatu hari.
- (d) Minggu pertama berada di kota.
- (e) Seminggu selepas itu.
- (f) Lebih kurang lima ratus tahun yang lampau.
- (g) Seminggu selepas proses merobohkan rumah-rumah di kampung tradisi.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang amat mencintai agama, bahasa, budaya, dan adat resam turun-temurun.
- (b) Masyarakat yang amat mempertahankan maruah dan harga diri.
- (c) Masyarakat yang berpendirian tegas semasa membuat keputusan.
- (d) Masyarakat yang bijak merancang masa depan.
- (e) Masyarakat kota yang hilang maruah dan jati diri.
- (f) Masyarakat yang amanah dan jujur untuk menyempurnakan hajat seseorang.
- (g) Masyarakat yang menjadi mangsa pembangunan.
- (h) Masyarakat penjajah yang mengamalkan gaya pemerintahan 'pecah dan perintah'.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa-peristiwa dalam plot cerpen ini disusun secara kronologi.
- (b) Plot permulaan cerpen ini dimulai dengan hasrat Mel/penulis yang ingin bekerja dan menetap di ibu kota. Hasratnya itu dibantah oleh bondanya/ibunya. Bonda memberikan alasan bahawa Mel masih belum menguasai ilmu agama dan lemah dari segi penguasaan bahasa ibunda.

- (c) Pada tahap perkembangan, penulis memerihalkan kisah bonda Mel yang menceritakan berbagai-bagi kisah yang berkaitan dengan kehilangan nilai tradisi nenek moyang oleh anak-anak muda di ibu kota yang mudah tergadai maruah diri atas nama kemajuan. Menurut bonda Mel lagi, warga kota yang berbilang kaum mengamalkan sikap prejudis dan berprasangka serta mengutamakan kepentingan diri masing-masing. Pada suatu ketika dahulu, kota pernah mencatatkan sejarah hitam akibat sentimen perkauman yang berpunca daripada pihak penjajah yang berjaya menanamkan benih-benih persengketaan. Mel bertekad untuk melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman dahulu sebelum benar-benar bersedia untuk berhijrah ke ibu kota. Akhirnya, bonda Mel merestui pemergiannya setelah meyakini kemampuan anaknya itu hidup berdikari di ibu kota. Bonda Mel turut mengirimkan kitab-kitab lama bertulisan jawi untuk dihadiahkan kepada sahabat lamanya yang bernama Munsyi.
- (d) Tahap perumitan cerpen ini apabila Mel berasa sedih dan malu apabila melihat anak-anak muda yang sebangsa dengannya di ibu kota hilang maruah diri dengan mengamalkan pergaulan bebas dan menggunakan bahasa rojak. Bagi Mel, mereka telah kehilangan identiti dan jati diri. Mel kemudiannya mendapat khabar tentang projek pembinaan bangunan mewah dan hotel bertaraf lima bintang di atas tanah rizab Melayu di pinggir kota. Semua keluarga yang tinggal di tanah rizab tersebut diarahkan berpindah termasuklah Munsyi.
- (e) Klimaks cerpen ini apabila Mel tergamacam melihat rumah Munsyi bersama-sama dengan puluhan buku lama yang diberikan oleh bondanya hancur diranapkan oleh jentera berat. Kesedihannya semakin bertambah apabila mengenangkan satu-satunya tanah rizab bangsa di pinggir kota itu akan dimiliki oleh saudagar asing yang akan mengaut keuntungan kelak. Mel tidak dapat menemui Munsyi.
- (f) Peleraian cerpen ini bermula apabila Mel berusaha untuk menjelaki Munsyi tetapi gagal. Orang tua yang merupakan pejuang bahasa itu telah menghilangkan diri.
- Teknik Plot**
- (a) Teknik pemerian. Contohnya, penulis memerihalkan suasana tegang yang berlaku di kawasan perkampungan tradisi di pinggir ibu kota ketika kerja-kerja merobohkan rumah-rumah kayu usang penduduk dijalankan oleh pihak berkuasa.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, "Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?"
- (c) Teknik imbas kembali. Contohnya, penulis teringat kembali cerita ibunya mengenai peristiwa rusuhan kaum yang pernah berlaku di ibu kota mewah itu.
- (d) Teknik imbas muka. Contohnya, Mel membayangkan satu-satunya tanah rizab milik bangsa Melayu di ibu kota akan berpindah milik kepada saudagar asing apabila kawasan itu akan dibangunkan dengan pelbagai bangunan mewah serta hotel bertaraf lima bintang.
- (e) Teknik kejutan. Contohnya, pembaca terkejut dan tidak menduga sama sekali bahawa Munsyi akan menghilangkan diri apabila rumahnya dirobohkan.
- kota yang pesat, penjajah menabur bara sengketa, dan hanya ingin menghidupkan roh patriotisme.**
- (c) Peribahasa. Contohnya, baru setahun jagung, besar hati.
- (d) Personifikasi. Contohnya, pesan mulus yang lama terpahat di pangkal hati dan pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya.

Nilai

- (a) Patriotisme. Contohnya, bonda berusaha untuk menanamkan semangat patriotik dalam diri Mel dengan harapan Mel akan menjadi seorang pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa sendiri kelak.
- (b) Tanggungjawab. Contohnya, bonda menjaga khazanah nenek moyangnya yang berupa kitab-kitab lama bertulisan jawi yang tidak ternilai harganya dengan begitu cermat.
- (c) Nilai hormat-menghormati. Contohnya, Mel amat menghormati Munsyi sebagai seorang pejuang bahasa.
- (d) Kasih sayang. Contohnya, bonda berpesan dan menasihati Mel agar sentiasa menjaga agama dan bahasa ibundanya sewaktu dia berada di ibu kota.
- (e) Berdikari. Contohnya, Mel berhijrah seorang diri ke ibu kota untuk mencari kerja yang dapat menjamin kehidupan yang lebih sempurna untuk masa depannya.
- (f) Kegigihan. Contohnya, Mel berusaha untuk menjelaki rumah Munsyi sehingga berjaya berpandukan peta yang dibekalkan oleh bondanya.
- (g) Ketaatan. Contohnya, Mel patuh akan arahan bondanya agar menangguhkan pemergiannya ke ibu kota atas faktor ilmu dan pengalamannya yang masih ceteck.
- (h) Amanah. Contohnya, Mel menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama milik bondanya kepada Munsyi yang menetap di perkampungan tradisi di ibu kota.

Pengajaran

- (a) Kita perlulah mencintai agama, bahasa, budaya, dan adat resam turun-temurun dengan sepenuh hati.
- (b) Kita hendaklah mempertahankan maruah dan jati diri.
- (c) Kita perlulah mengikut nasihat orang tua-tua yang lebih berpengalaman.
- (d) Kita hendaklah bijak merancang masa depan.
- (e) Kita mestilah mengamalkan sikap amanah dan jujur semasa menyempurnakan hajat seseorang.
- (f) Kita mestilah berpendirian tegas untuk membuat keputusan.
- (g) Kita perlulah memahami dan menghayati sejarah tanah air kerana sejarah merupakan fakta kebenaran, bukannya suatu pembohongan.
- (h) Kita tidak sewajarnya menggadai maruah dan harga diri untuk mengejar keduniaan.

3. Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

(Maskiah Haji Masrom)

Sinopsis

Penulis, iaitu seorang wanita yang memperkenalkan dirinya sebagai Mas. Dengan hanya berbekalkan wang sebanyak USD400 (RM1800), dia telah mengikuti rombongan *Passage Tours and Travel* ke Istanbul, Turki. Penulis telah membuat senarai cenderamata yang ingin dibelinya untuk dibawa pulang ke tanah air sebagai ole-ole. Wang sebanyak itu akan digunakan secara berhemat ketika berada di negara orang.

Gaya Bahasa

- (a) Penggunaan ayat pendek, ayat sederhana panjang, dan ayat panjang.
- (b) Metafora. Contohnya, *Hasrat untuk menjengah wajah*

Kisah ini terjadi apabila Mas bersama-sama Kak Chah, Dr. Liza, Shahmeem, Hajah Zalehon, dan Hajah Normah berkunjung ke Grand Bazaar yang terletak tidak jauh dari hotel penginapannya. Grand Bazaar ialah sebuah pusat beli-belah yang mempunyai lebih 6 000 buah kedai. Sebelum itu, penulis telah dinasihati oleh seorang pemandu pelancong yang bernama Encik Yuksel tentang perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan penipuan oleh para peniaga. Ketika berkunjung ke kedai-kedai tersebut, penulis disapa oleh pekedai berbangsa Turki dari sebuah kedai yang menjual jaket kulit. Pekedai itu meminta penulis mencuba sehelai jaket kulit yang berkualiti tinggi yang diperbuat daripada kulit kijang. Pekedai itu menawarkan potongan harga yang rendah. Pekedai itu cuba sedaya upaya memujuk penulis untuk membeli jaket tersebut. Desakan lelaki itu semacam memerangkap dan memaksa penulis untuk membelinya.

Mas telah menolak secara sopan untuk membeli jaket yang dicubanya itu disebabkan jaket itu bukan dalam senarai barang yang ingin dibelinya. Rupa-rupanya tindakan itu telah menimbulkan rasa kurang senang pada pekedai itu. Dia menuduh penulis sebagai wanita Muslim yang tidak baik kerana membuang masanya. Layanan yang agak kasar itu membuatkan penulis berasa kurang selesa. Penulis akhirnya teringat akan pesanan pemandu pelancong sebelum ini agar berhati-hati ketika berurus dengan peniaga di Istanbul.

Mas gemar membaca. Dia sempat membaca puisi yang ditulis oleh Mevlana Celaleddin Ar-Rumi berdasarkan buku yang dibelinya semasa melawat ke makam Mevlana Celaleddin Ar-Rumi di Konya. Puisi yang ditulis oleh Mevlana Celaleddin banyak membicarakan kasih sayang sesama insan. Hal ini amat bertentangan dengan sikap yang ditunjukkan oleh lelaki peniaga Turki itu.

Seterusnya, Mas mengisahkan pula perjalanannya pada hari keenam di Istanbul. Kesusaahan yang dialami oleh wanita tua, penjual makanan burung menyentuh perasaannya. Selain itu, kisah seorang budak lelaki yang cuba menjual barang di pasaran gelap diceritakan juga oleh penulis. Budak lelaki itu bukan sahaja ditangkap tetapi dilayan tanpa ada rasa kemanusiaan oleh pihak polis. Layanan kasar ini juga menyebabkan penulis teringat akan puisi tulisan Mevlana Celaleddin Ar-Rumi yang banyak menceritakan perihal kemanusiaan.

Rakan penulis yang bernama Shahmeem akhirnya membeli sehelai jaket daripada seorang lelaki tua yang menjualnya di pasaran gelap ketika mereka beratur untuk menaiki feri menyeberangi Selat Bosphorus. Harga yang ditawarkan ialah USD120 jauh lebih murah daripada harga di bazaar. Oleh sebab jaket kulit itu tidak sepadan dengan Shahmeem, dia menjualnya kepada penulis. Penulis tidak nampak rasionalnya dia membeli jaket itu untuk kegunaan di Malaysia yang beriklim panas. Mas akhirnya terbeli jaket kulit kijang meskipun dia langsung tidak berniat untuk membelinya pada mulanya.

Mas berpendapat bahawa jaket kulit kijang itu sebenarnya lambang kemewahan dan kemegahan. Hal ini dikatakan demikian kerana lebih seekor kijang perlu dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket. Dalam pada itu, ingatan penulis tertumpu pada hasil penulisan tinggalan Nasreddin Hodja, iaitu tokoh pendidik yang berjiwa humoris dan mengamalkan cara hidup sederhana. Beliau tidak suka akan pembaziran dan kemewahan.

Shahmeem gembira kerana Mas sudi membeli jaket kulit itu walaupun harga yang dijualnya jauh lebih murah

daripada harga asal. Mas berhasrat untuk menjual jaket itu di kedai pakaian terpakai apabila pulang ke Malaysia nanti. Penulis bercadang untuk mendermakan wang jualan jaket itu kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang. Hal ini sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang telah dibunuh demi gaya hidup manusia yang penuh kemodenan. Sesungguhnya, Mas lebih suka hidup bersederhana.

Tema

Cerpen ini membawa tema pengalaman seorang pelancong yang mengalami berbagai-bagai pengalaman sepanjang tempoh kunjungannya itu.

Persoalan

- Kebijaksanaan semasa membuat perancangan.
- Sikap peniaga yang tidak bertanggungjawab dalam perniagaan.
- Kepentingan hormat-menghormati sesama manusia.
- Kesanggupan melakukan kegiatan haram untuk meneruskan kelangsungan hidup.
- Keprihatinan terhadap haiwan liar yang terancam.

Watak dan Perwatakan

- Watak utama – Mas.
- Watak sampingan – lelaki Turki, Shahmeem, Mevlana Celaleddin Ar-Rumi, dan Nasreddin Hodja.

Penulis/Mas

- Mas ialah seorang daripada peserta pakej pelancongan ke Istanbul, Turki.
- Seorang yang berpendidikan tinggi.
- Seorang yang bijak merancang perbelanjaan.
- Dia gemar membaca buku dan bahan bacaan terutama hasil penulis ternama.
- Seorang yang baik hati dan pemurah.
- Seorang yang berhemah tinggi.
- Seorang yang penyabar.
- Dia gemar melancong atau mengembara.
- Dia seorang yang berpendirian teguh.
- Dia mencintai hidupan liar.
- Dia bijak menjaga keselamatan diri.

Pekedai lelaki berbangsa Turki

- Peniaga di Grand Bazaar, Istanbul.
- Seorang yang peramah.
- Seorang yang pandai berpura-pura untuk memenangi hati pelanggan.
- Seorang yang tidak beretika ketika bermiaga.

Kak Chah

- Seorang peserta pakej pelancongan ke Istanbul, Turki.
- Bijak dalam urusan tawar-menawar harga barang.
- Bersikap berhati-hati semasa melakukan sesuatu perkara.
- Prihatin akan keperluan orang lain.
- Teliti semasa berbelanja.

Shahmeem

- Seorang peserta pakej pelancongan ke Istanbul, Turki.
- Bijak berikhtiar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- Baik hati dan bertimbang rasa.
- Menghargai jasa orang lain.
- Gopoh dan kurang berhati-hati ketika berbelanja.

Latar

Latar Tempat

- (a) Istanbul, Turki.
- (b) Grand Bazaar.
- (c) Sebuah kedai di Grand Bazaar.
- (d) Di dalam bas.
- (e) Egyptian Market.
- (f) Pigeon Valley.

Latar Masa

- (a) Hari kelima lawatan ke Turki.
- (b) Hari keenam lawatan ke Turki.
- (c) Malam terakhir di Istanbul.
- (d) Semasa dalam perjalanan pulang ke hotel.
- (e) Setiap waktu subuh dan maghrib.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang gemar melancong dan mengembara untuk menimba ilmu pengetahuan dan menambah pengalaman.
- (b) Masyarakat yang berpendidikan tinggi.
- (c) Masyarakat yang baik hati dan pemurah.
- (d) Masyarakat yang gemar membaca.
- (e) Masyarakat yang mencintai hidupan liar.
- (f) Masyarakat yang pandai berpura-pura.
- (g) Masyarakat yang berhati-hati semasa melakukan sesuatu perkara.
- (h) Masyarakat peniaga yang tidak beretika.
- (i) Masyarakat penulis yang banyak meninggalkan hasil penulisan yang berkualiti.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa-peristiwa dalam plot cerpen ini disusun secara tidak kronologi.
- (b) Permulaan atau eksposisi cerpen ini dimulai apabila Mas/penulis menyertai sekumpulan pelancong sebanyak 30 orang dari Malaysia melancong ke Istanbul, Turki.
- (c) Pada tahap perkembangan, penulis menceritakan kumpulan pelancong ini berkunjung ke pusat beli-belah yang dikenali Grand Bazaar. Encik Yuksel, pemandu pelancong bagi rombongan tersebut, memberikan panduan dan nasihat agar lebih berhati-hati ketika berbelanja di Grand Bazaar kerana tidak mahu mereka terjerat oleh tipu muslihat peniaga di situ. Mas dan kumpulannya berjalan-jalan hingga tiba di sebuah kedai menjual jaket kulit. Pekedai itu mempelawa mereka masuk dan melayan mereka dengan ramahnya.
- (d) Tahap perumitan/konflik bermula apabila Mas/penulis dimarahi oleh seorang pekedai lelaki yang tidak berpuas hati kerana tidak membeli jaket kulit yang telah dicubanya. Pekedai tersebut menuduh Mas sebagai perempuan Muslim yang tidak baik, selain mengeluarkan kata-kata kesat.
- (e) Klimaks cerpen ini adalah apabila Mas/penulis sedar bahawa dia tidak memerlukan jaket kulit kijang itu. Oleh hal yang demikian, dia berhasrat untuk menjual jaket itu kepada sebuah kedai pakaian terpakai apabila pulang ke Malaysia nanti.
- (f) Peleraian cerpen ini bermula apabila penulis bercadang untuk mendermakan wang jualan jaket itu kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang telah dibunuh demi gaya hidup manusia yang penuh kemodenan.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, penulis menerangkan keadaan di dalam sebuah kedai menjual jaket kulit yang dimasukinya di Grand Bazaar, Istanbul.
- (b) Teknik imbas kembali. Contohnya, Mas teringat kembali akan jenaka sufi yang telah dibacanya dalam *202 Jokes of Nasreddin Hodja* yang dibelinya di Capadocia. Nasreddin Hodja lahir di Horto dan dibesarkan di Aksehir, Turki semasa zaman pemerintahan Sultan Timur Leng.
- (c) Teknik imbas muka. Contohnya: Mas membayangkan wajah-wajah kegembiraan rakannya ketika menerima cenderamata yang dibelinya dari Turki tersebut.

Gaya Bahasa

- (a) Pengarang menggunakan beberapa perkataan bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa Inggeris.
- (b) Pengarang menggunakan ayat pendek, ayat sederhana panjang, dan ayat panjang.
- (c) Simile. Contohnya, *umpama senjata untuk mempertahankan diri, seperti bintang filem jika memakai jaket kulit*.
- (d) Penggunaan kata bahasa Inggeris. Contohnya, *Made in Turkey*.

Nilai

- (a) Suka menimba ilmu. Contohnya, penulis memiliki minat membaca terutama hasil karya penulis tersohor.
- (b) Berhemat. Contohnya, penulis membuat perancangan lebih awal bagi mengawal perbelanjaannya.
- (c) Kemanusiaan. Contohnya, penulis berasa sedih apabila pihak polis menggunakan kekerasan terhadap budak lelaki yang menjual barang di pasaran gelap.
- (d) Sayang akan hidupan liar. Contohnya, penulis sedih kerana haiwan seperti kijang dibunuh untuk diambil kulitnya bagi membuat jaket.
- (e) Baik hati. Contohnya, penulis telah merancang untuk membeli cenderamata untuk dihadiahkan kepada keluarga dan sahabat handainya di tanah air.
- (f) Kesabaran. Contohnya, penulis masih dapat bersabar terhadap tindakan lelaki Turki yang menghambarkan kata-kata kesat dan memaksanya membeli jaket.
- (g) Kesopanan. Contohnya, walaupun menerima layanan buruk daripada pekedai, penulis tetap menunjukkan sikap sopannya.
- (h) Penghargaan. Contohnya, penulis amat menghargai hasil tinggalan penulis Mevlana Celaleddin Ar-Rumi dan Nasreddin Hodja.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah menambahkan pengetahuan dan pengalaman dengan melancong ke luar negara sekiranya berkemampuan.
- (b) Kita mestilah bijak merancang perbelanjaan.
- (c) Kita perlulah berwaspada terhadap muslihat para peniaga yang cuba menjerat pelanggan.
- (d) Kita perlulah berusaha untuk menyelamatkan hidupan liar yang yang semakin mengalami kepupusan.
- (e) Kita hendaklah memiliki perasaan simpati terhadap golongan miskin.
- (f) Kita perlulah bersikap pemurah dan baik hati terhadap orang lain.
- (g) Kita hendaklah bersikap hormat-menghormati terhadap orang lain tanpa mengira bangsa, agama, dan negara.
- (h) Kita perlulah rasional ketika berbelanja dan tidak membeli barang yang tidak diperlukan.



UNIT 5: Drama

Berkhidmat untuk Negara (Affix Zulkarnaen Adam)

Sinopsis

Drama ini mengisahkan Aiman, seorang murid berusia 17 tahun yang memberikan berbagai-bagai alasan untuk tidak menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Aiman menerima surat tawaran daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara yang memaklumkan pemilihan Aiman sebagai seorang daripada pelatih PLKN. Keadaan ini menimbulkan konflik dalaman kepada Aiman kerana dia sememangnya tidak bermindat untuk mengikuti siri PLKN itu disebabkan pengetahuan serta pemahamannya yang kurang tentang kebaikan mengikuti program berkenaan. Selain itu, Aiman beranggapan bahawa PLKN mungkin akan menggugat zon keselesaannya kerana dia berasal daripada keluarga yang berada dan sudah biasa hidup dalam kemewahan.

Konflik antara Aiman dengan Nek Sinah bermula apabila dia merasakan Nek Sinah seolah-olah mengatur kehidupannya apabila menjemputnya untuk makan tengah hari. Oleh itu, dia telah melayan orang gajinya itu dengan kasarnya. Nek Sinah berasa kecewa dengan sikap Aiman yang tidak menghormatinya sebagai orang tua. Nek Sinah hanya bersabar ketika berhadapan dengan kerena Aiman itu.

Di sekolah, kawan-kawannya memberitahu Aiman tentang namanya yang telah terpilih bagi mengikuti PLKN. Aiman tawar hati apabila mendengar berita itu. Sundarani, Nora, Syuhada, Ah Tiau, dan Aiman berbincang tentang PLKN. Masing-masing melahirkan perasaan bangga dan teruja kerana terpilih sebagai pelatih baharu PLKN. Semasa sesi pembelajaran di dalam kelas, Cikgu Dahari telah menerangkan dengan panjang lebar tentang PLKN kepada Aiman dan rakan-rakan sekelasnya. Kebetulan, Cikgu Dahari juga merupakan pengajar sambilan PLKN yang memfokuskan modul PPSB, iaitu Program Penghayatan Sastera dan Budaya.

Selepas pulang dari sekolah, Aiman mengemukakan masalah pemilihan namanya sebagai pelatih PLKN kepada bapanya bagi meraih simpati dan pertolongan. Hasrat Aiman meminta bantuan bapanya yang mempunyai pengaruh dan kedudukan untuk mengecualikan penyertaannya dalam PLKN tidak kesampaian apabila bapanya menolak kemahuannya. Sebaliknya, bapa Aiman bertegas agar Aiman mengikuti PLKN kerana program tersebut banyak mengandungi kebaikan. Sementara itu, Puan Masnah, iaitu ibu Aiman menyebelahi anaknya. Dia kurang bersetuju Aiman mengikuti PLKN atas faktor keselamatan nyawa anaknya. Namun begitu, bapa Aiman tetap teguh dengan pendirian asalnya. Sementara itu, bapa Aiman bercadang untuk merehatkan fikirannya di kelab golf.

Ketika Aiman melayari berbagai-bagai laman sesawang di biliknya, dia telah terbaca satu berita tentang kejayaan seniornya yang bernama Syufia yang berjaya mendapat anugerah pelatih terbaik wirawati di Kem Gerakhas, Desaru, Johor dan juga seniornya, Ziman yang berjaya hidup berdikari selepas menjalani program PLKN. Kejayaan mereka itu telah menyuntik semangat baharu kepadanya. Akhirnya, Aiman tersedar akan kesilapannya yang memberikan tanggapan negatif terhadap pelaksanaan PLKN. Aiman berjanji kepada dirinya untuk mengikuti PLKN bagi membentuk dirinya supaya boleh berdikari seterusnya menyahut seruan berkhidmat untuk tanah air tercinta.

Tema

Tema drama ini ialah kesedaran generasi muda untuk memupuk semangat cinta akan negara yang diperoleh melalui pelibatan mereka dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Persoalan

- (a) Kesedarian generasi muda mengikuti dasar kerajaan.
- (b) Tanggungjawab ibu bapa untuk menentukan keberkesanan dasar kerajaan.
- (c) Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak.
- (d) Kesedaran tentang kepentingan menyertai program kerajaan.
- (e) PLKN membentuk sikap berdikari dan jati diri dalam diri generasi muda.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Aiman.
- (b) Watak sampingan – Khir Ghazali, Masnah, Cikgu Dahari, Posmen, Nek Sinah, Syuhada, Ah Tiau, Sundarani, dan sebagainya.

Aiman

- (a) Nama penuhnya ialah Aiman Faizullah bin Khir Ghazali.
- (b) Dia merupakan anak bongsu daripada dua orang adik-beradik.
- (c) Dia berumur 17 tahun.
- (d) Seorang yang bersifat agresif.
- (e) Seorang yang suka tidur.
- (f) Seorang yang mementingkan kemewahan hidup.
- (g) Seorang yang bersikap biadab dan kurang sopan.
- (h) Seorang yang sedar akan kesilapan dan ingin berubah.

Khir Ghazali

- (a) Bapa kepada Aiman dan Dapnia.
- (b) Suami kepada Masnah.
- (c) Beliau berpangkat Datuk.
- (d) Seorang yang gigih bekerja.
- (e) Seorang yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat.
- (f) Seorang yang berpendirian tegas.
- (g) Seorang yang berpandangan jauh.
- (h) Seorang bapa yang penyayang.
- (i) Seorang yang bersifat merendah diri.

Masnah

- (a) Ibu kepada Dapnia dan Aiman.
- (b) Beliau bergelar Datin.
- (c) Seorang yang penyayang.
- (d) Seorang yang sibuk dengan berbagai-bagai urusan.
- (e) Seorang yang mudah mengakui kesilapan diri.

Latar

Latar Tempat

- (a) Rumah Khir Ghazali.
- (b) Sekolah.
- (c) Bilik Aiman.

Latar Masa

- (a) Cuti hujung minggu.
- (b) Waktu tengah hari.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mementingkan semangat patriotik/cinta akan negara.
- (b) Masyarakat yang menyayangi anggota keluarga.
- (c) Masyarakat yang berintegriti dan amanah semasa memikul tanggungjawab.
- (d) Masyarakat yang berpandangan jauh.

- (e) Masyarakat yang mempunyai pengaruh dan kedudukan dalam kalangan masyarakat.
- (f) Masyarakat yang terlalu memanjakan anak.
- (g) Masyarakat yang berpendirian tegas.

Plot

- (a) Permulaan drama ini mengisahkan watak Aiman yang menerima sepuak surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara sebagai pelatih baharu Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).
- (b) Cerita berkembang apabila Aiman menunjukkan berbagai-bagai reaksi setelah menerima surat tawaran daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara yang dihantar oleh posmen itu.
- (c) Cerita sampai kepada tahap perumitan apabila berlaku konflik dalam diri Aiman kerana dia sememangnya tidak berminat untuk mengikuti siri PLKN itu disebabkan pengetahuan serta pemahamannya yang kurang tentang kebaikan seseorang remaja mengikuti program berkenaan.
- (c) Cerita sampai kepada tahap klimaks apabila Aiman cuba meminta bantuan bapanya yang mempunyai pengaruh dan kedudukan itu untuk mengecualikannya daripada pelatih baharu Program Latihan Khidmat Negara. Namun begitu, bapanya menolak kemahuannya itu. Bapa Aiman bertegar kepada Aiman agar mengikuti PLKN itu kerana program itu banyak mengandungi kebaikan yang tidak diketahui oleh Aiman. Ibu Aiman menyebelahi anaknya. Dia kurang bersetuji Aiman mengikuti PLKN atas faktor keselamatan nyawa anaknya. Namun begitu, bapanya tetap teguh dengan pendirian asalnya.
- (d) Cerita sampai kepada tahap peleraian apabila Aiman tersedar akan kesilapannya yang memberikan tanggapan negatif terhadap pelaksanaan PLKN itu selepas membaca berita tentang kejayaan senior-seniornya semasa mengikuti kursus PLKN. Aiman berjanji kepada dirinya untuk mengikuti kursus PLKN bagi membentuk dirinya supaya boleh hidup berdikari, seterusnya menyahut seruan untuk berbakti kepada tanah air yang tercinta.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang menggambarkan sikap Aiman yang bersantai dan hanya melakukan segala kerja yang diminatinya pada cuti hujung minggu.
- (b) Teknik saspens. Contohnya, pengarang menggunakan teknik saspens dengan membiarkan pembaca bertanya-tanya tentang keputusan yang bakal dibuat oleh Khir Ghazali apabila anaknya, Aiman bercadang untuk menggunakan kedudukan dan pengaruh bapanya untuk mengecualikan dirinya daripada menyertai PLKN.
- (c) Teknik kejutan. Contohnya, pembaca dikejutkan dengan tindakan Datuk Khir Ghazali yang tidak mahu menggunakan kedudukan dan pengaruhnya untuk mengecualikan penyertaan anaknya, Aiman daripada PLKN itu.
- (d) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Aiman dengan posmen yang menghantar surat tawaran PLKN ke rumahnya. Contoh:
POSMEN: Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazal di rumah ini?
AIMAN: Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?
POSMEN: Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara.

- (e) Teknik konflik. Contohnya, konflik yang berlaku antara Aiman dengan Nek Sinah. Aiman kurang menyenangi kata gelaran yang digunakan oleh Nek Sinah kepadanya.
- (f) Teknik monolog. Contohnya, Aiman berfikir sesuatu secara bersendirian sambil menanyakan dirinya tentang tindakan yang perlu dibuat dengan surat tawaran PLKN yang diterimanya.

Gaya Bahasa

- (a) Pengaruh bahasa Arab. Contoh: *Assalamualaikum, Waalaikumussalam*.
- (b) Pengaruh bahasa Inggeris: Contoh: *mummy, daddy*.
- (c) Simile. Contoh: *Cuti hujung minggu sudah menjadi seperti masa yang terbaik untuk AIMAN bersantai dan melakukan segala perkara yang dimahukannya*.
- (d) Metafora. Contoh: *Buta sejarah betul kau ini*.
- (e) Inversi. Contoh: *Tak fahamlah saya, bang*.
- (f) Perulangan kata atau repetisi. Contoh: *Aku tak suka, tak suka*.
- (g) Peribahasa: Contoh: *hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lurus bendul, bodoh sompong, besar panjang*.

Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, Datuk Khir Ghazali amat menyayangi Aiman dan keluarganya. Beliau memutuskan agar Aiman menghadiri PLKN untuk membentuk peribadi anaknya itu agar menjadi insan yang berguna kepada nusa dan negara.
- (b) Cinta akan negara/Patriotisme. Contohnya, kawan-kawan sekelas Aiman yang terdiri daripada Nora, Syuhada, Ah Tiau, dan Sundarani sangat teruja dan berbangga apabila nama mereka terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara.
- (c) Kegigihan. Contohnya, Cikgu Dahari gigih membimbang dan memberikan tunjuk ajar kepada pelatih PLKN tentang Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB).
- (d) Hemah tinggi. Contohnya, Nek Sinah bertutur dengan suara yang lemah lembut ketika mengajak Aiman makan tengah hari walaupun Aiman melayannya dengan bersikap kurang sopan.
- (e) Berpandangan jauh. Contohnya, Datuk Khir Ghazali ingin Aiman menyertai PLKN untuk membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni di samping memupuk semangat patriotik dalam jiwa anaknya itu.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah memupuk semangat patriotik/cinta akan negara dalam kalangan generasi muda.
- (b) Kita perlulah menjadi seorang insan yang berintegriti dan amanah untuk memikul tanggungjawab.
- (c) Kita mestilah rajin membaca bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan luas tentang satu-satu perkara.
- (d) Kita hendaklah bersabar menghadapi kerenah manusia yang biadab.
- (e) Kita perlulah berpandangan jauh dalam usaha membina kehidupan yang lebih sempurna.
- (f) Kita mestilah berpendirian tegas dan teguh untuk menegakkan satu-satu perkara yang bermanfaat kepada nusa dan negara tercinta.
- (g) Kita hendaklah gigih mencari rezeki yang halal untuk menyara keluarga.

NOVEL

1

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA (*Abdul Latip bin Talib*)

Edisi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Negeri Sembilan

Sinopsis

Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* berlegar-legar sekitar watak utama, iaitu Adnan. Pada peringkat awal penceritaan, novel ini mengisahkan kehidupan Adnan semasa kecil. Beliau dilahirkan di sebuah kampung di Sungai Ramal, Selangor. Rata-rata penduduk kampung itu masih berada dalam kemiskinan. Kehidupan mereka bergantung pada sawah dan kebun getah yang luasnya sekadar cukup makan sahaja. Keadaan ini turut dirasai oleh Pak Saidi dan Mak Milah, iaitu bapa dan ibu Adnan yang membesarkan tiga orang anak, iaitu Adnan, Ahmad, dan Amarullah. Adnan merupakan anak sulung keluarga Pak Saidi. Sewaktu masih kecil, Adnan merupakan anak yang rajin membantu keluarganya dan taat akan perintah orang tuanya. Walaupun usianya baru mencecah sepuluh tahun, setiap pagi Adnan akan pergi ke kebun getah untuk membantu orang tuanya menoreh getah. Selain itu, dia mengerjakan sawah bendang.

Pak Saidi sebenarnya berketurunan pahlawan. Beliau sendiri merahsiakan keturunannya kerana khawatir akan diburu oleh pihak penjajah kerana moyangnya menjadi orang buruan Inggeris. Darah kepahlawanan itulah yang mengalir dalam jiwa Adnan. Semangat patriotik yang dimiliki oleh Pak Saidi amat tebal. Pak Saidi amat mengambil berat tentang sejarah tanah air. Beliau senantiasa menekankan peri pentingnya orang-orang Melayu mengubah kehidupan di negara sendiri. Para penjajah telah mengambil kekayaan negeri ini dan menjadikan kaum peribuminya hidup dalam kemiskinan. Nasib orang-orang Melayu terpinggir dan tidak terbelia. Pak Saidi tidak mahu anak-anaknya mewarisi pekerjaannya. Pak Saidi memiliki keazamanan yang tinggi terhadap masa depan anak-anaknya. Pengetahuan Pak Saidi tentang sejarah tanah air dikagumi oleh penduduk kampungnya.

Sejak kecil, Pak Saidi tidak mengabaikan tanggungjawab memberikan didikan terbaik untuk anak-anaknya. Pak Saidi mahukan anak-anaknya berbakti kepada agama, bangsa, dan tanah air. Pak Saidi sedar bahawa dengan ilmu pengetahuan sahajalah negara akan dapat dibangunkan. Pihak penjajah sememangnya tidak suka orang-orang Melayu menjadi pandai. Atas dasar itu, Pak Saidi berhasrat mahu menghantar anak-anaknya mendapatkan ilmu pengetahuan di sekolah aliran Inggeris. Tindakan Pak Saidi itu mendapat tentangan daripada masyarakat kampung yang khawatir anak-anak Pak Saidi akan diresapi pengaruh agama Kristian, dan seterusnya menjadi murtad.

Adnan bersekolah di sebuah sekolah aliran Inggeris. Di sekolah, Adnan terkenal sebagai pelajar yang rajin dan pintar. Sikap ringan tulangnya amat disenangi oleh teman-teman dan juga guru-guru sekolah. Adnan menyatakan cita-citanya untuk menjadi askar. Setelah tamat persekolahan, dia diterima menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu Sungai Ramal. Namun begitu, bidang perguruan bukanlah minatnya. Cita-citanya hanyalah satu, iaitu untuk menjadi askar. Adnan terpilih menjadi askar dalam temu duga yang diadakan di Port Dickson. Adnan berkahwin dengan Sophia.

Adnan membawa isteri dan anak-anaknya ke Singapura. Namun, Adnan terpaksa menghantar anak-anak dan isterinya pulang ke kampung apabila mendengar berita Jepun akan menyerang Singapura.

Pada Sabtu 6 Disember 1941, suatu persidangan telah berlangsung di Manila yang dihadiri pegawai-pegawai Tentera Laut Amerika Syarikat dan British. Laporan perisikan menyatakan bahawa angkatan laut Jepun telah belayar menuju ke Asia. Risikan mendapati sekurang-kurangnya 25 buah kapal pengangkut yang diringi oleh kapal tempur, kapal penjajap, dan kapal pembinasan sedang menuju ke Laut China Selatan. Hal ini merupakan isyarat yang jelas bahawa Jepun akan terlibat dalam Perang Dunia Kedua.

Batalion Kedua Askar Melayu ini ditempatkan di Kelantan menentang pendaratan askar Jepun dan mereka terlibat dalam pertempuran di Pantai Cahaya Bulan pada 8 Disember 1941. Pada hari pertama askar Jepun mendarat, mereka telah ditentang hebat oleh askar Melayu yang dibantu oleh tentera India British yang berkubu di sepanjang pantai. Pada hari kedua, kapal-kapal perang Jepun telah melepaskan tembakan di sepanjang pantai menyebabkan banyak askar terkorban. Askar Melayu terus bertahan dan berjaya menggagalkan pendaratan askar Jepun. Namun begitu, pada hari yang ketiga, Askar Melayu yang sedang bertempur diarahkan supaya berundur. Askar Jepun akhirnya berjaya mendarat di Kelantan setelah tiga hari bertempur.

Pada mulanya British begitu yakin akan kekuatan tenteranya untuk menangkis serangan askar Jepun. Sebaik-baik sahaja mendapat laporan bahawa tentera Jepun akan mendarat di Kota Bharu, Inggeris telah menghantar askarnya berkubu di sepanjang pantai. British juga menghantar dua buah kapal perang, iaitu *Prince of Wales* dan *Repulse* untuk mempertahankan Tanah Melayu. Malangnya, kedua-dua buah kapal perang kebanggaan British itu berjaya ditenggelamkan oleh kapal terbang Jepun yang melakukan serangan *kamikaze*. Berita tenggelamnya dua buah kapal perang itu telah mengejutkan British sekali gus melemahkan moral dan semangat askarnya.

Pihak Inggeris percaya bahawa kubu pertahanannya di Singapura kebal. Malah Inggeris yakin bahawa kubunya di Singapura itu tidak akan dapat ditembusi oleh askar Jepun. Dalam pertempuran di Kelantan dan di Singapura, askar Melayu telah menunjukkan keberanian dan semangat keperwiraan yang hebat. Sebanyak 152 orang askar Melayu, termasuk 7 orang pegawai Melayu yang dipinjamkan ke Rejimen Askar Melayu terkorban. Antara pegawai askar Melayu yang terkorban itu termasuklah Leftenan Adnan bin Saidi. Beliau bersama-sama 42 orang anggotanya telah berjuang sehingga ke titisan darah yang terakhir. Pada 15 Februari 1942, askar Jepun berjaya menakluki Singapura setelah berlaku pertempuran yang hebat. Akhirnya, British terpaksa menyerah kalah kepada Jepun.

Inti Pati Bab

Bab 1: Darah Pahlawan

- Kisah Adnan (yang masih kecil) bersama-sama keluarganya, iaitu dia merupakan anak lelaki sulung kepada Pak Saidi dan Mak Milah. Sejak kecil, Adnan telah menunjukkan keberaniannya.
- Pak Saidi berasa amat gembira kerana dikurniakan tiga orang anak lelaki. Yang sulung bernama Adnan, yang tengah bernama Ahmad, dan yang bongsu dinamakan Amarullah.
- Adnan sering berinspirasi tentang kepahlawanan beberapa orang pahlawan Melayu silam seperti Datuk Siamang Gagap, Tok Janggut, Datuk Bahaman, dan Mat Kilau. Pahlawan-pahlawan ini sanggup berjuang dan mempertaruhkan nyawa mereka demi agama dan bangsa.
- Pak Saidi bertekad untuk mengubah nasib bangsanya yang dihimpit masalah kemiskinan, iaitu sebagai petani, mereka tidak harus kekal menjadi petani yang miskin.
- Pada tanggapan Pak Saidi, anak-anak perlu diberikan didikan yang sempurna agar mereka lebih berpendidikan dan akhirnya mampu membawa perubahan kepada keluarga, bangsa, dan negara.
- Menurut Pak Saidi, generasi mudalah yang memikul amanah untuk memerdekaan negara daripada cengkaman penjajah.
- Pak Saidi menjelaskan bahawa dia sebenarnya cucu Datuk Siamang Gagap. Moyangnya pernah membantu Dol Said menentang Inggeris di Naning. Hal ini terpaka diarahsiakan kerana masyarakat memandang serong terhadap keturunannya yang dianggap sebagai penderhana dan menjadi buruan Inggeris.

Bab 2: Kampung Sungai Ramal

- Adnan merupakan anak yang baik dan berakhhlak mulia. Walaupun usia Adnan masih muda, Adnan banyak membantu ayahnya di kebun getah dan sawah padi.
- Adnan tidak seperti anak-anak muda kampungnya yang lain yang banyak menghabiskan masa dengan berborak-borak kosong di kedai kopitiam. Kerajinan Pak Saidi dicontohi oleh Adnan.
- Pak Saidi menegur anak-anak muda yang banyak mensiasaikan waktu muda mereka. Negara akan kekal dijahat seandainya anak-anak muda ini tidak memiliki kesedaran untuk melakukan perubahan.
- Menurut Pak Saidi, kebijaksanaan Inggeris telah menyebabkan kuasa yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu semakin terhakis.
- Pak Saidi menjelaskan kekagumannya terhadap tokoh-tokoh tanah air seperti Syed Syeikh al-Hadi yang banyak menulis tentang perkembangan tanah air dan pelopor semangat kebangsaan Melayu.

Bab 3: Harapan Seorang Ayah

- Adnan mempunyai dua orang adik lelaki, iaitu Ahmad dan Amarullah. Ketiga-tiga beradik ini mempunyai kepadaan bersilat. Selain dapat menyihatkan badan, ilmu persilatan ini dapat digunakan ketika menentang musuh.
- Pak Saidi teringat akan hasil penulisan tokoh yang amat diminatininya, iaitu Syed Syeikh al-Hadi. Syed Syeikh al-Hadi yang meminta orang-orang Melayu dan generasi baharu kerana mereka lahir pemimpin yang akan mentadbirkan negara.
- Disebabkan hasil penulisan Syed Syeikh al-Hadi banyak

mempengaruhi cara berfikir Pak Saidi, maka dia harus memikul tanggungjawab menyebarkan pemikiran ini kepada orang ramai sebagai langkah persediaan negara untuk mencapai kemerdekaan.

Bab 4: Dusun Durian di Tanah Perkuburan

- Adnan rajin mengikut ayahnya ke kebun durian yang berhampiran dengan tanah perkuburan. Pak Saidi merupakan seorang yang pemurah kerana tidak menghalang sekiranya ada orang datang untuk mengambil buah-buahan itu.
- Pak Saidi menjelaskan bahawa moyangnya berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau. Moyang mereka pernah membantu Dol Said pahlawan Naning menentang Inggeris dalam Perang Naning Pertama dan Perang Naning Kedua. Moyang mereka menjadi buruan Inggeris.
- Pak Saidi juga menceritakan kisah penentangan Datuk Siamang Gagap terhadap Inggeris. Datuk Siamang Gagap tidak mahu tunduk terhadap Inggeris lalu bersembunyi di Kampung Juaseh di daerah Jempol. Seorang anak Datuk Siamang Gagap mudik ke Sungai Beranang lalu menetap di Kampung Sungai Ramal.
- Pak Saidi menyatakan bahawa penentangan orang-orang Melayu terhadap Inggeris perlulah sesuai dengan tuntutan semasa. Orang-orang Melayu tidak perlu menggunakan senjata, sebaliknya menggunakan cara rundingan politik bagi menuntut kemerdekaan. Oleh sebab itu, orang Melayu perlu bersatu dan berilmu pengetahuan agar penjajah memandang hormat kepada kita.

Bab 5: Harapan Seorang Ibu

- Pak Saidi mahu anak-anaknya menjadi anak yang soleh agar mereka dapat mencurahkan bakti kepada agama, bangsa, dan tanah air. Anak-anak juga diberikan pendidikan agama dan ilmu persilatan.
- Ilmu ini menjadi benteng diri daripada mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang kurang sihat. Ilmu persilatan pula penting untuk kesihatan dan mempertahankan diri.
- Pak Saidi mahukan anak-anaknya menuntut ilmu bukan setakat di sekolah rendah sahaja. Dia berhasrat untuk menghantar anak-anaknya belajar di sekolah Inggeris kerana di sana mereka boleh menyambung pelajaran di sekolah menengah dan sekolah tinggi.
- Pak Saidi tidak mahu anak-anaknya ketinggalan dalam arus pendidikan semasa. Dia mahu mengubah nasib anak-anaknya dan tidak mewarisi pekerjaannya.
- Anak-anak Pak Saidi tidak membantah apabila Pak Saidi menyatakan hasrat mahu menyekolahkan mereka di sekolah aliran Inggeris. Adnan berasa teruja kerana adik-adiknya, iaitu Ahmad dan Amarullah akan mengikuti jejaknya juga.

Bab 6: Guru Besar Steward

- Guru Besar yang bernama Steward berbangga kerana ada orang Melayu yang sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris. Beliau menerima Adnan belajar di sekolah berkenaan.
- Pak Saidi sanggup menghantar dan mengambil Adnan dengan menunggang basikalnya disebabkan jarak antara rumah dengan sekolah agak jauh.
- Sebelum pergi menoreh getah, Pak Saidi akan menghantar Adnan dan menjemputnya setelah selesai kerjanya. Pak Saidi sanggup berkorban demi masa depan anaknya.
- Semangat Pak Saidi mendapat pujian daripada Cikgu Nazri, iaitu seorang guru Melayu yang mengajar di sekolah itu.

- Pak Saidi tetap tidak mengabaikan pelajaran agama anak-anaknya. Setiap malam, dia mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran. Dia mahu anaknya mendapat ilmu dunia dan ilmu akhirat.

Bab 7: Mereka Tidak Mengerti

- Penduduk Sungai Ramal gempar apabila mendapat tahu bahawa Pak Saidi menghantar anaknya belajar di sekolah Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana ada sekolah pondok dan sekolah Melayu di sekitar kawasan tersebut. Mereka khawatir anak Pak Saidi akan dikristiankan atau menjadi murtad.
- Beberapa orang penduduk kampung mengadukan hal tersebut kepada ketua kampung. Jika Pak Saidi meneruskan cita-cita tersebut, mereka ingin menghalau Pak Saidi sekeluarga dari kampungnya. Mereka takut kalau anak-anak mereka akan dipengaruhi oleh anak-anak Pak Saidi supaya menjadi murtad.
- Tuk Ketua tidak termakan hasutan orang kampung kerana beliau sedar bahawa keluarga Pak Saidi memiliki akhlak yang terpuji. Sebaliknya, Tuk Ketua menempelak Abu kerana anaknya, Nordin mencuri buah rambutan orang-orang kampung.
- Nordin pula mendendami Pak Saidi kerana menganggap Pak Saidilah yang melaporkan hal tersebut kepada Tuk Ketua.

Bab 8: Seteguh Karang

- Pak Saidi tidak mempedulikan rungutan penduduk kampung. Pak Saidi tegar mahukan anak-anaknya mendapat pendidikan di sekolah aliran Inggeris.
- Hal ini dikatakan demikian kerana orang putih lebih maju daripada orang Melayu dari segi pendidikan. Mereka menjajah Tanah Melayu kerana mereka memiliki pengetahuan yang tinggi. Kekayaan bumi ini dikaut kerana ilmu pengetahuan.
- Pelajaran di sekolah Melayu hanya setakat sekolah rendah. Sedangkan sekiranya bersekolah aliran Inggeris, mereka berpeluang untuk menyambung pelajaran ke sekolah menengah dan ke sekolah tinggi. Mereka berpeluang untuk menjawat jawatan yang tinggi.
- Bagi Pak Saidi, anak-anak perlu disediakan ilmu pengetahuan kerana mereka bakal mentadbirkan negara ini pada masa akan datang.
- Pak Saidi menegur sikap Karim kerana dia beranggapan bahawa anak-anak perempuannya tidak perlu diberikan pendidikan yang tinggi.
- Berlaku perdebatan antara Pak Saidi dengan Tuk Ketua yang kurang puas hati terhadap Pak Saidi. Pak Saidi tetap mempertahankan pandangannya, iaitu menghantar anak ke sekolah aliran Inggeris bukan bermakna menjadikan anak mereka penganut agama Kristian.

Bab 9: Anak-anak Kampung

- Suatu malam, Pak Saidi terjaga daripada tidur apabila dikejutkan oleh bunyi bising. Pak Saidi dan Adnan mengamati bunyi tersebut dan terlihat suatu lembaga.
- Adnan sempat membaling kayu belutinya ke arah seorang daripada dua lembaga itu. Adnan yakin bahawa balingannya mengenai sasaran.
- Keesokan harinya, Adnan melihat tayar basikal ayahnya dikerat dengan pisau angkara perbuatan khianat.
- Beberapa orang pelanggan bercerita tentang Nordin. Kaki kanannya bengkok hingga sukar berjalan. Pak Saidi teringat akan peristiwa dua hari yang lalu ketika Adnan sempat membaling kayu beluti ke arah dua orang lembaga itu.

- Di sekolah, Adnan terkenal sebagai pelajar yang rajin dan pintar. Dia amat disenangi oleh teman-teman dan guru-gurunya.

Bab 10: Masuk Jawi Basikal Baharu

- Adnan dikhatakan ketika umurnya mencecah dua belas tahun. Sebagai anak lelaki, Adnan kurang merasai kesakitan ketika berkhatan.
- Ayahnya membelikan Adnan sebuah basikal baharu sebagai hadiah.
- Adnan akan berkhatan. Adnan resah apatah lagi Tuk Mudim sudah sampai. Walaupun Tuk Mudim berjenaka, bagi Adnan itu bukanlah lawak. Rakan-rakan Adnan mengintai dari luar.
- Adnan menjadi bersemangat apabila ayahnya berjanji untuk membelikan basikal baharu apabila dia selesai berkhatan. Adnan bersemangat dan tidak gentar apabila dikhatakan. Dia tersenyum selepas dikhatakan. Kira-kira dua minggu kemudian, luka Adnan sembuh.
- Pada hari yang dijanjikan, ayahnya membawa pulang sebuah basikal baharu.

Bab 11: Yakin Boleh

- Cikgu Nazri menyatakan bahawa pada bulan depan akan diadakan pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris.
- Adnan menyatakan kesanggupannya untuk menyertai pertandingan tersebut walaupun rakan-rakannya memperlehkan tindakannya itu.
- Cikgu Nazri memuji sikap berani mencuba Adnan walaupun dia masih belum fasih berbahasa Inggeris.
- Pak Saidi sekeluarga hadir ke tempat berlangsungnya pertandingan syarahan bagi memberikan sokongan moral kepada Adnan.
- Adnan telah menjadi juara dalam pertandingan syarahan bahasa Inggeris itu.

Bab 12: Jaguh Kampung

- Perlawanan bola sepak antara Kampung Sungai Merap dengan Kampung Sungai Ramal telah menjadi buah mulut orang ramai. Budin dari pasukan Kampung Sungai Merap tidak berpuas hati kerana kekalahan di tangan pasukan Kampung Sungai Ramal.
- Mereka mengatur pula perlawanan tinju antara kedua-dua pasukan. Budin daripada pasukan Kampung Sungai Merap akan bertinju dengan Adnan daripada pasukan Kampung Sungai Ramal.
- Akhirnya, Budin dan Adnan bersepakat untuk tidak meneruskan perlawanan tinju itu dan mereka menjadi sahabat.

Bab 13: Darah Muda

- Masyarakat kampung sudah dapat menerima dengan baik anak-anak Pak Saidi belajar di sekolah aliran Inggeris. Pak Saidi berbangga kerana dia berjaya membuka mata orang-orang kampung.
- Adnan berjaya menamatkan pelajarannya dengan cemerlang. Adnan telah terpilih sebagai guru pelatih dan diarahkan mengajar di Sekolah Melayu Sungai Ramal.
- Bidang perguruan bukanlah menjadi minat Adnan kerana cita-citanya adalah untuk menjadi askar.
- Adnan semakin berminat untuk mengetahui perkembangan politik tanah air. Minatnya untuk melihat negara ini bebas daripada penjajahan begitu ketara sekali.

Bab 14: Askar Melayu Diraja

- Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada

23 Januari 1933, Rang Undang-undang Askar Melayu telah diluluskan. Kerajaan telah menubuhkan pasukan Askar Melayu.

- Pihak British sedang mencari anak-anak muda Melayu yang berminat untuk menyertai Askar Melayu yang baru ditubuhkan itu. Adnan tidak melepaskan peluang dan mendaftarkan nama bagi menyertai Askar Melayu.
- Adnan akan berangkat ke Port Dickson untuk menjalani temu duga bagi membolehkannya terpilih menjadi askar. Ayah dan ibunya merestui cita-cita Adnan untuk menjadi askar.

Bab 15: Buku Bertemu Ruas

- Adnan terpaksa menahan ejakan dan cemuhuan daripada beberapa orang pemuda di kampungnya. Bagi mereka, askar merupakan tali barut orang putih dan pembelot bangsa.
- Adnan bersama-sama dengan tiga orang rakannya yang lain telah menumpang sebuah lori untuk pergi ke Port Dickson.
- Setibanya di Port Dickson, mereka berempat terus ke Kem Haig Lines. Perasaan mereka berdebar-debar ketika menjalani proses temu duga.
- Akhirnya, Adnan telah terpilih menjadi tentera. Dia akan menjalani latihan ketenteraan. Kejayaannya telah menjadi buah mulut orang di pelusuk kampung.
- Pak Saidi mengadakan majlis doa selamat bersempena dengan pemergian Adnan ke Port Dickson untuk menjalani latihan ketenteraan.

Bab 16: Perwira

- Seorang pegawai mengalu-alukan kedatangan rekrut-rekrut baharu. Beliau mengucapkan tahniah dan memberikan kata-kata perangsang.
- Daripada 1000 permohonan, hanya 25 orang yang terpilih dalam pasukan yang digelar pengasas Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu. Mereka merupakan skuad pertama yang akan menjalani latihan ketenteraan.
- Pada 1 Mac 1933, semua rekrut bersedia untuk menjalani latihan ketenteraan.
- Akhirnya, Adnan berjaya menamatkan latihan ketenteraan selama setahun. Adnan telah terpilih sebagai rekrut terbaik dan seterusnya diserapkan ke dalam pasukan Askar Melayu. Adnan telah diarahkan bertugas di Singapura.

Bab 17: Kehidupan Baharu

- Adnan telah dinaikkan pangkat sebagai saran. Namun begitu, bukan pangkat yang dikehjarnya, sebaliknya kewajipan menjalankan tanggungjawab dan amanah perlu diberikan keutamaan.
- Adnan telah terpilih mewakili platoon Askar Melayu dalam perbarisan memberi hormat bagi menyambut upacara pertabalan King George VI di London.
- Pihak British berpuas hati dengan kegigihan yang ditunjukkan Askar Melayu. Mereka mengambil lebih banyak pemuda Melayu untuk berkhidmat dalam Rejimen Askar Melayu. Bilangannya bertambah menjadi 232 orang.
- Adnan telah dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Muda dan dilantik mengetuai Platoon ke-7, Kompeni 'C'. Hal ini berdasarkan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkannya selama berkhidmat sebagai Askar Melayu.
- Pak Saidi telah menjodohkan Adnan dengan seorang gadis bernama Sophia.

Bab 18: Berhari Raya di Kampung

- Perkahwinan Adnan semakin bahagia apabila dikurniakan dua orang cahaya mata. Anak lelaki sulung bernama Mokhtar dan anak yang kedua pula bernama Zainudin.

- Adnan berkhidmat di Singapura manakala isteri dan anak-anaknya menetap di Kajang.
- Adnan membawa keluarganya berpindah ke Singapura. Dia memulakan tugas baharunya di pangkalan tentera Pasir Panjang.
- Isterinya mudah menyesuaikan diri dengan cara hidup di tempat baharu. Jiran-jirannya terdiri daripada isteri anggota tentera yang berkhidmat di sana.

Bab 19: Perang Dunia Kedua

- Berita yang mengejutkan telah diterima oleh Adnan. Ada ura-ura mengatakan bahawa Jepun akan menyerang Tanah Melayu dan Singapura.
- Adnan terpaksa menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung bagi menjamin keselamatan mereka walaupun hatinya berat untuk berpisah dengan mereka.
- Sophia berjanji akan menjaga anak-anak mereka dengan baiknya.
- Nordin yang pada suatu ketika dahulu kerap memusuhi Adnan kini telah berubah. Dia turut menjadi tentera dan menjadi rakan setugas Adnan.

Bab 20: Bukit Candu

- Adnan telah diarahkan bertugas di Bukit Candu yang terletak di kawasan berbukit di sebelah timur yang menghadap ke laut.
- Lettenan Adnan telah mengarahkan anggota tenteranya menggali lebih banyak parit untuk dijadikan kubu. Guni-guni pasir diletakkan di sekitar kawasan Bukit Candu.
- Lettenan Adnan dan Sarjan Hasan bertemu dengan Penghulu Sidek bagi membincangkan masalah penduduk kampung yang enggan berpindah.
- Samad bertengkar dengan Penghulu Sidek. Dia mengatakan bahawa bukannya Jepun mahu menjajah Tanah Melayu tetapi British yang mahu menguatkan cengkaman penjajahannya.

Bab 21: D Ambang Perang

- Pada 6 Disember 1941, suatu persidangan secara tertutup telah berlangsung di Manila.
- Mereka membincangkan persiapan Jepun untuk menakluki Asia termasuk Filipina dan Tanah Melayu.
- Salah seorang pegawai tentera Amerika menyatakan bahawa Jepun sukar untuk ditewaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka cukup terlatih sedangkan Askar Melayu dibekalkan dengan senjata ringan dan bilangannya tidak banyak.
- Penduduk kampung Bukit Candu bersetuju untuk dipindahkan ke tempat yang lebih selamat kecuali Samad dan keluarganya yang enggan berpindah.
- Berlaku kes kecurian akibat rumah kosong yang tidak berpenghuni. Pencuri yang bertopeng itu berjaya diberkas. Setelah diperiksa, pencuri itu ialah Samad.

Bab 22: Hati-hati yang Resah

- Lettenan Adnan memberikan taklimat kepada Kapten Rix tentang tahap keselamatan kawasan di bawah jagannya.
- Pegawai Penerbangan Ramshaw melaporkan bahawa dia melihat banyak kapal tentera Jepun menuju ke Thailand atau Tanah Melayu. Hal ini merupakan isyarat awal yang amat jelas bahawa Jepun akan terlibat dalam Perang Dunia Kedua.
- Pegawai British mengarahkan kapal pembinasan *HMS Repulse* menyekat kemaraan tentera Jepun daripada sampai ke Tanah Melayu.
- Pesawat pengintip gagal mengesan kedudukan kapal-kapal Jepun akibat keadaan cuaca yang buruk. Peluang ini diambil oleh General Tomoyuki yang mengarahkan tenteranya

bertukar arah laluan, iaitu belseyar ke utara menuju ke Teluk Siam.

- Tentera British dan Rejimen Askar Melayu yang ditempatkan di Kelantan diarahkan memperkuuh pertahanan di tepi pantai.

Bab 23: Bermulanya Sengketa

- Pagi 4 Disember 1941, Jeneral Yamashita mengetuai bala tentera Jepun yang berjumlah 25 000 pegawai dan anggota berlepas dari Pelabuhan Samah di Pulau Hainan menuju ke Thailand dengan lapan belas buah kapal pengangkut.
- Tentera Jepun bijak mengatur strategi peperangan apabila mengarahkan konvoinya berpecah kepada tiga pasukan bagi mengelirukan pihak musuh.
- Laluan tentera Jepun bertambah mudah apabila Thailand membentarkan tentera Jepun menggunakan kawasan mereka bagi menyerang Tanah Melayu. Askar Jepun telah mendarat di Songkhla dan di Pattani.
- Pada mulanya British telah mengadakan pelan tindakan yang dipanggil Ops Matador bagi menghalang pendaratan askar Jepun. Namun, Ops Matador terpaksa ditangguhkan bagi mengelakkan Thailand turut sama terlibat dalam kancan peperangan.
- Jeneral A.E. Percival sedar bahawa Jepun memiliki pasukan tentera yang licik dan cekap dalam peperangan. Buktiannya, mereka dengan mudah dapat menakluki China.
- Isa menyatakan sokongannya kepada tentera Jepun yang kononnya datang untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman British.
- Sebilangan penduduk pula berpendapat bahawa tentera Jepun datang bukan untuk memerdekaan Tanah Melayu, tetapi tujuan mereka hanya untuk menjajah semata-mata.

Bab 24: Perangkap Tidak Mengena

- Tentera Jepun yang dihantar ke Tanah Melayu telah menjalani latihan selama tujuh bulan di hutan Burma. Kebanyakan mereka mempunyai pengalaman berperang dengan tentera China. Selain itu, mereka memiliki peralatan ketenteraan yang mencukupi.
- Pada tengah malam 8 Disember 1941, Jepun telah berlabuh di Pantai Kuala Pak Amat, Kelantan. Tarikh ini merupakan permulaan Perang Dunia Kedua di Timur Jauh dan Pasifik.
- Pertahanan di sepanjang pantai agak rapuh kerana musuh melepaskan tembakan bertubi-tubi yang dihalakan ke arah kubu di tepi pantai.
- Jepun cuba mendaratkan tenteranya di Pantai Sabak, Pantai Kuala Pak Amat, dan Pantai Badang.
- Akhirnya, tentera Jepun berjaya mendarat di Pantai Badang kerana pertahanan British di Pantai Sabak dan Pantai Kuala Pak Amat sukar ditembusi.
- Tentera Jepun bergerak untuk menawan Lapangan Terbang Kota Bharu tetapi mereka mendapat tantangan hebat daripada askar Melayu.

Bab 25: Gagalnya Operasi Matador

- Kemaraan tentera Jepun di Kelantan sukar untuk dikekang. Akhirnya, setelah berlaku pertempuran yang sengit, tentera Jepun berjaya menguasai Lapangan Terbang Kota Bharu di Pengkalan Chepa.
- Pada 9 Disember 1941, askar Jepun telah menguasai Lapangan Terbang Kota Bharu. Serangan darat tentera Jepun sukar dihalang kerana strategi pegawainya yang berkemahiran tinggi dalam peperangan.
- Jeneral Yamashita mengarahkan kapal terbang Jepun menyerang Lapangan Terbang Kuantan secara mengejut.

Akibatnya, banyak kerosakan peralatan penerbangan dialami oleh tentera British.

- Tentera Jepun juga berjaya menawan Lapangan Terbang Sungai Petani, Butterworth, dan Alor Setar.

Bab 26: Serangan Bertali Arus

- Pada 10 Disember 1941, Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Pulau Pinang telah diserang oleh tentera Jepun pada masa yang singkat.
- British telah menghantar kapal terbang perang yang hebat, iaitu *HMS Prince of Wales* dan *HMS Repulse* bagi mengekang kemaraan tentera Jepun.
- Tentera Jepun dengan mudahnya mengetahui pergerakan tentera British kerana Kapten Patrick Heenan, iaitu seorang pegawai tentera India memberikan maklumat rahsia pergerakan tentera British kepada Jepun.
- Pak Saidi mendapat berita yang mengejutkan, iaitu anaknya, Ahmad telah meninggal dunia. Ahmad terkorban di medan perang setelah kapalnya tenggelam diserang oleh tentera Jepun.
- Berita kematian adiknya telah meningkatkan semangat perjuangan dalam diri Lettenan Adnan.

Bab 27: Perancangan Dua Jeneral

- Pada 31 Januari 1942, penduduk Johor Bahru gempar dengan kehadiran tentera Jepun. Seluruh Tanah Melayu telah jatuh ke tangan Jepun.
- Samad termakan pujiyan untuk bekerja sebagai pengintip tentera Jepun. Tugasnya adalah untuk mengintip kedudukan tentera British di Pasir Panjang untuk memudahkan pihak Jepun menawan kawasan tersebut.
- Lettenan Jeneral A.E. Percival sedar akan keupayaan tentera British di Singapura masih kuat. Angkatan tentera British sebanyak 85 000 orang masih mampu menyekat kemaraan tentera Jepun yang cuma berjumlah 30 000 orang.
- Kapten Rix dan Adnan mengatur persiapan bagi menentang tentera Jepun di Bukit Cendu dan Pasir Panjang.
- Adnan berasa amat kecewa apabila banyak tentera asing tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Semenanjung Tanah Melayu, malah mereka sanggup menyerah diri daripada terus berjuang.

Bab 28: Pertempuran demi Pertempuran

- Pada 3 Februari 1942, Jeneral Yamashita telah menghantar 13 000 orang tentera elitnya bagi melakukan pendaratan di bahagian utara Singapura berhampiran dengan Sarimun.
- Beberapa tempat di Singapura telah dikuasai oleh tentera Jepun. Jeneral Yamashita telah menulis surat kepada Jeneral A.E. Percival supaya menyerah kalah tetapi ditolak oleh Jeneral A.E. Percival.
- Askar Melayu merupakan satu-satunya pasukan yang masih bersemangat bertempur dengan tentera Jepun. Mereka dengan beraninya berjuang untuk mempertahankan tanah air tercinta tanpa menghiraukan keselamatan diri.
- Bukit Cendu dan Pasir Panjang merupakan sempadan pertahanan terakhir British di Singapura. Walaupun benteng sekeliling telah jatuh ke tangan Jepun, Lettenan Adnan berjanji akan mempertahankannya walau dengan apa-apa cara sekalipun. Askar Melayu akan berjuang hingga titisan darah yang terakhir.

Bab 29: Terus Berjuang

- Maklumat tentang tali barut yang mengintip bagi pihak tentera Jepun telah sampai ke pengetahuan Lettenan Adnan.
- Lettenan Adnan segera bertindak menyerbu rumah tempat persembunyian tali barut Jepun itu. Samad bersama-sama dengan tiga orang pengintip Jepun berjaya ditewaskan.

- Pada pukul 2.00 petang, Rejimen Askar Melayu Kompeni 'B' yang mempertahankan Bukit Candu dibedil.
- Pasukan Jepun berjaya menawan kedudukan askar Melayu walaupun askar Melayu memberikan tentangan yang sengit. Mereka tewas kerana kekurangan peralatan ketenteraan.
- Akibat kehabisan peluru, askar Melayu sanggup bertempur dari jarak dekat dengan menggunakan bayonet.

Bab 30: Serangan Balas

- Jepun menghantar wakilnya meminta Lettenan Adnan dan anak-anak buahnya agar menyerah kalah. Permintaan ini ditolak mentah-mentah oleh Lettenan Adnan.
- Lettenan Renya Mutaguchi tidak menduga tenteranya masih diberikan tentangan sengit oleh askar Melayu yang serba kekurangan dari segi bilangan dan peralatan ketenteraan.
- Tentera Jepun terpaksa berundur seketika kerana mereka gagal menembusi kubu di Pasir Panjang.
- Kebijaksanaan Lettenan Adnan menghindu penyamaran askar Jepun yang berlagak seperti tentera Sikh mendapat pujian daripada Jeneral A.E. Percival. Kesemua tentera Jepun yang menyamar itu berjaya dibunuhan.

Bab 31: Biar Putih Tulang

- Kegagalan tentera Jepun menembusi barisan pertahanan askar Melayu menimbulkan perasaan marah Mejar Kimura. Mereka tiada pilihan selain menggempur habis-habisan askar Melayu yang bertahan di Bukit Candu.
- Jepun menggunakan kekuatan tentera udaranya apabila tentera daratnya gagal menewaskan pertahanan askar Melayu. Askar Melayu sudah memasang tekad, iaitu mereka tidak akan sesekali menyerah kalah walau apa-pun yang terjadi.
- Dalam pertempuran itu, Kapten Rix telah terkorban. Hal ini menyemarakkan semangat Lettenan Adnan untuk berjuang menentang Jepun.
- Mejar Kimura melahirkan rasa kehairanannya kerana askar Melayu masih mampu memberikan tentangan hebat walaupun bilangannya tidak banyak.

Bab 32: Tumpah Darah Perwira

- Pertahanan askar Melayu di Bukit Candu semakin meruncing akibat diasak tanpa henti oleh tentera Jepun.
- Lettenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya. Mereka semakin kehabisan peluru sedangkan askar Jepun semakin bertambah.
- Tentera Jepun berjaya menembusi kubu pertahanan askar Melayu. Bunyi tembakan kedua-dua pasukan tidak lagi kedengaran kerana kehabisan peluru. Berlaku pertempuran jarak dekat antara askar Melayu yang menggunakan bayonet dengan askar Jepun yang menggunakan pedang samurai.
- Pertempuran berakhir apabila Jepun berjaya menawan Bukit Candu. Semua anggota askar Melayu terkorban kecuali Lettenan Adnan dan Koperal Yaakob. Lettenan Renya Mutuguchi melepaskan perasaan marahnya terhadap Lettenan Adnan. Tubuh Lettenan Adnan diterajang dengan sekutu hati.
- Tentera Jepun mengikat Lettenan Adnan yang cedera dan menggantungnya pada pokok ceri.
- Lettenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Lettenan Adnan. Seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran menikam tubuh Lettenan Adnan. Keadaan Lettenan Adnan amat mengerikan.
- Penghulu Deraman dan orang-orang kampung menggali lubang untuk mengebumikan mayat-mayat askar Melayu yang mati syahid mempertahankan negara.

Bab 33: Jatuhnya Kota Singa

- Jeneral A.E. Percival akur akan kekalahan tenteranya

kepada pihak Jepun. Beliau bertindak menghubungi Jeneral Yamashita bagi mendapatkan jaminan keselamatan sekiranya tentera British menyerah kalah.

- Pada pukul 5.15 petang, Jeneral A.E. Percival mengarahkan tentera British menyerah kalah di Kilang Kereta Ford, Alexandra. Dengan itu, Pasukan Tentera Berikut dengan rasminya telah menyerah kalah.
- Kematian Lettenan Adnan yang penuh tragis itu diceritakan sendiri oleh Koperal Yaakob yang merupakan satu-satunya Askar Melayu yang masih hidup. Dia bernasib baik kerana berpura-pura mati.

Bab 34: Darah Mengalir di Sungai Ramal

- Kematian Lettenan Adnan masih belum memuaskan hati Jeneral Yamashita. Hal ini dikatakan demikian kerana adiknya sendiri terkorban setelah ditikam dengan bayonet oleh Lettenan Adnan.
- Jeneral Yamashita mengarahkan Lettenan Renya Mutuguchi pergi ke Semenanjung Tanah Melayu untuk menjelaki keluarga Lettenan Adnan.
- Kehadiran tentera Jepun ke Sungai Ramal, Kajang untuk mencari keluarga Lettenan Adnan sampai ke pengetahuan Pak Saidi.
- Pak Saidi telah diarahkan memasuki trak tentera Jepun. Pak Saidi sempat membunuh beberapa orang askar Jepun yang mengiringinya hanya menggunakan keris sebelum dia ditembak mati.
- Keberanian Pak Saidi mendapat pujian daripada penduduk Sungai Ramal. Mereka menganggap Pak Saidi sebagai wira.

Bab 35: Perjuangan Belum Berakhir

- Kedatangan tentera Jepun menyebabkan kehidupan harian dan keselamatan penduduk terancam.
- Fatimah, iaitu anak Sophia yang baru berumur tujuh bulan meninggal dunia akibat demam panas.
- Pada 15 Ogos 1945, penduduk Tanah Melayu dikejutkan dengan berita Amerika Syarikat menggugurkan bom atom di Hiroshima dan di Nagasaki. Jepun akhirnya menyerah kalah dan Tanah Melayu diperintah semula oleh British.
- Sophia ditawarkan bertugas di Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal. Di situ, dia bertemu jodoh dengan Ustaz Ridwan. Sophia disahkan menghidap penyakit leukemia dan meninggal dunia.

Tema

Keberanian dan keperwiraan askar Melayu semasa mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh kuasa asing.

Persoalan

- Persoalan kasih sayang dalam keluarga.
- Persoalan pengkhianatan anak bangsa yang memusnahkan negara.
- Persoalan sikap manusia yang suka mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.
- Persoalan keputuhan anak-anak terhadap ibu bapa.
- Persoalan kebijaksanaan menggunakan taktik semasa peperangan.
- Persoalan pandangan jauh seorang ketua keluarga.
- Persoalan harapan seorang ayah terhadap anaknya.

Watak dan Perwatakan

- Watak utama: Lettenan Adnan
- Watak sampingan – Pak Saidi, Sophia, Nordin, Samad, Jeneral A.E. Percival, Lettenan Jeneral Tomoyuki Yamashita, dan sebagainya.

Leftenan Adnan

- (a) Leftenan Adnan ialah anak sulung Pak Saidi dan Mak Milah.
- (b) Beliau mendapat pendidikan di sekolah Inggeris.
- (c) Beliau pernah menjadi guru sebelum menjadi askar.
- (d) Beliau berkahwin dengan Sophia dan dikurniakan tiga orang anak iaitu Mokhtar, Zainudin, dan Fatimah.
- (e) Seorang yang mahir dalam ilmu persilatan.
- (f) Seorang yang bijak. Buktinya, Leftenan Adnan bijak mengesan strategi yang dirancang oleh Leftenan Renya Mutuguchi apabila dia mengarahkan beratus-ratus orang tenteranya menyamar sebagai askar Sikh untuk mengelirukan askar Melayu.
- (g) Seorang yang berani. Contohnya, Adnan berani menerima cabaran remaja Kampung Sungai Merab untuk berlawan tinju.
- (h) Seorang yang rajin belajar.
- (i) Seorang yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi.
- (j) Seorang yang penyayang.
- (k) Seorang yang patuh akan kehendak orang tua.
- (l) Seorang ketua yang bertanggungjawab.
- (m) Seorang yang gigih semasa menjalani latihan.
- (n) Seorang yang penyabar.
- (o) Seorang yang memiliki semangat cinta akan negara yang tinggi.
- (p) Seorang yang berfikiran rasional.

Pak Saidi

- (a) Pak Saidi ialah bapa Adnan, Ahmad, dan Amarullah dan suami kepada Mak Milah.
- (b) Pak Saidi bekerja sebagai pekebun dan pesawah.
- (c) Seorang yang penyayang.
- (d) Seorang yang mementingkan ilmu.
- (e) Seorang yang berpandangan jauh dengan menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris.
- (f) Seorang yang gigih menempuh cabaran.
- (g) Seorang yang berani mempertahankan maruah diri.
- (h) Seorang yang baik hati.
- (i) Seorang yang bersikap tabah.
- (j) Seorang yang berpendirian teguh.
- (m) Seorang yang mempunyai sifat patriotisme yang tinggi.
- (k) Seorang yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap anak-anaknya.

Jeneral A.E. Percival

- (a) Seorang yang bertanggungjawab.
- (b) Seorang yang bijak semasa mengatur strategi.
- (c) Seorang yang kurang cekap ketika mengurus pentadbiran.
- (d) Seorang yang bersikap tidak adil semasa pembahagian senjata.
- (e) Seorang yang mudah berprasangka buruk terhadap musuh.
- (f) Seorang yang mementingkan keselamatan anak-anak buahnya.
- (g) Seorang yang berfikiran rasional.

Jeneral Tomoyuki Yamashita

- (a) Seorang Pegawai Pemerintah Tentera Jepun.
- (b) Seorang yang bijak menyusun strategi.
- (c) Seorang yang gigih.
- (d) Seorang yang berpendirian tegas.
- (e) Seorang yang bersikap patriotik terhadap tanah air sendiri.
- (f) Seorang yang pendendam.
- (g) Seorang yang zalim dan tidak berperikemanusiaan.
- (h) Seorang yang bercita-cita besar.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara kronologi.
- (b) Dalam bahagian permulaan, pembaca diperkenalkan kepada watak utama, iaitu Adnan. Adnan digambarkan sebagai seorang anak muda yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan dalam dirinya. Dia memiliki sifat keberanian yang jarang-jarang terdapat pada orang yang seusia dengannya.
- (c) Dalam perkembangan cerita, peristiwa tertumpu pada suasana kehidupan penduduk Kampung Sungai Ramal, Kajang yang hidup dalam serba kemiskinan. Kemiskinan penduduk kampung telah memberi kesedaran kepada ayah Adnan, iaitu Pak Saidi untuk mengubah nasib bangsanya. Mereka tidak harus kekal menjadi petani yang miskin. Pak Saidi berpendapat bahawa anak-anak perlu diberikan didikan yang sempurna agar mereka lebih berpendidikan dan akhirnya mampu membawa perubahan kepada keluarga, bangsa, dan negara.
- (d) Dalam bahagian perumitan, Pak Saidi diceritakan telah mengambil suatu tindakan yang luar biasa. Pak Saidi telah menghantar anaknya belajar di sekolah Inggeris. Penduduk kampung khawatir anak Pak Saidi akan dikristiankan atau menjadi murtad. Hal ini mengundang rasa kurang senang penduduk Kampung Sungai Ramal. Mereka ingin menghalau Pak Saidi sekeluarga dari kampung jika dia meneruskan cita-cita tersebut. Namun, Pak Saidi tidak bergenjuk daripada keputusan yang telah dibuatnya.
- (e) Dalam bahagian klimaks, berlaku pertempuran sengit antara tentera British yang dibantu oleh askar Melayu menentang tentera Jepun. Kejatuhan negeri-negeri di Tanah Melayu ke tangan Jepun menyebabkan British terpaksa mempertahankan Singapura sebagai kubu terakhir mereka. Leftenan Adnan merupakan pegawai tentera yang diamanahkan untuk mempertahankan kubu di Pasir Panjang dan Bukit Caudu. Berlaku beberapa siri pertempuran yang hebat antara askar Melayu dengan tentera Jepun. Pertahanan askar Melayu di Bukit Caudu semakin meruncing akibat diasak tanpa henti oleh tentera Jepun. Leftenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya.
- (f) Pelarian cerita apabila Jepun berjaya menawan Bukit Caudu dalam satu pertempuran. Semua anggota askar Melayu terkorban kecuali Leftenan Adnan dan Koperal Yaakob. Leftenan Adnan berjaya ditangkap. Leftenan Renya Mutuguchi melepaskan perasaan marahnya terhadap Leftenan Adnan. Tentera Jepun mengikat Leftenan Adnan yang cedera dan mengantungnya pada pokok ceri. Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran menikam tubuh Leftenan Adnan. Jeneral A.E. Percival akur akan kekalahan tenteranya kepada pihak Jepun.

Teknik Plot

- (a) Teknik dialog. Contohnya, perbualan antara Pak Saidi dengan Mak Milah. Pak Saidi melahirkan rasa terkilannya kerana orang-orang Melayu miskin di tanah air sendiri.
- (b) Teknik imbas kembali. Leftenan Adnan teringat kembali suasana meriah menyambut hari raya ketika zaman kanak-kanak. Bapanya membuat lemang manakala ibunya menyediakan lauk-pauk dan kuih-muih. Lampu pelita mengelilingi rumahnya. Adnan dan adik-adiknya serta kanak-kanak yang lain bermain mercun dan bunga api.

- (c) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan angkatan tentera British di Singapura sebanyak 85 000 orang dan mampu menyekat kemaraan tentera Jepun yang cuma berjumlah 30 000 orang.
- (d) Teknik saspens. Contohnya, pembaca bertanya-tanya tentang tindakan selanjutnya dari Leftenan Adnan semasa beliau dan pasukannya mengepung tempat persembunyian musuh.
- (e) Teknik kejutan. Contohnya, Deris terkejut apabila mendapati lelaki di sebalik topeng itu sebenarnya ialah Samad.

Latar

Latar Tempat

- (a) Kampung Sungai Ramal, Kajang.
- (b) Pagar Ruyung.
- (c) Kampung Sungai Merab.
- (d) Sekolah Melayu Sungai Ramal.
- (e) Port Dickson dan Kem Haig Lines.
- (f) Singapura.
- (g) Pangkalan tentera Pasir Panjang.
- (h) Bukit Candu.

Latar Masa

- (a) Sekitar awal tahun 40-an.
- (b) Waktu pagi, petang, dan malam.
- (c) 6 Disember 1941.
- (d) Pagi 4 Disember 1941.
- (e) Tengah malam 8 Disember 1941.
- (f) 9 Disember 1941.
- (g) 10 Disember 1941.
- (h) 14 Disember 1941.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang amat cinta akan tanah air.
- (b) Masyarakat yang memiliki keberanian yang luar biasa.
- (c) Masyarakat yang berpendirian teguh.
- (d) Masyarakat tentera yang sanggup berkorban untuk mempertahankan negara.
- (e) Masyarakat yang menjadi pembelot dan pengkhianat bangsa.
- (f) Masyarakat yang memiliki sifat amanah dan bertanggungjawab.
- (g) Masyarakat yang bijak mengatur strategi peperangan.

Gaya Bahasa

- (a) Simile. Contohnya, *macam ayam berak kapur, seumpama ombak besar menghempas pantai*.
- (b) Metafora. Contohnya, *api kemarahan, menyentuh jiwa*.
- (c) Personifikasi. Contohnya, *Fikirannya melayang-layang mengenang kembali peristiwa dua hari yang lalu dan cuaca sejuk menusuk hingga ke tulang sum sum*.
- (d) Hiperbola. Contohnya, *Bahangnya terasa perit membakar kulit*.
- (e) Peribahasa. Contohnya, *...sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua dan sediakan payung sebelum hujan...*

Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, Pak Saidi dan Mak Milah amat menyayangi anak-anak mereka, iaitu Adnan, Ahmad, dan Amarullah.
- (b) Keberanian. Contohnya, Leftenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga titisan darah yang terakhir walaupun tanpa senjata.
- (c) Cinta akan negara. Contohnya, Leftenan Adnan sanggup

melepaskan jawatannya sebagai guru pelatih untuk memasuki bidang ketenteraan.

- (d) Rasional. Contohnya, Pak Saidi yakin bahawa tindakannya menghantar anak-anaknya ke sekolah aliran Inggeris merupakan langkah yang tepat.
- (e) Kebijaksanaan. Contohnya, Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang.
- (f) Ketabahan. Contohnya, Sophia tabah memelihara anak-anaknya setelah suaminya, iaitu Leftenan Adnan gugur di medan pertempuran.
- (g) Ketaatan. Contohnya, Leftenan Adnan taat pada suruhan agama apabila dia melakukan solat hajat sebelum menjalankan tugas sebagai pemimpin pasukan askar Melayu untuk menentang pihak Jepun.
- (h) Tanggungjawab. Contohnya, sebagai ketua, Leftenan Adnan menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh dedikasi untuk mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh pihak Jepun.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah menyayangi anggota keluarga agar hubungan sentiasa harmoni. Contohnya, Pak Saidi yang menyayang menggunakan pendekatan psikologi untuk mendidik anak-anaknya.
- (b) Kita hendaklah berani mempertahankan negara. Contohnya, keberanian Leftenan Adnan dan askar Melayu yang lain ketika mempertahankan negara menjadi buah mulut pihak rakan dan pihak musuh.
- (c) Kita perlulah memiliki semangat cinta akan negara yang tinggi. Contohnya, perjuangan Leftenan Adnan dan askar Melayu membuktikan bahawa mereka memiliki semangat cinta akan negara yang tinggi.
- (d) Kita perlulah memiliki wawasan dan berpandangan jauh. Contohnya, Pak Saidi memilih sekolah beraliran Inggeris untuk anak-anaknya.
- (e) Kita mestilah menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Contohnya, Leftenan Adnan bertanggungjawab memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya dalam medan pertempuran walaupun bilangan mereka sedikit dan kehabisan peluru.
- (f) Kita perlulah rajin melakukan sesuatu agar dapat memberikan manfaat kepada orang lain. Contohnya, Adnan rajin membantu ayahnya, Pak Saidi melakukan kerja-kerja kampung.
- (g) Kita tidak sewajarnya menjadi pengkhianat kepada bangsa dan negara. Contohnya, tindakan Samad menjadi ejen perisik untuk tentera Jepun merupakan suatu perbuatan khianat kepada agama, bangsa, dan negara.

2

DI SEBALIK DINARA (Dayang Noor)

Edisi Johor, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan

Sinopsis

Novel ini berkisar tentang seorang gadis genius bernama Farisha. Farisha mula mengenali Aqram dalam penerbangan dari Lapangan Terbang Senai ke Kuala Lumpur. Selepas itu, Aqram menawarkan sebuah projek mini kepada Farisha dan Rosman ketika mereka bertemu dengan Aqram dalam *The 3rd Malaysia Computer Security Symposium*. Setelah bersetuju, Aqram memperkenalkan Farisha dan Rosman

dengan Dr. Maxi yang dibantu oleh Aqram, Khairul Anwar, dan Alia. Dr. Maxi menawarkan RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh sebulan. Shida pula diminta oleh Soft Lab untuk menulis rencana manakala Farisha akan menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara. Shida merupakan pelan sandaran yang terakhir.

Projek Dinara di Soft Lab terpaksa dihentikan kerana Karl terlantar akibat barah usus. Dr. Maxi mengetuai Projek Dinara. Dalam badan Farisha telah dimasukkan cip telepati yang dapat berhubung terus dengan Karl. Semua perbualan Farisha dengan Karl dapat dilihat oleh Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar. Sejak itu, kesihatan Farisha kurang stabil. Shida pula dapat mengesan misteri dalam Projek Dinara apabila nama Medina dipadamkan dari sejarah syarikat Soft Lab.

Farisha melawat Azraai dan terkejut kerana Azraai terkena serangan jantung serta mengetahui hakikat bahawa dia anak angkat dalam keluarga Azraai. Keesokannya, Farisha pengsan di Soft Lab lalu dikehjarkan ke hospital. Dr. Maxi merancang Plan B untuk menjadikan Shida sebagai pengganti Farisha. Shida menjalani sesi bawah sedar untuk berkomunikasi dengan Karl. Farisha mengalami mimpi bertemu dengan ibunya, Medina (Marilyn). Farisha memberitahu Azraai bahawa Marilyn menghubunginya menyebabkan Azraai membawa Farisha keluar dari hospital menuju ke selatan. Farisha telah diculik oleh pembantu-pembantu Medina di Hentian Pagoh.

Kedatangan Marilyn ke Soft Lab telah membongkar rahsia bahawa dia ialah ibu kandung Farisha hasil hubungannya dengan Karl. Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pukul 7.00 malam.

Inti Pati Bab

Bab 1

- Farisha seorang gadis yang bertugas sebagai jurutera keselamatan sistem baru sahaja selesai bermesyuarat di Nusa Jaya.
- Farisha berkenalan dengan Aqram dan secara kebetulan mereka duduk bersebelahan di dalam kapal terbang ke KLIA semasa berada di Lapangan Terbang Senai, Johor.
- Farisha agak teruja apabila melihat jam tangan yang dipakai oleh Aqram yang merupakan pusat kawalan elektronik peribadiinya.
- Farisha terperanjat sekali lagi apabila melihat pintunya juga telah dipasang "retinal scanner" ketika dia sampai di pintu apartmennya.
- Farisha terpaksa menunggu Shida, kawan serumahnya yang sedang bermain skuasy dengan JUJU sebuah android untuk masuk ke apartmen mereka.
- Farisha ingin tidur awal kerana keesokan harinya dia akan menghadiri satu simposium di Hotel Renaissance.
- Dalam masa yang sama, rupa-rupanya Aqram dapat mencuri cawan minuman Farisha semasa di dalam kapal terbang tadi dan dapat bekerjasama dengan Dr. Maxi untuk mengkaji DNA Farisha.

Bab 2

- Pada keesokan harinya, Farisha dan Rosman, pembantunya menghadiri simposium yang akan dirasmikan oleh Phillips Young, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa.
- Bermula daripada pendaftaran, pencetakan bahan, sehingga mengatur kedudukan dalam simposium tersebut semua diuruskan oleh robot sehingga Farisha berasa kecewa kerana Phillips Young menyampaikan ucaptama beliau hanya melalui hologram.

- Tanpa diduga, Farisha bertemu lagi dengan Aqram. Dalam pertemuan ini, Aqram menyatakan keinginannya untuk mencari perunding untuk sebuah projek mini di makmalnya.
- Dalam pada itu, Aqram telah berjaya menerobos fiziran Farisha menggunakan *penetrator* berupa sebatang pen berwarna perak, namun pendinding *WALL* yang dimiliki oleh Farisha dapat menangkis segala maklumat yang dikumpul dalam ingatan Aqram.
- Sebenarnya Aqram sudah sebulan cuba menjajaki Farisha untuk dibawa ke Soft Lab untuk menyelamatkan Dinara.

Bab 3

- Farisha dan Rosman telah menghubungi Aqram berkaitan dengan tawaran Aqram yang ingin mencari perunding untuk satu projek.
- Aqram bersetuju untuk membincangkan perkara itu di Puchong tetapi mereka perlu berjumpa dengan Karl yang pernah menerima anugerah inovasi peringkat kebangsaan tiga tahun dahulu.
- Aqram memperkenalkan Farisha dan Rosman kepada Dr. Maxi.
- Dr. Maxi menawarkan RM1.5 juta kepada mereka berdua untuk tugas menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu sebelum berjumpa dengan Karl.
- Dr. Maxi yakin akan kemampuan Farisha untuk menjalankan misi tersebut memandangkan Farisha pernah melepas sistem keselamatan Bank Sapurba dan pernah berjaya menggodam pelayan data di Nusa Jaya hanya dalam tempoh sepuluh minit pada suatu ketika dahulu.
- Farisha meminta sedikit waktu untuk membuat keputusan.
- Sebelum pulang, Farisha dan Rosman diberi peluang untuk melihat Karl yang terlantar sakit akibat barah usus menyebabkan Projek Dinara yang diterajui oleh Karl terhenti kerana dia sakit.
- Farisha masih berasa waswas untuk menerima tawaran lumayan tersebut kerana dia sedar bahawa ada suatu tugas berat yang perlu dilaksanakannya kelak.

Bab 4

- Pada hari Isnin berikutnya, Farisha bersetuju untuk berjumpa dengan Aqram di Soft Lab di Cyberjaya. Farisha menumpang kereta Shida yang kebetulan juga ada janji temu dengan Khairul Anwar di Soft Lab.
- Bangunan Soft Lab dilengkapi sistem keselamatan yang canggih termasuklah penggunaan imbasan tangan dan retina mata.
- Aqram menunjukkan beberapa bilik dan ruang di situ yang canggih dan lengkap menyebabkan Farisha berasa amat teruja, terutamanya apabila dia memasuki pusat data, iaitu Dinara yang memuatkan hampir semua aplikasi dan data.
- Di sinilah Farisha mendapat kepastian bahawa tugasnya ialah menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara.
- Pada petangnya barulah tugas Farisha dan Shida selesai dan mereka pulang bersama-sama. Namun dalam masa yang sama, Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar mengadakan perbincangan.
- Rancangan mereka hampir berjaya mendapatkan Farisha dan Shida untuk berada di Soft Lab untuk menjayakan rancangan mereka. Mereka amat memerlukan Shida juga sebagai *physical backup* kepada Farisha meskipun Shida tidak sehebat Farisha.
- Hal itu menimbulkan perasaan simpati Aqram terhadap perkara yang mungkin terjadi kepada Shida kelak.
- Mereka akan mengusahakan untuk memasukkan mikrocip ke dalam tubuh Shida, sebagaimana yang ada dalam tubuh Farisha.

- Pada malam itu juga, Dr. Maxi akan memadamkan beberapa ingatan dan perasaan Alia, sebuah *cyborg* canggih supaya tidak akan mengganggu rancangan yang diatur untuk Farisha dan Shida.

Bab 5

- Keesokan harinya, Farisha dan Shida mula bekerja di Soft Lab. Shida dibawa oleh Khairul Anwar ke Arkib manakala Farisha diberikan taklimat oleh Alia tentang semua kod program yang ada dalam Soft Lab.
- Pada sebelah petang, Aqram pula memberikan taklimat kepada Farisha. Aqram menjelaskan bahawa Karl yang telah membangunkan teknologi *hypervisor* di dalam Dinara, tetapi Dinara sudah diceroboh dan penceroboh berjaya menyusupkan satu virus bom jangka yang akan memusnahkan Dinara pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Sebenarnya, inilah tugas Farisha dengan bayaran RM1.5, dia perlu membersihkan virus bom jangka itu dan mengatasi semua kelemahan Dinara.
- Pada petang itu juga, Farisha mendapat tahu bahawa Rosman tidak dapat bersama-sama dengannya bertugas di Soft Lab kerana dia terpaksa meneruskan projek di Senawang yang menawarkan bayaran dua kali ganda daripada perjanjian awal.
- Farisha pulang dengan kepala yang berat memikirkan Dinara yang sudah diceroboh itu menyebabkan tugasnya semakin bertambah.
- Di Soft Lab, Alia bertengkar dengan Dr. Maxi kerana banyak data pengetahuan dan perasaannya dipadamkan dan tindakan Alia itu juga menggambarkan dia mempunyai perasaan cemburu dan tidak gemar jika ada perempuan lain ada sebarang hubungan dengan Karl.
- Pada masa yang sama, Khairul Anwar menjelaskan bahawa Rosman tidak akan mengganggu mereka di Soft Lab lagi kerana dia mempengaruhi syarikat di Senawang itu untuk membesarkan skop kerjanya lagi.
- Pada malam itu Farisha mengalami mimpi ngeri sehingga dia terlambat bangun.

Bab 6

- Pada pagi itu, Farisha datang lewat sepuluh minit ke Soft Lab. Alia sudah sedia menunggu.
- Farisha berasa kepala yang berat dan dalam keadaan tidak sedar, Alia telah memasukkan mikrocip ke dalam tubuhnya dan dia dapat berkomunikasi dengan Karl. Dalam komunikasi itu, Karl meminta pertolongan daripada Farisha untuk menyelamatkan Dinara.
- Alia menjadi cemburu dan marah kerana dia tidak dapat mengesan butiran perbualan Farisha dan Karl.
- Selepas beberapa ketika, Farisha sedar semula dan menjadi lebih segar apabila dia makan pil yang diberikan oleh Aqram.
- Kerja pada hari itu berakhir dengan perbincangan dan persoalan tentang seorang penyelidik yang bernama Medina yang telah hilang di Soft Lab tanpa dapat dikesan. Hal ini diterangkan oleh Shida melalui kajianya di Arkib.

Bab 7

- Pada sebelah malam, Farisha, Shida, dan Rosman berjumpa di pejabat Secured Shell. Ketiga-ketiganya meneliti kontrak yang diajukan oleh Soft Lab.
- Sementara mereka berbincang, tiba-tiba Farisha mengalami sakit kepala setelah terlihat suatu cahaya putih memancar ke arahnya. Hasrat untuk meneliti kontrak dibatalkan dan ketiga-tiga mereka bergegas pulang.
- Sementara itu, mereka diberitahu oleh Uncle Seng yang berada di situ bahawa dia bergegas keluar dari kedai

runcitnya kerana terlihat beberapa orang turun tangga pejabat Secured Shell dengan membawa beberapa beg besi termasuk suatu barang yang serupa dengan piring TV satelit. Uncle Seng khutir mereka itu pencuri, namun tiada laporan polis dibuat.

- Dua malam selepas kejadian itu, Farisha diundang oleh Abang Azraai untuk makan malam di rumahnya.
- Di sana, Farisha bertemu dengan abang Azraai, Kak Mariah, dan keduadua anak mereka, Aina dan Dina.
- Alangkah terharu bercampur sedih apabila dia mendapat tahu bahawa abangnya, Azraai mengalami sakit jantung dan perkara kedua yang amat mengejutkannya apabila Azraai menunjukkan satu fail peninggalan arwah ayahnya. Fail tersebut mengandungi dokumen permohonan untuk menjadikan Farisha sebagai anak angkat kepada ibu dan ayahnya.
- Malam itu, Farisha tidak dapat melelapkan matanya.

Bab 8

- Pada pagi itu, sebelum sempat Alia membawa Farisha ke alam bawah sedar, tiba-tiba Farisha pengsan.
- Farisha terpaksa dikejarkan ke Hospital Putrajaya kerana tekanan darahnya terlalu tinggi dengan ditemani oleh Dr. Maxi.
- Aqram, Khairul Anwar, dan Dr. Maxi hairan dan menurut Aqram, dia sudah menyiasat latar belakang Farisha sekian lama, namun tiada pula maklumat tentang penyakit yang membimbangkan.
- Sebaik-baik saja Farisha dibawa ke hospital, Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar bergegas ke Arkib untuk berjumpa dengan Shida.
- Masalah yang menimpa Farisha benar-benar mengejutkan Shida kerana sebelum ini rakan serumahnya jarang sakit kecuali batuk dan demam selesema.
- Farisha sempat menghantar mesej kepada Shida menyatakan bahawa dia mungkin ditahan di hospital selama tiga hari.
- Shida bertemu dengan Dr. Maxi. Perbualan mereka banyak berkisar tentang penyakit Farisha. Dr. Maxi berusaha untuk mengumpulkan seberapa banyak maklumat tentang Farisha.
- Shida khutir seandainya Soft Lab menarik balik kontrak yang ingin diberikan kepada Farisha atas alasan kesihatan Farisha.

Bab 9

- Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar berbincang tentang Plan B, iaitu menggantikan Farisha dengan Shida. Namun keduadua amat berbeza.
- Lagipun, tubuh Farisha telah ditanam dengan mikrocip yang membolehkannya berkomunikasi dengan Karl. Karl menggunakan teknologi ini sebagai satu kaedah telepati untuk berhubung dengan Farisha.
- Pada jam 5.30 petang, mereka akan melawat Farisha di hospital. Shida pula pulang ke rumah dan cuba mencari sebarang bukti tentang penyakit Farisha tetapi gagal.
- Namun, Shida terjumba bukti yang menyatakan bahawa Farisha ialah anak angkat.
- Apabila Shida dan Rosman melawat Farisha, dia sangat lemah dan terdapat satu benjolan kecil di belakang tengukunya. Tetapi Farisha menyatakan bahawa benjolan itu tidak berbahaya. Farisha terlena lagi.
- Beberapa minit kemudian, Farid dan Amin datang ke katil Farisha menggunakan peranti untuk mendapatkan maklumat yang sebelum ini gagal kerana ruang fikiran Farisha dilindungi oleh WALL. Namun kali ini mereka berjaya kerana WALL lemah apabila Farisha lemah.
- Selepas itu, Aqram pula mencari maklumat pada badan

- Farisha menggunakan satu alat sepanjang enam sentimeter.
- Aqram mendapati alat itu bertukar menjadi warna merah yang menunjukkan tahap kesihatan Farisha tidak memuaskan.
 - Farisha terus lena kerana abangnya, Azraai meminta doktor memberi ubat tidur. Azraai juga membohongi doktor bahawa mikrocip di dalam badan Farisha yang kelihatan di *CT-scan* itu adalah dalam pengetahuan Farisha yang dia sendiri suka relawan menjalani uji kaji untuk sebuah universiti.
 - Perkara itu juga adalah amanah ibu bapanya supaya semua mikrocip itu mesti kekal dalam tubuh Farisha dan dia mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.
 - Tengah malam itu, Dr. Maxi menyarankan agar Shida akan mengantikan tempat Farisha.

Bab 10

- Pada pagi itu, ketika Shida membaca satu laporan tentang seorang penyelidik bernama Medina di Arkib, dia diminta oleh Alia pergi ke Makmal B.
- Satu pembedahan untuk menanam mikrocip dilakukan ke atasnya. Dia tidak diberitahu tentang perkara itu.
- Pada petang itu, selepas sedar, perkara yang dilakukan terhadap Farisha dilakukan pula terhadap Shida. Kali ini tindak balasnya lebih teruk lagi. Dr. Maxi berdegil dengan meneruskan uji kajinya dan hanya memberhentikan uji kaji ini selepas lima minit. Uji kaji ini akan merosakkan otak seseorang.
- Dalam masa yang sama, Farisha yang dalam keadaan tidak sedar dapat berkomunikasi dengan seseorang yang menyebut dirinya sebagai *mummy*.
- Di suatu tempat yang lain pula, Farid dan Amin berasa amat hairan dan dapat melihat keajaiban teknologi kerana perempuan tua yang menyuruh mereka mengekor dan berbuat sesuatu terhadap Farisha menjerit gembira dan mengatakan bahawa dia berjaya menghubungi anaknya, Farisha dan dia mengaku bahawa dirinya lebih hebat daripada lelaki itu.
- Farid menyayangkan perbuatan perempuan tua itu kerana sanggup melakukan uji kaji terhadap anaknya sendiri. Perkara itu tidak dipedulikan oleh perempuan tua itu kerana dia hendak membuktikan bahawa dia berada pada pihak yang benar dan lebih hebat daripada 'lelaki' itu.
- Shida yang berada di dalam bilik Farisha tetap murung dan tidak pulang ke rumah pada malam tadi.
- Aqram gagal menerobos mindanya dan mungkin dia juga telah menerima mikrocip *WALL* atau kesilapan Dr. Maxi yang tetap meneruskan uji kajinya terhadap Shida.
- Shida tidak mahu bercakap, makan, atau minum malah menjadi garang seperti kucing liar yang ketakutan.

Bab 11

- Apabila sudah boleh bangun dan berjalan, Farisha ingin mendapatkan penjelasan daripada abangnya, Azraai tentang ibu kandungnya. Azraai menceritakan semua perkara yang diketahuinya tentang Farisha.
- Farisha menjadi adik angkatnya kerana hendak menyelamatkannya daripada dijadikan bahan uji kaji oleh ibunya sendiri.
- Azraai menerangkan bahawa dia dan beberapa orang lagi telah diamanahkan untuk menjaga keselamatan Farisha.
- Apabila Farisha mendedahkan bahawa dia dapat berkomunikasi dengan ibunya, Azraai kelihatan sangat cemas dan menyatakan bahawa Farisha berada dalam bahaya lalu membawa Farisha keluar dari hospital dan bergerak menuju ke arah selatan.
- Azraai bercakap dengan seseorang dan bersetuju untuk

mendapatkan kunci rumah daripada orang tersebut di Hentian Ayer Keroh.

- Dalam pada itu, Alia ditugaskan oleh Dr. Maxi untuk mempengaruhi otak Shida. Akhirnya, Dr. Maxi dapat berkomunikasi dengan Karl melalui Shida.
- Karl mengarahkan supaya Farisha dibawa ke situ kerana virus yang disusup ke dalam Dinara akan diaktifkan; bukan sahaja akan memusnahkan Dinara tetapi ribuan manusia.
- Dia perlukan Farisha tetapi Farisha sudah meninggalkan Kuala Lumpur.
- Azraai ingin membawa Farisha ke Kulai, tetapi dalam perjalanan, Farisha diculik pula oleh dua orang suruhan ibu Farisha, iaitu Amin dan Farid.
- Pada masa yang sama, di Soft Lab, sesuatu berlaku kepada Shida. Karl bercakap melalui Shida. Karl menyatakan bahawa Khairul Anwar ialah seorang budak pengemis yang bernama Muhammad Irfan yang telah diganti ingatannya. Khairul Anwar sangat berang.
- Karl juga menyebut bahawa dia memukul seorang wanita sehingga menjadi cacat.

Bab 12

- Penculik Farisha, iaitu Amin dan Farid dalam perjalanan ke Seremban membawa Farisha bertemu dengan ibunya, Marilyn.
- Dalam tidur, Farisha dapat dihubungi oleh ibunya tetapi terhenti apabila brek kereta ditekan dengan mengejut lalu Farisha terjaga.
- Dalam pada itu, di Soft Lab, Alia berkomunikasi dengan Shida dan memberitahu bahawa wanita cacat itu ialah dirinya yang dipukul oleh Karl kerana dia enggan meninggalkan agamanya dan nama asalnya ialah Rusmina.
- Perbualan antara Alia dengan Shida dapat disaksikan oleh Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar. Ketiga-tiga mereka berasa sedih apabila memikirkan kesan yang akan ditanggung oleh Shida akibat pemindahan maklumat pahit dan ngeri selama 20 tahun oleh Karl ke dalam otak Shida.
- Berdasarkan laporan yang tersimpan di dalam Dinara, Dr. Maxi juga menerangkan kepada Khairul Anwar dan Aqram bahawa uji kaji seperti itu juga pernah dilakukan tetapi gagal dan mangsanya ialah Medina.
- Dalam pada itu, alat pengesan pintar Rosman dapat mengesan arah Farisha dilarikan.
- Mereka menuju ke Soft Lab, Cyberjaya. Azraai juga menuju ke sana.
- Farisha menjerit-jerit dalam kendaraan yang dipandu oleh Farid dan Amin setelah tersedar.
- Farid dan Amin mengherdik Farisha dan mengatakan bahawa dia akan bertemu dengan emaknya yang sudah sangat lama ingin bertemu dengan anaknya itu.
- Dalam keadaan kaki dan tangannya yang terikat, Farisha marah, ketakutan, dan enggan berjumpa dengan perempuan itu, sebaliknya dia meminta agar menghantarkannya kepada abangnya, Azraai. Permintaan Farisha tidak dilayan oleh Farid dan Amin.
- Di Soft Lab, Cyberjaya, Shida menyanyikan lagu kegemaran Karl dengan suara yang agak perlahan. Alia mendengar. Alia berkomunikasi dengan Karl melalui Shida lagi.
- Alia mendapat tahu bahawa Karl gagal mendapatkan cinta Medina.
- Aqram dan Dr. Maxi sependapat bahawa Alia tetap berasa cemburu terhadap Karl, bekas suaminya walaupun sudah beberapa program dalam mindanya diubah.
- Mereka juga yakin bahawa Karl telah memindahkan kenangan dan pengalamannya selama 20 tahun ke dalam otak Shida.

- Di sebuah stesen minyak, Marilyn menaiki kenderaan yang dipandu oleh Amin.
- Dia mendekati Farisha lalu menyatakan bahawa dia amat merindui anaknya itu.
- Farisha bertegas dan marah lalu menempelak Marilyn yang dia pernah ingin membunuhnya dulu.
- Suis alat pemintas untuk melemahkan *WALL* di otak Farisha dihidupkan.

Bab 13

- Dr. Haris, iaitu doktor yang sedang merawat Karl di Puchong menyatakan bahawa penyakit yang dihidapi oleh Karl semakin kritis.
- Namun begitu, Dr. Maxi mahu terus menghubungkan fikiran Karl melalui Shida. Dr. Maxi dapat berbual dengan Karl melalui Shida.
- Melalui Shida, Karl bangun dan bertindak melalui komputer dan berusaha untuk menghapuskan virus dalam Dinara.
- Kebijaksanaan ini diterima oleh Karl melalui Farisha yang telah digandakan *IQnya* oleh Karl pada 26 tahun dahulu.
- Pada masa yang sama, Farisha berada di situ bersama-sama Marilyn/Medina dan dua orang pengikutnya.
- Di sinilah rahsia terbongkar. Marilyn/Medina ialah ibu Farisha dan Karl ialah bapanya yang sanggup mengeksplorai anaknya sendiri untuk kepentingan kajianya di Soft Lab, iaitu mengaktifkan sistem Dinara.
- Marilyn menjadi musuhnya kerana Karl telah mensabotaj fikirannya menggunakan fikiran seorang bekas banduan dan akibatnya, Marilyn/Medina menjadi separuh gila dan cuba mencekik Farisha.
- Dr. Maxi dan Aqramlah yang menyelamatkan Farisha dan membawanya kepada keluarga angkatnya, iaitu keluarga Azraai.
- Farisha juga mendapat tahu bahawa Aqram ialah *cyborg* seperti Alia.

Bab 14

- Hari ini merupakan hari yang paling hiba bagi Farisha kerana menghadap seorang insan yang sepatutnya dipanggil ayah. Karl terbaring di katil tanpa berkata-kata apa-apa.
- Dr. Haris menyatakan bahawa aktiviti otaknya semakin menurun. Semua yang ada di situ masuk bergilir-gilir mendekati Karl; bermula dengan Aqram, Dr. Maxi, Khairul Anwar, Medina, Alia, dan akhirnya Farisha. Farisha mengucapkan selamat tinggal kepada ayahnya namun tiada jawapan.
- Tepat pada pukul tujuh malam, Dr. Haris mengumumkan bahawa Karl telah meninggal dunia.
- Wasiat terakhir Karl adalah supaya mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka.
- Upacara tersebut dijalankan di Port Dickson. Selepas upacara itu, semua orang bercakap-cakap tentang kenangan masing-masing semasa Karl masih hidup. Namun begitu, terdapat keanehan dalam diri Shida apabila dia pandai berfalsafah seperti Karl. Dalam percakapannya, Shida mengajak mereka pulang ke Soft Lab untuk menyelamatkan Dinara.
- Aqram dapat merasakan bahawa suara yang berfalsafah dan berkata-kata itu bukan Shida tetapi Karl dan Aqram sangat yakin bahawa itu ialah Karl.

Tema

Persaingan dalam dunia sains dan teknologi sehingga menghapuskan nilai kemanusiaan.

Persoalan

- (a) Kasih sayang sesama anggota keluarga.

- (b) Kepincangan keluarga yang berlaku dalam kalangan masyarakat.
- (c) Keberanian berhadapan dengan risiko.
- (d) Kecanggihan teknologi pada masa hadapan.
- (e) Ketaasuhan sesetengah golongan manusia mengejar nama dan kehebatan.
- (f) Kepentingan kerja berpasukan.
- (g) Kepentingan ilmu untuk mempengaruhi corak dan gaya pemikiran.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak Utama – Farisha.
- (b) Watak Sampingan – Shida, Aqram, Azraai, Dr. Maxi, Karl, Medina, Alia, Khairul Anwar, Farid, Rosman, Mariah, dan lain-lain lagi.

Farisha

- (a) Farisha ialah jurutera keselamatan sistem komputer di Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd.
- (b) Bapanya ialah Karl manakala ibunya bernama Medina/ Marilyn.
- (c) Farisha berusia 28 tahun dan mempunyai abang angkat bernama Azraai.
- (d) Farisha menjadi rakan kongsi perniagaan dengan Rosman dan mereka menubuhkan Syarikat Secured Shell.
- (e) Farisha seorang yang pemaaf dan baik hati.
- (f) Farisha seorang yang rajin untuk mendalami ilmu.
- (g) Farisha seorang yang tabah.
- (h) Farisha seorang yang teliti dan berhati-hati semasa membuat keputusan.
- (i) Farisha seorang yang bijak.

Aqram

- (a) Adik kandung Karl, semasa kecil bernama Akeem.
- (b) Dia merupakan kanak-kanak cacat dan terencat akal.
- (c) Aqram ialah manusia *cyborg*, berusia 60 tahun yang dicipta semula oleh Karl dengan umur 30 tahun.
- (d) Aqram mempunyai sifat simpati/belas kasihan.
- (e) Aqram seorang yang bijak.
- (f) Aqram patuh akan arahan ketua.
- (g) Aqram sangat bertanggungjawab semasa menjalankan tugas.

Karl

- (a) Bapa Farisha, abang Aqram, suami Alia, dan kekasih Medina.
- (b) Karl saintis yang berjaya kerana banyak menghasilkan penyelidikan, kajian, dan pernah memenangi anugerah peringkat kebangsaan.
- (c) Karl menghidapi penyakit kanser usus dan berumur dalam lingkungan 60 tahun.
- (d) Karl bercita-cita tinggi dalam penciptaan inovasi sainsnya.

Azraai

- (a) Abang angkat Farisha dan mengalami masalah jantung.
- (b) Azraai seorang yang penyayang.
- (c) Azraai seorang yang bertanggungjawab.
- (d) Azraai seorang yang amanah dan berpegang teguh pada janji.

Shida

- (a) Shida ialah rakan serumah Farisha.
- (b) Shida ditawarkan sebanyak RM40 ribu untuk menulis artikel tentang Dinara.
- (c) Shida telah dijadikan sebagai orang perantara perhubungan Karl dalam keadaan bawah sedar.
- (d) Shida dijadikan sebagai pengganti Farisha disebabkan mereka sebaya dan memiliki saiz tubuh yang hamipr sama.

- (e) Shida bersifat prihatin.
- (f) Shida tekun semasa melaksanakan kerjanya.
- (g) Shida sangat baik hati.

Dr. Maxi

- (a) Penyelidik yang mengetuai projek untuk membangunkan sistem Dinara di Soft Lab.
- (b) Bersikap kejam dan mementingkan diri sendiri.
- (c) Bijak merancang strategi.

Rosman

- (a) Rakan kongsi perniagaan Farisha di syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. serta mengendalikan kerja syarikat di Senawang.
- (b) Seorang yang menepati janji.
- (c) Bersikap terburu-buru semasa membuat keputusan.

Medina/Marilyn/Mummy

- (a) Ibu Farisha dan kekasih Karl.
- (b) Nama asalnya ialah Marilyn yang berbangsa Portugal.
- (c) Seorang yang pendamdam.
- (d) Seorang yang berani bersaing dan pantang dicabar.
- (e) Seorang yang penyayang.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara tidak kronologi.
- (b) Pada bahagian permulaan, pembaca diperkenalkan kepada watak utama, iaitu Farisha. Farisha dikatakan memiliki ciri-ciri keistimewaan yang tidak ada pada orang lain. Kepakaran yang ada pada diri Farisha dikatakan mampu menyelamatkan sebuah syarikat komputer yang besar bernama Soft Lab. Usaha menjejaki Farisha gagal kerana Farisha memadamkan semua data peribadi dalam komputernya. Akhirnya, Farisha dikesan apabila dia menempah tiket kapal terbang untuk berlepas dari Lapangan Terbang Senai, Johor menuju ke Kuala Lumpur.
- (c) Dalam perkembangan cerita, peristiwa tertumpu kepada usaha kakitangan Soft Lab, Cyberjaya untuk memujuk Farisha bagi menyelamatkan Dinara. Syarikat Rosman dan Farisha ditawarkan satu projek yang lumayan daripada Soft Lab bernilai RM1.5 juta. Tugasan yang diberikan kepada Farisha ialah menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab. Rakan serumah Farisha, iaitu Shida ditawarkan wang berjumlah RM40 ribu untuk menulis sebuah rencana dan sebuah buku biografi tentang Dinara. Agenda tersembunyi membawa Shida dan Farisha bekerja di Soft Lab adalah untuk menjadikan Shida sebagai pengganti sekiranya ada apa-apa yang berlaku kepada Farisha.
- (d) Dalam bahagian perumitan, diceritakan tentang Karl, iaitu seorang saintis terkenal bersama-sama Medina telah mencipta suatu prototaip bernama Alia. Alia sudah dicipta lebih 20 tahun yang lalu dan dia memiliki ingatan serta perasaan. Dinara sebenarnya hasil kerja Karl dengan Medina. Yang menjadi misteri ialah sebelum Dinara berjaya disiapkan, Medina telah menghilangkan diri. Tambahan lagi, ada pihak yang mencuba terus memadamkan nama Medina daripada syarikat itu. Aqram menjelaskan punca dendam Medina terhadap Karl adalah apabila Karl mensabotaj Medina semasa menjalankan uji kaji. Akibatnya, Medina menjadi hampir separuh gila.
- (e) Dalam bahagian klimaks, Azraai memberitahu bahawa nama sebenar ibu kandung Farisha ialah Marilyn, wanita Portugal. Nama ayahnya tidak pula dicatatkan dalam

fail. Medina memberitahu bahawa 30 tahun yang lampau, Karl telah mengubah Marilyn menjadi Medina. Karl menjadikan Farisha sebagai bahan uji kajinya. Karl menanam pelbagai jenis implan ke dalam tubuh Farisha agar Farisha menjadi anak yang genius. Aqram pula membocorkan rahsia dirinya, iaitu dia telah diberikan identiti baru. Umur sebenarnya 60 tahun, bukan 30 tahun. Nama asalnya ialah Akeem dan merupakan adik kepada Karl yang terencau akal.

- (f) Dalam bahagian peleraian, tepat jam 7.00 malam, Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir. Wasiat Karl adalah agar mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Upacara menaburkan abu mayat dilakukan di Port Dickson. Semasa mahu pulang, kejutan berlaku apabila Shida mengungkapkan kata-kata yang pernah diucapkan oleh Karl. Farisha terkesima apabila mengetahui Karl yang berkata-kata melalui Shida.

Teknik Plot

- (a) Teknik dialog. Contohnya, perbualan antara Aqram dengan Farisha. Aqram menjelaskan bahawa dia tidak menyangka dapat bertemu dengan Farisha semula di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.
- (b) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan ruang tempat kerja Farisha di Soft Lab ketika ditunjukkan oleh Aqram kepada Farisha. Antaranya, terdapat pusat data yang terletak beberapa meter dari bilik Farisha.
- (c) Teknik monolog. Contohnya, Shida bermonolog sendirian ketika dia pulang ke apartmen untuk mencari ubat Farisha. Ketika dia menyelongkar laci almari Farisha, dia hanya menemui ubat gastrik.
- (d) Teknik imbas kembali. Contohnya, Azraai teringat kembali peristiwa pada 26 tahun lalu. Pada waktu itu, dua orang lelaki datang ke rumahnya dan menyerahkan Farisha kepada ibu dan bapanya.
- (e) Teknik saspens. Contohnya, pembaca ingin tahu dan tertanya-tanya misteri bunyi orang berlari menuruni tangga yang diperkatakan oleh Uncle Seng.
- (f) Teknik kejutan. Contohnya, pembaca terkejut dan tidak menduga apabila mengetahui bahawa Aqram, Alia, dan Khairul Anwar ialah hasil kajian Karl. Aqram misalnya merupakan adik Karl yang cacat dan terencau akal. Aqram dan Alia ialah cyborg.

Latar

Latar Tempat

- (a) Lapangan Terbang Senai.
- (b) Hotel Renaissance.
- (c) Soft Lab, Cyberjaya.
- (d) Rumah Karl di Puchong.
- (e) Hospital Putrajaya.
- (f) Makmal B.
- (g) Hentian Pagoh.
- (h) Port Dickson.

Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Waktu petang.
- (c) Waktu malam.
- (d) Lima belas saat.
- (e) 20 tahun.
- (f) 26 tahun.
- (g) Tiga hari.
- (h) 30 tahun yang lalu.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mementingkan diri.

- (b) Masyarakat saintis yang banyak menjalankan penyelidikan.
- (c) Masyarakat yang mahir mengendalikan komputer.
- (d) Masyarakat yang berpendirian tegas semasa membuat tindakan.
- (e) Masyarakat yang berani membongkar rahsia.
- (f) Masyarakat yang menjadi bahan uji kaji.
- (g) Masyarakat yang bersaing untuk menunjukkan kehebatan masing-masing.
- (h) Masyarakat yang baik hati dengan memaafkan kesalahan orang lain.
- (i) Masyarakat yang penyayang.
- (j) Masyarakat yang bersifat prihatin dan belas kasihan terhadap orang lain.

Gaya Bahasa

- (a) Diksi:
 - Penggunaan laras bahasa komputer. Contohnya, *server* dan *desktop*.
 - Pengaruh bahasa Arab. Contohnya, *Insya-Allah* dan *Alhamdulillah*.
 - Pengaruh bahasa Inggeris. Contohnya, *business partner* dan *physical backup*.
- (b) Simile. Contohnya, *bagaikan digeser sembilu, seperti orang hilang akal*, dan *macam nak demam*.
- (c) Personifikasi. Contohnya, *angin dingin berhembus kuat, hanya bunyi dari radio teksi yang menyulam keheningan*, dan *tangisnya mengila*.
- (d) Hiperbola. Contohnya, *hati Shida meronta-ronta ingin kembali membaca tentang Medina dan Api kemarahan menyala-nyala di matanya*.
- (e) Metafora. Contohnya, *benih kasih sayang dan alam lena*.
- (f) Peribahasa. Contohnya, *bagai anjing dengan kucing, seperti langit dengan bumi*, dan *anak angkat*.
- (g) Repetisi atau perulangan kata. Contohnya: *Okeylah, okeylah dan badan penat*, otak pun *penat*.

Nilai

- (a) Kebijaksanaan. Contohnya, Farisha berjaya melepassi sistem keselamatan Bank Sapurba dan menggodam pelayan data di Nusa Jaya hanya dalam tempoh sepuluh minit.
- (b) Baik hati. Contohnya, Farisha tidak berdendam dengan Karl, iaitu ayah kandungnya yang banyak merencanakan kehidupan Farisha melalui penyelidikan sainsnya dan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang ayah terhadapnya.
- (c) Kerjasama. Contohnya, Rosman dan Farisha saling bekerjasama untuk membangunkan syarikat kongsi mereka, iaitu Secured Shell.
- (d) Kasih sayang. Contohnya, hubungan kasih sayang antara dua beradik yang cukup jelas antara Farisha dengan Azraai. Azraai sangat mengambil berat perihal keselamatan adiknya sehingga sanggup memasang 'retinal scanner' dan interkom yang bersambung ke rumahnya.
- (e) Kegigihan. Contohnya, Marilyn@Medina gigih mencari anaknya yang hilang dan diserahkan kepada keluarga angkat.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bijak memanfaatkan teknologi dengan sebaik-baiknya. Contohnya, Farisha memanfaatkan teknologi yang dikuasainya dengan mengilhamkan *security loophole* untuk menyahaktikan dan menghilangkan virus untuk menyelamatkan sistem Dinara.
- (b) Kita hendaklah bersifat baik hati dan pemurah. Contohnya, Shida sanggup menghantar Farisha ke stesen monorel apabila Farisha meminta bantuan daripadanya

kerana kereta Rosman yang ditumpanginya mengalami masalah enjin.

- (c) Kita hendaklah bekerjasama untuk menjayakan sesuatu misi atau perancangan. Contohnya, Dr. Maxi, Aqram, Khairul Anwar dan kakitangan Soft Lab bekerjasama bagi memastikan misi menyelamatkan Dinara terlaksana daripada berlakunya kemasuhanan.
- (d) Kita mestilah menyayangi anggota keluarga. Contohnya, Azraai sangat menyayangi dan mengambil berat perihal keselamatan adiknya sehingga sanggup memasang 'retinal scanner' dan interkom yang bersambung ke rumahnya.
- (e) Kita hendaklah gigih berusaha hingga berjaya. Contohnya, Marilyn@Medina gigih mencari anaknya, Farisha yang hilang dan diserahkan kepada keluarga angkat.



JENDELA MENGHADAP JALAN (Ruhaini Matdarin)

Edisi: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perlis

Sinopsis

Novel *Jendela Menghadap Jalan* diceritakan berdasarkan catatan Lili yang berlaku pada bulan Ogos 2008. Novel ini mengisahkan sifat cekal dan keberanian Lili semasa menempuh berbagai-bagai permasalahan sosial dan kemasyarakatan yang berlaku sepanjang cuti persekolahannya di Kampung Sentosa. Cerita bermula apabila Lili dihantar pulang bercuti ke kampung kelahiran ibunya di Dungun, Terengganu dengan menaiki bas ekspres. Ibunya berpesan kepada Lili tentang perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa dia berada di kampung kelak. Semasa di dalam bas ekspres, seorang gadis berketurunan India, Geetha duduk di sebelah Lili.

Lili menyukai panorama keaslian hutan di kampung itu. Lili berasa hairan apabila melihat kebanyakan rumah di kampung itu dibina dengan kedudukan jendelanya yang rata-ratanya menghadap jalan. Dalam pertemuan itu, nenek mengatakan bahawa Lili semakin besar. Lili menghulurkan wang kiriman ibunya kepada nenek.

Lili tekun menunggu dan berharap agar datuknya bercerita tentang kepentingan susunan rumah dan jendela menghadap jalan kepadanya. Namun begitu, datuknya bercerita tentang kelebihan dan bagaimana akar-akar kayu berupaya untuk merawat pesakit melalui kaedah rawatan tradisional.

Nenek mengajak Lili pergi ke kedai runcit Letchumi selepas hujan berhenti. Letchumi yang berbadan gempal menyambut kedatangan nenek dan Lili dengan mesranya. Lili telah bertemu dengan Geetha semula yang merupakan anak gadis Letchumi.

Lili terkejut dengan kehadiran tetamu di rumah datuknya beberapa minit setelah mereka selesai bersarapan. Danel memberitahu Lili tentang isu kubah surau yang hangat diperkatakan oleh penduduk kampung ekoran tiadanya pemuaifikatan. Danel berterus terang tentang kunjungannya ke rumah datuk untuk menghentikan pengambilan ubat-ubatan herba tradisional oleh bapanya menyebabkan datuk berasa kecil hati. Datuk teguh dengan pendiriannya bahawa kaedah rawatan tradisional lebih baik berbanding dengan rawatan moden.

Penduduk kampung bertelagah dan tidak bersepakat tentang isu pemasangan kubah di bumbung surau usang. Nenek bercerita tentang nasib datuk Lili yang akan kehilangan lima lagi pesakitnya yang datang dari Kuala Lumpur apabila

mereka menggunakan ubat ajaib untuk menyembuhkan penyakit. Datuk memberitahu Lili bahawa semua pesakitnya telah lari. Rashid terlupa untuk menghantar Lili ke rumah Geetha. Sebagai menebus kesalahannya, Rashid membawa Lili berjalan-jalan di pasar malam di pekan.

Lili mengunjungi Geetha yang diserang demam. Geetha tidak seronok bercuti di kampung kerana dia berasa bosan. Geetha mendapatkan keizinan ibunya untuk bermalam di rumah datuk Lili. Lili dan Geetha telah mendaki bukit untuk menikmati pemandangan matahari terbenam dari puncak bukit.

Geetha dan Lili ke kedai runcit yang berhampiran untuk membeli barang runcit. Mereka menyaksikan peristiwa anak-anak Che Jah yang dikejar oleh sekumpulan pemuda kerana mencuri harta benda ibunya sendiri. Che Jah menjerit dan sambil menangis mengenangkan sikap anak-anaknya yang tidak mengenang budi itu.

Nenek memberikan keizinan kepada Danel untuk mengajak Lili ke pekan. Mereka singgah di restoran makanan segera. Mereka balik ke Kampung Sentosa dengan menaiki bas. Setibanya di kawasan kampung, Lili melihat Rafiq yang memegang senjata tajam dikejar oleh beberapa orang lelaki di belakangnya. Secara tiba-tiba, Rafiq menjadikan Lili sebagai orang tahanan dengan mengacukan pisau tajam berkilat di lehernya. Rafiq mengugut untuk mencederakan Lili jika ada antara lelaki itu yang mendekatinya. Lili pengsan. Apabila Lili sedar, dia mendapat kedua-dua belah tangannya diikat ke belakang dan disembunyikan di sebuah pondok buruk.

Lili mendengar suara Danel yang datang menyelamatkannya. Sebagai tanda kesyukuran kerana Lili selamat, datuk sempat mengajak beberapa orang jemaah yang ada di rumahnya untuk mengerjakan solat hajat.

Nenek menasihati Lili agar tidak menyibuk pasal keluarga Che Jah terutama yang melibatkan perihal Haziq dan Rafiq. Ketika berada di rumah Che Jah, Lili memberitahu Che Jah bahawa dia memaafkan kesalahan Rafiq dan Haziq atas kejadian yang berlaku semalam. Che Jah terharu dan menangis apabila mendengar kata-kata ikhlas Lili itu.

Lili melihat sebuah lori membawa kubah surau. Dia juga buat kali pertamanya mendengar orang bertengkar tentang kubah surau. Nenek keberatan untuk melepaskan Lili pergi kerana memikirkan aspek keselamatan dirinya. Danel dan Lili berbincang tentang isu pemasangan kubah di surau atau di bumbung masjid baru yang bakal terbina pada suatu hari nanti.

Berlaku suasana yang getir apabila Seman memukul sambil memaki hamun anaknya, Haziq. Orang ramai yang datang termasuk Lili dan Danel berasa takut untuk meleraikan perbuatan kejam Seman itu. Dari dalam rumah, kedengaran suara jeritan Che Jah yang meminta Seman agar mencerikannya.

Nenek pulang lewat dengan membawa khabar bahawa Che Jah belum diceraikan suaminya. Ketika berbual dengan Lili, Kak Mimah memberitahu Lili bahawa dia bertugas sebagai penolong pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Warga Tua dan Keluarga. Lili sempat memberitahu Kak Mimah tentang kes keganasan rumah tangga yang berlaku di kampungnya itu.

Kak Mimah menyatakan kesanggupannya untuk membantu menangani kes keganasan rumah tangga yang melibatkan Che Jah dan Seman itu setelah diceritakan dengan panjang lebar oleh Lili. Geetha bersetuju untuk mengikut Lili dan akan bermalam di rumah datuk Lili. Nenek berasa gembira ketika menyambut kedatangan Geetha

ke rumahnya. Nenek membenarkan Lili dan Geetha menziarahi Che Jah.

Datuk memberitahu Lili bahawa Kak Mimah telah menghubunginya. Datuk bertekad hendak mengheret Seman ke penjara. Menurut datuk, Seman telah melakukan banyak kerosakan kepada hati orang lain, selain hati isteri dan hati anak-anaknya. Lili mengagak bahawa Geetha dan Danel mula jatuh cinta. Datuk berasa kesal kerana lambat bertindak untuk memperbetul segala masalah yang berlaku di kampungnya itu.

Lili terdengar suara kecoh di halaman rumah datuknya. Mereka datang untuk melaporkan kubah telah dilarikan dan mengesyaki anak-anak Che Jah yang melakukan perbuatan mencuri itu. Lili melihat datuknya mengheret masuk Haziq dan Rafiq di halaman rumah sambil dibantu oleh dua orang pemuda lain.

Haziq dan Rafiq kelihatan lemah dan ada kesan dibelasah. Wajah Haziq lebam manakala hidung Rafiq berdarah. Mereka masuk ke dalam rumah dan merebahkan diri di lantai ruang tamu tanpa disuruh. Lili tidak berminat menyentuh isu kubah kerana kubah itu sudah pun dilarikan orang. Geetha membawakan Danel minuman panas. Akibat kebimbangan Haziq akan bertindak ganas, nenek berkawal di muka pintu dapur dengan batang penyu pu manakala Danel pula berdiri mencuba melindungi Lili. Keadaan itu menyebabkan Geetha berasa cemburu dan beredar dari ruang tamu itu. Kak Mimah dan Nadia, dua orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tiba di rumah datuk. Che Jah menemui Kak Mimah di rumah datuk. Dia menceritakan kejadian malangnya dengan panjang lebar kepada Kak Mimah dan Nadia. Che Jah sangat bersetuju jika suaminya dibawa ke muka peradihan kerana kubah yang dilarikan semalam ialah perbuatan jahat suaminya tetapi suaminya itu telah menghalakan segala perbuatan jahatnya kepada anak-anaknya yang sedang belajar untuk menjadi baik. Lili dan Geetha disuruh menjaga Rafiq dan Haziq di rumah dengan ditemani oleh Kak Bibah dan dua orang pak cik yang belum dikenali.

Menurut Rashid, Sugi tidak terlibat dengan kemasukan dua orang wakil pemaju perumahan yang datang memujuk orang kampung untuk menjual tanah mereka. Che Jah berjaya membuat laporan polis berhubung kes jenayah suaminya dan laporan akan disediakan untuk tindakan lanjut dari Jabatan Kebajikan Masyarakat pada minggu depan. Datuk tidak melatah dengan semua tuduhan penduduk kampung itu.

Ibu menghubungi Lili. Dia berasa pelik dengan perubahan sikap anaknya yang tidak merungut sepanjang tempoh percutiannya di kampung. Sewaktu azan subuh berkumandang, Geetha dan Danel telah mengetuk dinding bilik Lili untuk mengejutkannya sekali gus mengajaknya melihat matahari terbit.

Lili, Geetha, dan Danel duduk di jeti nelayan sambil memerhatikan keindahan matahari terbit. Ketika Lili tiba di rumah, dia melihat ibunya sedang berbual mesra dengan datuk dan neneknya. Menurut Lili, kebahagiaan yang paling bermakna kepadanya adalah apabila dia melihat ibunya berbual mesra dengan datuknya.

Datuk Lili yang bernama Haji Abdul Rahman telah mengisahkan perjalanan hidupnya dari Kalimantan yang berpindah-pindah hingga akhirnya membuka petempatan di Kampung Sentosa. Datuk Lili tabah menempuh berbagai rintangan dalam hidupnya hingga dia bertemu dengan neneknya di sebuah tempat ajaib pada 42 tahun dahulu.

Nenek Lili bercerita bahawa dirinya bernama Hajah Aisyah Tan Abdullah dan berasal dari Tanah Besar China. Dia mengikut bapanya berhijrah ke Tanah Melayu ketika berusia sebelas tahun bersama-sama adik-beradiknya yang lain. Dia menetap di Tanah Melayu hingga bertemu jodoh dengan Haji Abdul Rahman.

Lili menerima sepucuk surat yang ditulis dan dihantar oleh Danel yang mengisahkan berbagai-bagai perkara. Lili mencatat segala peristiwa dan kejadian yang berlaku.

Cerita diakhiri dengan Lili menyambung catatannya semula pada bulan Disember 2008. Dalam catatannya itu, Lili berasa lega dan gembira apabila semua ujian serta permasalahan sosial dan kemasyarakatan yang berlaku di Kampung Sentosa berjaya ditangani. Lili tidak sabar untuk kembali ke Kampung Sentosa bagi mendengar cerita datuknya tentang jendela menghadap jalan.

Inti Pati Bab

Bab Satu

- Lili berasa sedih kerana cuti sekolah yang ingin dimanfaatkan bersama dengan teman-teman sekelasnya terpaksa dikorbankan dengan pulang bercuti ke kampung kelahiran ibunya di Dungun, Terengganu.
- Ibu mengejutkan Lili daripada tidur supaya dia bersiap kerana dia akan dihantar ke hentian bas untuk pulang bercuti ke kampung datuk dan nenek.
- Ibu menasihati Lili agar tidak bangun lewat ketika berada di rumah nenek kerana nenek pasti akan meleterinya.
- Ibu menghela nafas yang panjang apabila melihat bilik Lili yang penuh dengan contengen kertas dinding.
- Ibu menduga Lili dengan mengatakan bahawa Lili tidak berasa gembira kerana akan menghabiskan cuti sekolah di kampung datuk dan neneknya.
- Lili sengaja berbohong kepada ibunya bahawa dia sebenarnya berasa gembira pulang bercuti di kampung untuk menjaga hati ibunya.

Bab Dua

- Ibu berpesan kepada Lili tentang perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa di kampung kelak.
- Lili menaiki bas ekspres dari Kuala Lumpur ke Dungun selama lapan jam.
- Seorang gadis India meminta izin untuk duduk di sebelahnya di dalam bas ekspres itu.
- Geetha memperkenalkan namanya dan menyatakan bahawa dia merupakan pelajar tahun pertama yang menuntut di Universiti Malaya dalam bidang kejuruteraan awam.
- Sepanjang perjalanan ke Dungun, mereka berbual-bual tentang pelbagai perkara. Antaranya, Geetha memberitahu Lili bahawa dia bercita-cita sebagai seorang doktor bedah. Lili pula bercita-cita untuk menjadi seorang penulis.

Bab Tiga

- Geetha turun di Pekan Sentosa manakala Lili turun di Pekan Sejahtera.
- Lili mendapati ada seorang pemuda Cina yang turut membuntutinya turun di Pekan Sentosa.
- Pemuda Cina itu telah menyerahkan bukunya yang tercicir sewaktu dia turun dari bas ekspres.
- Pemuda Cina itu memberitahu bahawa dia menetap di Kampung Sentosa.
- Abang Rashid menjemput Lili di Pekan Sentosa dengan memandu van Toyota Hiace milik datuknya.

Bab Empat

- Lili menyukai panorama keaslian hutan di kampung itu.
- Lili berasa hairan apabila melihat kebanyakan rumah di kampung itu dibina dengan kedudukan jendelanya menghadap jalan.
- Lili menemui neneknya yang sedang leka menyemai benih padi di petak semaan.
- Lili melihat anak-anak muda yang melintas di petak bendang sambil mengepit Muqaddam dan al-Quran.
- Nenek mengatakan bahawa Lili semakin besar selepas Lili mencium tangannya.
- Lili menghulurkan wang kiriman ibunya kepada nenek.
- Nenek memberitahu Lili bahawa datuknya ke surau kerana orang-orang kampung hendak memasang kubah di bumbung surau.
- Lili bertanyakan sebab orang kampung ingin memasang kubah di bumbung surau yang sudah usang itu.
- Mereka bergerak pulang ke rumah setelah waktu maghrib menjengah tiba.

Bab Lima

- Lili menunggu datuknya bercerita tentang kepentingan susunan rumah dan jendela yang menghadap jalan kepadanya.
- Datuk Lili mempersoalkan kefahaman Lili tentang jendela rumah yang dibina mendatangkan kesan mendalam terhadap generasi awal mereka yang membuka kampung itu.
- Lili berharap agar datuknya boleh bercerita tentang kepentingan jendela menghadap jalan tetapi datuknya lebih gemar bercerita tentang kelebihan akar-akar kayu dan daun herba berbanding dengan ubat-ubatan moden.
- Datuk Lili juga bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit melalui perubatan secara tradisional.
- Nenek menempelak datuk yang terlalu mengagung-agungkan kelebihan ubat-ubatan tradisionalnya.
- Datuk meminta Lili melihatnya merawat seorang kawan baiknya yang menghidap penyakit strok, darah tinggi, dan kencing manis pada esok hari.

Bab Enam

- Hujan turun mencurah-curah di Kampung Sentosa menyebabkan bumbung rumah datuk yang dibina daripada zink menjadi gemuruh.
- Nenek meminta Lili menutup jendela kerana adanya cahaya kilat.
- Nenek memanggil Lili untuk molongnya mencari bekas kemenyan buatan India untuk digunakan sebagai tempat mengasap kemenyan dengan kulit bawang.
- Nenek mengajak Lili ke kedai runcit Letchumi selepas hujan berhenti.
- Selepas dua jam mencari, akhirnya nenek berjaya menemui bekas kemenyannya itu.

Bab Tujuh

- Lili dan nenek melangkah masuk ke kedai runcit Letchumi.
- Letchumi yang berbadan gempal menyambut mesra kedatangan nenek dan Lili.
- Nenek memperkenalkan cucunya, Lili kepada Letchumi.
- Lili telah bertemu dengan Geetha semula yang merupakan anak gadis Letchumi.
- Geetha memberitahu Lili bahawa ibunya merupakan pelanggan setia minuman herba hasil buatan tangan datuknya.
- Geetha menyarankan agar Lili mempelajari teknik-teknik penyediaan herba dan kaedah rawatan tradisional daripada

datuknya yang merupakan pengamal perubatan tradisional yang terkenal di serata Pekan Sentosa itu.

Bab Lapan

- Selepas solat zuhur berjemaah, datuk menguji Lili dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan hal keagamaan.
- Datuk menerangkan kelebihan surah al-Fatihah kepada Lili.
- Datuk mengandaikan bahawa ibu dan bapa Lili bersikap tidak endah berkaitan dengan hal-hal keagamaan. Lili menidakkannya kenyataan datuknya itu.
- Datuk menyoroti kisah silam tentang kecuaianya mendidik ibu Lili dengan sempurna berkaitan dengan hal-hal keagamaan.
- Datuk juga menceritakan sejarah pendidikan ibunya yang lulus cemerlang dalam pelajaran dan ditawarkan belajar di luar negara.
- Datuk mengeluh kerana sikap ibunya yang jarang-jarang pulang ke kampung.
- Rashid meletakkan bakul berisi buah-buahan di atas tangga dan kemudian hilang semula.
- Neneh menegur Lili yang mengasari kucing.
- Pak Sahak datang ke rumah neneh untuk mencari datuk berkenaan peristiwa kekecohan yang berlaku di surau disebabkan kehadiran pemaju perumahan dari pekan.
- Datuk merungut sambil memarahi abang kandung Danel, Sugi yang menghantar kawannya dari satu syarikat memujuk orang kampung supaya menjual tanah mereka.

Bab Sembilan

- Lili terkejut dengan kehadiran tetamu ke rumah datuknya beberapa minit setelah mereka selesai bersarapan.
- Sahabat lama datuknya, William Ng datang bersama dengan anak bongsunya, Danel.
- Neneh memperkenalkan Lili sebagai cucunya kepada William Ng dan Danel.
- Danel memberitahu Lili tentang isu kubah surau yang hangat diperkatakan oleh penduduk kampung ekoran tiadanya amalan pemuaafakatan.
- Danel berterus terang tentang kunjungannya ke rumah datuk. Danel berasa kurang senang dengan sikap bapanya yang menggunakan ubat-ubatan herba dan menolak rawatan moden.
- Danel seolah-olah mempertikaikan kemampuan ubat-ubatan tradisional untuk menyembuhkan penyakit hingga menyebabkan datuk berasa kecil hati.
- Berlaku konflik antara Danel dengan datuk Lili berhubung kaedah rawatan yang paling berkesan untuk merawat pesakit.
- Datuk teguh dengan pendiriannya bahawa kaedah rawatan tradisional lebih baik berbanding dengan rawatan moden.

Bab Sepuluh

- Neneh memberitahu Lili betapa datuknya sangat menyayangi pekerjaannya sebagai pengamal perubatan tradisional.
- Neneh juga memberitahu Lili bahawa ramai pesakit yang sembuh setelah berubat dengan datuknya tetapi kini seorang demi seorang pesakit itu meninggalkan datuk dan kaedah rawatan tradisional yang digunakannya.
- Menurut neneh, datuk berasa sedih kerana selepas kedua-dua ibu bapa suaminya meninggal dunia, ibu Lili pula merupakan orang kedua yang melangkah pergi melalui jendela rumah itu. Kini, sahabat baiknya, iaitu William Ng pula akan meninggalkan rawatan tradisionalnya.
- Lili bertanyakan datuknya sebab jendela dan pintu rumah di kampung itu menghadap jalan.

- Datuk mengubah topik perbincangannya dengan Lili.
- Datuk mengatakan bahawa anak-anak muda kini tidak pandai menjaga hati orang tua seperti anak-anak William Ng, Danel.
- Datuk meluahkan sikap kurang senangnya terhadap abang Danel, Sugi yang mempengaruhi pemaju tentang aset yang ada di kampung itu.

Bab Sebelas

- Datuk kehilangan tasbihnya. Dia sangat bimbang dengan kehilangan tasbihnya itu.
- Datuk memberitahu Lili bahawa selama lebih tujuh puluh tahun dia hidup, baru kini dia terasa penat.
- Datuk meminta Lili memberitahu nenehnya agar membancuhkan kopi untuknya.
- Neneh membawakan kopi yang diminta oleh datuk.
- Lili meminta diri untuk meninggalkan datuk dan nenehnya tetapi ditegah oleh datuk.
- Datuk meminta Lili bercerita tentang perkembangan ibunya yang terkini.
- Lili menceritakan perihal ibunya yang dia ketahui kepada datuk dan nenehnya.
- Datuk mengajukan berbagai-bagai soalan tentang ibunya.
- Datuk menceritakan kisah silam ibunya yang bermula dari zaman kanak-kanak.
- Bagi Lili, ibunya seorang yang berpandangan jauh. Ibu menghantarnya pulang ke kampung supaya Lili mencari semula apa-apa yang ditinggalkan oleh ibunya pada suatu masa dahulu.

Bab Dua Belas

- Penduduk kampung bertelagah dan tidak bersepakat tentang isu pemasangan kubah, iaitu sama ada di bumbung surau usang atau di bumbung masjid yang belum dibina di kampung itu.
- Neneh mengisahkan semangat pembangunan yang dibawa oleh perintis, arwah Haji Salihin, orang alim dari Tanah Jawa, iaitu pembangunan di kampung itu hanya boleh diadakan selepas seratus tahun.
- Menurut neneh, seluruh kampung itu mengalami sumpahan arwah Haji Salihin kerana pembangunan yang dilakukan.
- Ketika Lili berjalan-jalan di bendang, dia melihat sekumpulan lelaki menuju ke suatu arah dalam keadaan tergesa-gesa sambil seorang daripadanya mengepit seekor ayam jantan dan seorang lagi mengepit seekor ayam betina.
- Rashid meminta Lili segera pulang ke rumah kerana keadaan di kampung itu tidaklah setenang dahulu lagi.
- Sekumpulan lelaki menjerit dan mengejar dua orang pemuda yang mengepit ayam dan berlari tergopoh-gapah kerana terlibat dengan perjudian ayam sabung.
- Rashid menawarkan khidmatnya untuk menghantar Lili pulang.
- Ketika mereka tiba di rumah, mereka mendapati terdapat dua buah kereta nasional di halaman rumah berserta lima orang tetamu.

Bab Tiga Belas

- Lili membantu neneh mengemas dan membasuh pinggan manguk di dapur serta menyediakan makan malam.
- Neneh bercerita tentang nasib datuk Lili yang kehilangan lima lagi pesakitnya yang datang dari Kuala Lumpur apabila mereka telah menggunakan ubat ajaib untuk menyembuhkan penyakit.
- Lili melihat datuk duduk bersendirian di serambi sambil berkhayal dalam dunia khayalannya yang tersendiri.
- Datuk memberitahu Lili bahawa semua pesakitnya telah lari.

- Datuk kehilangan punca pendapatannya. Datuk berkira-kira untuk kembali mengerjakan kebun dan menjadi nelayan.
- Datuk bangun awal untuk bersolat subuh. Datuk leka menyusun barang-barang perhiasan di dalam almari kayu hingga memasuki lewat tengah hari.
 - Lili bertekad untuk melawat Geetha. Nenek membenarkan Lili ke rumah Geetha tetapi tidak membencarkannya pergi sendirian. Nenek meminta Rashid menghantarnya. Lili bersetuju.
 - Rashid terlupa untuk menghantar Lili ke rumah Geetha. Sebagai menebus kesalahannya, Rashid membawa Lili berjalan-jalan di pasar malam di pekan.
 - Lili dan Rashid makan nasi padang secara percuma di warung makan rakan Rashid di pasar malam itu.
 - Lili membeli sehelai kemeja bercorak batik tetapi dibayar oleh Rashid.
 - Rashid berjanji akan menghantar Lili ke rumah Geetha pada keesokan pagi.
 - Lili bertanya kepada Rashid tentang masa dia akan berkahwin tetapi dia tidak menjawab soalan itu.

Bab Empat Belas

- Lili mengunjungi Geetha yang diserang demam.
- Geetha tidak seronok bercuti di kampung kerana dia berasa bosan.
- Geetha memberitahu Lili bahawa ibunya masih berpegang teguh kepada adat tradisi.
- Lili memberi cadangan dengan mempelawa Geetha bermalam di rumah datuknya.
- Geetha mendapat keizinan ibunya untuk bermalam di rumah datuk Lili.
- Geetha dan Lili duduk di perhentian bas untuk memerhatikan kereta dan gelagat orang ramai yang lalu-lalang.
- Lili dan Geetha mendaki bukit untuk menikmati pemandangan matahari terbenam dari puncak bukit.

Bab Lima Belas

- Geetha memotong sayur dan menyiang ikan hasil tangkapan laut yang disedekahkan oleh Pak Sahak ketika Lili dan nenek bersolat maghrib.
- Nenek melarang Geetha daripada membantu di dapur.
- Geetha memberitahu nenek bahawa dia berkenalan dengan Lili sewaktu berada di dalam bas.
- Datuk Lili yang masih belum pulang ke rumah walaupun hari sudah malam mencetuskan kebimbangan kepada nenek.
- Rashid menawarkan bantuannya untuk mencari datuk.
- Geetha bertanya kepada Lili sama ada dia ingin menjelaki kehilangan datuknya.
- Menjelang subuh, datuk pulang ke rumah dengan membawa dua bukal penuh berisi akar-akar kayu dan daun-daun herba.
- Nenek meleteri suaminya kerana tidak memaklumkan pemergiannya itu.

Bab Enam Belas

- Datuk berasa bangga bercerita tentang dirinya yang masuk ke hutan bersendirian semata-mata ingin mencari bahan-bahan untuk dijadikan herba.
- Danel tiba-tiba datang menziarahi datuk.
- Geetha bertanyakan Lili tentang perihal Danel.
- Geetha meminati sikap dan penampilan Danel.
- Geetha akan bermalam di rumah nenek Lili untuk satu malam sahaja.
- Geetha dan Lili ke kedai runcit berhampiran untuk membeli barang runcit.

- Mereka dapat melihat peristiwa anak-anak Che Jah yang dikejar oleh sekumpulan pemuda kerana mencuri harta benda ibu mereka.
- Che Jah menjerit sambil menangis apabila mengenangkan sikap anak-anaknya yang tidak mengenang budi itu.
- Danel datang menemui datuk Lili untuk mendapatkan khidmat urut badan secara tradisional daripada datuknya.

Bab Tujuh Belas

- Danel menulis berbelas-belas artikel dalam buku yang berjudul 'Segalanya tentang Pisang'.
- Artikel tersebut memaparkan rencana kejayaan seorang remaja menjadi pekebun pisang yang berjaya di Tenom, Sabah.
- Danel juga menulis artikel tentang perihal pisang, iaitu setiap bahagian pisang berfungsi untuk merawat penyakit atau menjadi penawar kepada pesakit.

Bab Lapan Belas

- Lili diminta oleh nenek untuk membancuhkan air minuman untuk tetamu yang berkunjung ke rumah datuknya, iaitu Pak Sahak, Kiai Baharom, Imam Sanusi, dan ketua kampung.
- Mereka berbincang perihal pembinaan masjid baru di Kampung Sentosa.
- Ketua kampung meminta datuk menggunakan pengaruhnya untuk menyedarkan penduduk kampung berhubung arus pembangunan yang pesat di kampung mereka.
- Menurut ketua kampung lagi, penduduk kampung ini masih terperangkap dalam sejarah lampau dan masih berkhayal dengan nilai nostalgia jendela menghadap jalan yang telah dirintis oleh generasi awal keluarga datuk.
- Lili mencuri dengar perbincangan mereka berhubung pembinaan masjid itu.
- Danel mengajak Lili menemaninya ke pekan untuk membeli minyak gamat.
- Lili dan Danel menaiki bas yang sesak dengan penumpang ke pekan.
- Setibanya di pekan, mereka memasuki kedai ubat.
- Lili mendedahkan bahawa dia faham bahasa Cina yang dituturkan oleh Danel kerana dia bersekolah di sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina.
- Menurut Lili, dia juga boleh berbahasa Jepun, bahasa Thai, dan bahasa Latin dengan baiknya serta sedang mempelajari bahasa Spanish Castanuelas.

Bab Sembilan Belas

- Lili dan Danel singgah di restoran makanan segera.
- Lili hanya minum segelas jus epal manakala Danel telah makan dua biji burger, Kentang Goreng, dan minum segelas air minuman berkarbonat.
- Selepas itu, mereka pergi ke pasar raya untuk membeli barang-barang yang diperlukan.
- Mereka pulang ke Kampung Sentosa dengan menaiki bas.
- Setibanya di kampung, Lili melihat Rafiq yang memegang senjata tajam dikejar oleh beberapa orang lelaki di belakangnya.
- Secara tiba-tiba, Rafiq meluru ke arah Lili. Rafiq menculik Lili dan menahannya sebagai orang tahanan.
- Rafiq berkeras akan mencerobakan Lili jika ada antara lelaki itu yang mencuba mendekatinya.
- Lili pengsan. Apabila Lili sedar, dia mendapati kedua-dua belah tangannya diikat ke belakang dan dia disembunyikan di sebuah pondok buruk.
- Lili dapat mendengar butir-butir perbalahan yang berlaku antara Rafiq dengan Haziq berhubung dengan penahanannya.

Bab Dua Puluh

- Lili berusaha dan mencuba berikhtiar untuk menyelamatkan dirinya dari pondok buruk itu.
- Lili mendengar suara Danel yang datang menyelamatkannya.
- Danel memberitahu Lili bahawa dia memang mengetahui tempat persembunyian Rafiq dan Haziq sejak dahulu lagi.
- Halaman rumah datuk Lili terang-benderang sewaktu Lili dan Danel tiba.
- Nenek menangis apabila melihat Lili dalam keadaan selamat. Lili turut menangis.
- Nenek menghidangi Lili makan malam selepas Lili selesai membersihkan dirinya.
- Nenek bertanya kepada Lili berhubung tindakan Rafiq itu. Nenek menyalahkan cara didikan yang diamalkan oleh Che Jah.
- Menurut nenek lagi, anak-anak Che Jah terlibat dengan penagihan dadah.
- Nenek juga menceritakan sikap suami Che Jah yang tidak bertanggungjawab, sering melepak di kedai kopitiam, kaki perempuan, dan kaki judi kepada Lili.
- Sebagai tanda kesyukuran kerana semuanya selamat, datuk sempat mengajak beberapa orang jemaah yang ada di rumahnya untuk mengerjakan solat hajat.

Bab Dua Puluh Satu

- Pagi itu, Lili ghairah untuk mengetahui berita tentang Haziq dan Rafiq.
- Lili juga bersimpati akan nasib kedua-dua beradik itu walaupun semalam dia menjadi mangsa penculikan dan tebusan mereka.
- Danel muncul di serambi rumah datuknya ketika Lili selesa bersarapan.
- Lili bertanya kepada Danel tentang perkembangan berita kedua-dua beradik itu.
- Danel memberitahu Lili bahawa ketua kampung telah mengarahkan beberapa orang penduduk kampung merobohkan tempat persembunyian mereka yang dijadikan sarang penagihan dadah.
- Menurut Danel lagi, Rafiq dan Haziq pernah dimasukkan ke penjara dan pusat tahanan juvana atas kesalahan juvana yang pernah dilakukan sebelum ini.
- Lili mengharapkan kedua-dua beradik itu berubah pada suatu masa nanti.
- Danel memohon diri untuk pulang ketika nenek berada di dalam bilik air.
- Nenek menasihati Lili agar tidak menyibuk tentang keluarga Che Jah terutama yang melibatkan perihal Haziq dan Rafiq.
- Nenek mengisahkan perihal kejahatan Haziq dan Rafiq yang tidak diketahui oleh Lili hingga menyebabkannya terpegun.
- Lili ingin mengetahui lebih lanjut tentang Haziq dan Rafiq. Namun begitu, dia sedar bahawa nenek dan Danel bukanlah orang yang boleh menolongnya berkaitan dengan hasratnya itu kecuali Geetha.
- Sepanjang pagi hingga tengah hari, Lili resah di jendela memerhatikan manusia lalu-lalang dengan tangan mereka diangkat ke arah Lili sebagai tanda sapaan.
- Lili teringat akan hasratnya yang ingin ke pekan dibantah oleh neneknya.

Bab Dua Puluh Dua

- Datuk masih mencari tasbihnya yang hilang untuk berzikir dan bertahmid.
- Danel memberitahu Lili bahawa anak-anak Che Jah yang terlibat dengan kes penahanan Lili telah ditangkap.
- Rashid mengatakan bahawa seorang daripadanya parah dibelasah oleh bapanya.

- Rashid dan Lili pergi ke rumah Che Jah untuk melihat perkembangan diri Haziq dan Rafiq.
- Che Jah menjemput Lili dan Rashid masuk ke dalam rumah mereka.
- Che Jah memohon maaf kepada Lili bagi pihak kedua-dua orang anaknya.
- Che Jah menceritakan perihal sikap nakal dan jahat anak-anaknya itu kepada Lili dan Rashid.
- Lili memberitahu Che Jah bahawa dia memaafkan kesalahan Rafiq dan Haziq.
- Che Jah terharu dan menangis mendengar kata-kata ikhlas Lili itu.
- Che Jah mempelawa Lili dan Rashid makan tengah hari di rumahnya. Lili tidak menolak pelawaan itu.

Bab Dua Puluh Tiga

- Nenek menasihati Lili agar tidak mencampuri urusan rumah tangga Che Jah.
- Datuk menanyakan Lili berhubung pemergian Lili ke rumah Che Jah.
- Datuk mengatakan bahawa sepatutnya bapa Rafiq dan Haziq yang patut ditangkap dan dihukum ke dalam penjara kerana kegagalannya mendidik anak.
- Menurut datuk, orang kampung pernah membuat laporan polis berhubung peristiwa jahat Seman dan anak-anaknya. Namun begitu, sikap Seman yang panas baran menyebabkan orang kampung berasa serik hendak menegurnya.
- Datuk menjelaskan lagi bahawa dia pernah membantu Seman dengan memintanya melakukan kerja di kebun tetapi hasil kebun dijualnya.
- Datuk juga selalu menghulurkan duit apabila Seman datang menemuinya untuk meminjam duit.
- Nenek memberitahu Lili bahawa Letchumi akan datang ke rumahnya pada esok hari.
- Lili berkhayal tentang kenangan manisnya bersama Geetha.
- Lili, nenek, dan datuk menikmati makan malam yang bertemakan terung.

Bab Dua Puluh Empat

- Lili melihat sebuah lori membawa kubah surau.
- Datuk memberitahu Lili bahawa kubah agam itu akan dipasang di bumbung surau.
- Lili meluahkan kebimbangannya jika kubah baru itu dipasang di bumbung surau usang itu.
- Lili mencadangkan agar sebuah masjid baharu dibina bagi meletakkan kubah baharu yang agam itu.
- Lili bercadang ingin melihat rupa kubah yang besar agam itu dipasang di atas bumbung surau. Dia juga baharu kali pertama mendengar orang bertengkar tentang kubah surau.
- Sepanjang hari itu, Lili dapat mendengar kubah surau menjadi topik perbualan orang yang lalu-lalang.
- Kaum lelaki golongan tua seperti datuk tidak kisah sama ada kubah itu dipasang di bumbung surau atau masjid, yang penting bagi mereka ialah sebuah tempat ibadat dan ibadat boleh dilaksanakan kepada Allah.
- Kaum lelaki dewasa generasi muda seperti Abang Rashid pula menginginkan sebuah masjid baharu yang teguh dan cantik terbina di kampung itu. Mereka melihat pembangunan.
- Namun demikian, sehingga malam, Lili tidak mendengar sebarang cerita tentang kubah dinaikkan ke bumbung surau. Datuknya juga tidak bercakap apa-apa sewaktu dia pulang dari suatu tempat.

Bab Dua Puluh Lima

- Lili meluahkan hasratnya untuk melihat kubah agam atau menjenguk Che Jah.

- Nenek keberatan melepaskan Lili pergi kerana memikirkan keselamatan dirinya.
- Danel datang ke rumah neneknya dengan membawa gulai kari pisang ikan masin yang dimasaknya sendiri.
- Berita kenaikan harga minyak menggantikan isu kubah.
- Lili leka makan dan tidak mempedulikan isu kenaikan minyak yang dibangkitkan oleh Danel kepada datuknya.
- Danel menyarankan agar mereka berjimat cermat dan menjaga kesihatan dengan baiknya kerana kos rawatan tentu meningkat.
- Datuk menyindir Danel dengan mengatakan bahawa seseorang yang menggunakan perubatan tradisional, kosnya lebih murah berbanding dengan rawatan moden.
- Danel berasa tersindir oleh kata-kata datuk. Lili ke rumah Che Jah ketika neneknya sibuk ke pekan dengan jiran tetangga yang bimbang harga barang dapur turut dinaikkan.
- Che Jah berasa gembira menerima kedatangan Lili. Lili melihat Haziq keluar dari biliknya dengan keadaan yang menyedihkan.
- Di dapur rumah Che Jah, kedengaran suara Che Jah meninggi, memberi amaran kepada Haziq agar tidak mengambil kesempatan untuk mlarikan diri.
- Lili merasakan pertemuan kali ini agak hambar berbanding dengan pertemuan pada pertama kali dulu. Lili tidak faham sebab Che Jah perlu menjauahkan diri daripadanya sedangkan niatnya baik untuk berkawan.

Bab Dua Puluh Enam

- Lili mempunyai idea membina masjid dan idea untuk melaporkan jenayah yang dilakukan oleh suami Che Jah kepada biro pengaduan jenayah rumah tangga.
- Datuk memberitahu Lili bahawa rancangan pembangunan di kampung itu tidaklah semudah yang difikirkan.
- Datuk menasihati Lili agar tidak risau tentang nasib Che Jah.
- Menurut datuk, jika Che Jah tertekan dengan masalah rumah tangganya, sudah lama dia membuat laporan polis dan sudah lama dia mengikut nasihat orang kampung.
- Datuk menasihati Lili agar menghabiskan cuti sekolah di kampung itu dengan tenang tanpa perlu memikirkan perkara-perkara itu.
- Danel dan Lili berbincang tentang isu pemasangan kubah di surau atau di bumbung masjid baru yang bakal terbina suatu hari nanti.

Bab Dua Puluh Tujuh

- Danel memohon maaf kepada Lili kerana tidak serius tentang perbincangan isu kubah surau.
- Nenek bersikap kelam-kabut apabila tiba-tiba mengajak Rashid pergi ke rumah Che Jah dengan segera.
- Seman memukul sambil memaki hamun anaknya, Haziq. Orang ramai yang datang termasuk Lili dan Danel takut untuk meleraikan perbuatan kejam Seman itu.
- Dari dalam rumah kedengaran suara jeritan Che Jah yang meminta Seman agar menceraikannya.
- Seman mengatakan kepada Che Jah agar tidak mencabarnya untuk memohon cerai.
- Nenek meluru ke depan dan memegang tangan Che Jah.
- Nenek memberi isyarat kepada Lili dan Danel agar berundur dan tidak mencampuri konflik perbalahan Che Jah dan suaminya.

Bab Dua Puluh Lapan

- Nenek pulang lewat dengan membawa khabar Che Jah belum diceraikan suaminya yang hampir sepuluh tahun sebagai kaki judi dan sering membelasah isterinya.

- Datuk kelihatan gembira apabila dikunjungi pesakit yang datang membawa pelanggan baru, pesakit gout.
- Datuk meminta Lili mengambil sebotol herba 'Mas Cotel' di dalam almari pakaian. Datuk juga menyatakan pantang larang yang perlu dipatuhi oleh pesakit gout itu.
- Datuk meminta Puan Hamimah atau panggilan mesranya, Kak Mimah agar menjaga kesihatan sebaik-baik yang mungkin.
- Kak Mimah memberitahu Lili bahawa dia bertugas sebagai penolong pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Warga Tua dan Keluarga.
- Lili terkenang akan nasib Che Jah yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.
- Kak Mimah menasihati Lili agar berhati-hati ketika memilih kawan kerana banyak remaja perempuan lari dari rumah kerana mengikut teman lelaki masing-masing.
- Kak Mimah bermalam di rumah datuk. Dia bangun lebih awal sebelum subuh, ikut sama berjemaah dalam keadaan duduk.
- Ketika Lili membawa Kak Mimah bersiar-siar di sekitar kawasan kampung, dia sempat memberitahu Kak Mimah tentang kes keganasan rumah tangga yang berlaku di kampungnya itu.

Bab Dua Puluh Sembilan

- Kak Mimah menyatakan kesanggupannya untuk membantu menangani kes keganasan rumah tangga yang melibatkan Che Jah dan Seman itu setelah diceritakan panjang lebar oleh Lili.
- Kak Mimah berjanji akan kembali ke kampung itu untuk meneliti dan menyiasat kes tersebut bersama-sama satu atau dua orang pegawai yang lain.
- Kak Mimah perlu membuat laporan terlebih dahulu dan meminta Lili menjadi saksi.
- Lili menegaskan bahawa semua penduduk kampung tahu bahawa Seman mendera dan menganiaya isterinya tetapi mereka tidak berani untuk bersuara kerana Seman seorang yang ganas dan panas baran.
- Bengkak di kaki Kak Mimah akibat penyakit gout berkurang dan menambahkan keyakinannya untuk terus membuat rawatan mengikut kaedah tradisional.
- Letchumi datang bersama dengan pekerja kedainya untuk menambah bekalan herbanya yang sudah habis ketika nenek sudah berada di rumah Che Jah.
- Letchumi dan Lili bersempang tentang tempoh percutian yang bakal berakhir.
- Ketika Letchumi pulang, Danel tiba-tiba muncul di rumah datuk. Lili melarang Danel naik ke rumah kerana semua orang tiada di rumah ketika itu. Lili meminta Danel menunggunya di pangkin.
- Danel memberi cadangan agar mereka berdua membuat pertemuan terbuka dengan penduduk kampung bagi menjelaskan kepentingan membina masjid berbanding memasang kubah di bumbung surau dengan cara memasang poster.

Bab Tiga Puluh

- Danel dan Lili membatalkan cadangan memasang poster kerana kurang efektif. Danel mencadangkan mereka membuat pengumuman di surau dan sewaktu majlis pernikahan anak Pak Busu.
- Lili mencadangkan agar Geetha dilibatkan sama dalam perkara tersebut memandangkan dia seorang yang bijak dan berani berhujah.
- Lili ke rumah Geetha dengan menaiki kereta Danel. Geetha bersedia untuk menghulurkan bantuan jika diperlukan.

- Lili menyatakan persetujuannya untuk menjadi saksi kes keganasan rumah tangga Che Jah.
- Geetha bersetuju untuk mengikut Lili dan akan bermalam di rumah datuk Lili.
- Sepanjang perjalanan dari pekan ke rumah datuk Lili, Danel hanya mendiamkan diri. Hanya Lili dan Geetha yang berbual berkaitan perihal Che Jah.
- Nenek membenarkan Lili dan Geetha menziarahi Che Jah.
- Danel kelihatan kagum dengan penampilan Geetha dan mereka mula berbual-bual sewaktu minum petang. Lili merasakan bahawa Danel dan Geetha sangat sepadan kerana kedua-duanya pandai berhujah.
- Rumah Che Jah kosong sewaktu mereka tiba di rumah itu. Mereka pulang ke rumah semula dengan keadaan hampa.

Bab Tiga Puluh Satu

- Geetha dan Danel menikmati makan malam di rumah nenek Lili.
- Geetha dan Danel berbual tentang madu lebah dan aktiviti mendaki gunung, termasuklah mendaki Gunung Kinabalu.
- Geetha menceritakan kegemarannya yang suka akan aktiviti lasak sejak di bangku persekolahan lagi.
- Datuk memanggil mereka bertiga untuk sama-sama menikmati kopi panas di pangkin.
- Datuk memberitahu Lili bahawa Kak Mimah telah menghubunginya. Datuk nekad hendak mengheret Seman ke penjara. Menurut datuk, Seman telah melakukan banyak kerosakan kepada hati orang lain, selain hati isteri dan hati anak-anaknya.
- Lili mengagak Geetha dan Danel mula jatuh cinta.
- Datuk memberitahu mereka bahawa AJK surau akan mengadakan mesyuarat keesokan harinya bagi membincangkan perihal Seman, suami Che Jah sama ada perlu ditangkap hidup-hidup atau dipukul sampai pengsan untuk memudahkan kerja polis.
- Geetha menegaskan bahawa negara mempunyai undang-undang yang bermakna setiap orang tidak boleh menghukum orang lain sesuka hati.
- Datuk berasa kesal kerana lambat bertindak untuk memperbetulkan segala masalah yang berlaku di kampung itu.

Bab Tiga Puluh Dua

- Geetha sudah satu jam terlena dan ketika Lili hendak melelapkan matanya dia mendengar suara kecoh di halaman rumah datuknya.
- Mereka datang melaporkan kubah telah dilarikan dan mereka mengesyaki anak-anak Che Jah yang melakukan perbuatan itu.
- Lili menyampuk dengan menafikan pembabitan anak-anak Che Jah dalam kes kehilangan kubah itu.
- Penduduk kampung tidak berpuas hati dengan kata-kata penafian Lili itu.
- Lili berasa risau akan keselamatan Haziq dan Rafiq. Akhirnya, Lili melihat datuknya mengheret masuk Haziq dan Rafiq di halaman rumah sambil dibantu oleh dua orang pemuda lain.
- Datuk meminta orang kampung yang masih marah, menuduh, dan memaki Haziq dan Rafiq agar pulang bersolat subuh dan datang ke balai raya jam sepuluh pagi untuk sesi perbincangan.
- Haziq dan Rafiq kelihatan lemah dan ada kesan dibelasah. Wajah Haziq lebam manakala hidung Rafiq berdarah. Mereka masuk ke dalam rumah dan merebahkan diri di lantai ruang tamu tanpa diminta.
- Nenek datang membawa mangkuk besar berisi bubur nasi ikan masin dan sedikit air campuran herba untuk memulihkan

- tenaga Haziq dan Rafiq tetapi gagal mengejutkan mereka yang tertidur keletihan itu.
- Danel datang secara tiba-tiba. Lili memberitahu Danel bahawa dia hanya ingin menolong Che Jah tetapi tidak berminat menyentuh isu kubah kerana kubah itu sudahpun dilarikan orang.
- Haziq mengerang kesakitan dan matanya terbuka separuh melihat sekeling. Akibat kebimbangan Haziq akan bertindak ganas, nenek berkawal di muka pintu dapur dengan batang penyapu dan Danel pula berdiri mencuba melindungi Lili menyebabkan Geetha berasa cemburu dan beredar dari ruang tamu itu.

Bab Tiga Puluh Tiga

- Kak Mimah dan Nadia, dua orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat datang ke rumah datuk sebelum mesyuarat tergempar jam sepuluh pagi di balai raya.
- Che Jah menemui Kak Mimah di rumah datuk. Dia menceritakan kejadian malangnya dengan panjang lebar kepada Kak Mimah dan Nadia.
- Che Jah sangat bersetuju jika suaminya dibawa ke muka pengadilan kerana kubah yang dilarikan semalam ialah perbuatan suaminya tetapi suaminya menghalakan perbuatan jahatnya kepada anak-anaknya yang sedang belajar untuk menjadi baik.
- Kak Mimah, Nadia, nenek, Lili, dan Che Jah berbincang tentang penempatan Haziq dan Rafiq selepas kejadian ini.
- Lili mencadangkan agar Haziq dan Rafiq dihantar ke pusat pemulihan akhlak dan cadangannya itu dipersetujui oleh Kak Mimah.
- Che Jah bersetuju untuk membuat laporan polis terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh suaminya itu.
- Che Jah ke balai polis dengan menaiki kereta Danel.
- Kak Mimah dan Nadia menyusul dengan keretanya di belakang kereta Danel.
- Dua buah kereta orang kampung juga bersedia membawa suami Che Jah yang telah ditangkap ke balai polis.
- Lili dan Geetha disuruh menjaga Rafiq dan Haziq di rumah ditemani Kak Bibah dan dua orang pak cik yang belum dikenali.
- Geetha memberitahu Lili bahawa Danel menyukainya tetapi Lili menolak usikan Geetha itu dengan menyatakan bahawa banyak lagi perkara baik yang menanti di hadapan mereka.
- Rafiq muncul di dapur dan tumbang secara tiba-tiba.
- Seorang pak cik memberikan cadangan kepada Lili agar menghubungi pihak ambulans.
- Sekumpulan pemuda mengarak masuk sepaduk ke halaman sambil berteriak dan marah-marah.

Bab Tiga Puluh Empat

- Menurut Rashid, Sugi tidak terlibat dengan kemasukan dua orang wakil pemaju perumahan yang datang memujuk orang kampung untuk menjual tanah mereka.
- Che Jah membuat laporan polis berhubung kes jenayah suaminya dan laporan akan disediakan untuk tindakan lanjut daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada minggu hadapan.
- Datuk dan Danel begitu sibuk, lebih-lebih lagi tentang perkara yang melibatkan abang kandung Danel, iaitu Sugi yang dituduh menghasut datuk memujuk penduduk kampung menjual tanah mereka kepada pemaju.
- Datuk juga dituduh melindungi Che Jah dan anak-anak Che Jah kerana tidak mengheret mereka ke muka pengadilan ketika mereka menculik Lili.
- Datuk tidak melatah dengan semua tuduhan itu.
- Nadia menghantar Che Jah pulang ke rumah setelah segala urusan selesai.

- Kumpulan penunjuk perasaan masih tercepat di halaman rumah datuk dan terus-menerus meluahkan kemarahan dan perasaan tidak puas hati mereka.
- Danel bersuara dengan mempertahankan pendiriannya bahawa abang kandungnya, Sugi tidak bersalah tentang pembelian tanah orang kampung.
- Menurut Danel lagi, Sugi telah berjaya mencari peluang-peluang untuk membantu anak-anak muda supaya melibatkan diri dengan pertanian moden dan rancangannya itu benar-benar berjaya.
- Neneh mengingatkan Lili dan Danel tentang waktu maghrib yang hampir tamat. Danel masih berada di laman rumah. Dia menjadikan dirinya sebagai tebusan bagi pihak Sugi sekiranya kumpulan penunjuk perasaan itu kembali membuat kekecohan.
- Haziq pulih daripada keletihan. Haziq minum sup herba yang diberikan oleh Lili.
- Kak Mimah pula berjanji akan membantu Rafiq dan Haziq hingga mereka pulih sepenuhnya.

Bab Tiga Puluh Lima

- Ibu Lili menghubunginya. Dia berasa pelik dengan perubahan sikap anaknya yang tidak merungut sepanjang tempoh percutiannya di kampung.
- Lili dan Danel berasa amat gembira kerana suara mereka didengari oleh orang dewasa di kampung itu. Mereka bersetuju untuk membina masjid.
- Tuk ketua kampung mengatakan persetujuan itu seharusnya sudah berlaku sejak dahulu.
- Datuk mengatakan bahawa mereka telah berjuang sekian lama dan apabila tiba masanya nanti, mereka akan bercerita kepada cucu-cucu kisah mereka membuka dan membangunkan kampung itu dengan nyawa mereka sendiri.
- Lili mengharapkan datuknya telah bersedia untuk bercerita tentang rumah-rumah yang jendelanya menghadap jalan.
- Lili berasa gelisah kerana hasratnya untuk melihat matahari terbit bersama-sama Geetha belum kesampaian kerana esok merupakan hari terakhiran di kampung.
- Geetha pula akan kembali ke kampusnya esoknya.
- Datuk menyuruh Danel agar pulang ke rumahnya kerana malam sudah larut.
- Datuk menasihati Lili agar pandai menjaga diri dan tidak terlalu rapat dengan Danel.
- Danel memohon diri untuk pulang.
- Datuk meminta Rashid menghantar Haziq pulang ke rumahnya dengan membongkeng motosikal Rashid.
- Sekwatu azan subuh berkumandang, Geetha dan Danel telah mengetuk dinding bilik Lili untuk mengejutkannya sekali gus mengajaknya melihat matahari terbit.

Bab Tiga Puluh Enam

- Lili, Geetha, dan Danel duduk di jeti nelayan memerhatikan keindahan matahari terbit. Mereka berkata sesuatu tentang falsafah.
- Lili mengimbas kembali pertemuan pertama mereka di dalam bas.
- Menurut Lili, Geetha dan Danel pulang ke pangkuhan ibu dan bapanya yang hidup dalam tradisi sedangkan mereka berfikiran moden.
- Setelah menunggu hampir setengah jam, akhirnya matahari terbit pada pagi itu.
- Mereka berbincang tentang cara-cara untuk berhubung selepas pertemuan itu.
- Mereka beredar apabila nelayan mula datang seorang demi seorang ke jeti itu.
- Ketika Lili tiba di rumah, dia melihat ibunya sedang

berbual mesra dengan datuk dan neneknya. Ibu Lili segera memeluk Lili.

- Ibu Lili hanya datang beseorangan kerana bapa Lili sibuk dengan kerjanya.
- Ibu Lili berasa hairan kerana percutian anaknya yang terakhir di alam persekolahan berakhir tanpa keluhan.
- Lili memberitahu ibunya bahawa dia berasa gembira menghabiskan cuti sekolah di kampung.
- Menurut Lili, kebahagiaan yang paling bermakna kepadanya adalah apabila melihat ibunya berbual mesra dengan datuknya.
- Datuk Lili yang bernama Haji Abdul Rahman telah mengisahkan perjalanan hidupnya dari Kalimantan yang berpindah-randah hingga akhirnya membuka petempatan di Kampung Sentosa.
- Menurut datuknya lagi, dia tabah menempuh berbagai-bagi rintangan dalam hidupnya. Akhirnya, dia bertemu dengan neneknya di sebuah tempat ajaib, 42 tahun dahulu.
- Datuk Lili berjanji kepada Lili untuk menceritakan sejarah jendela menghadap jalan dalam kunjungan cucunya yang akan datang.
- Neneh Lili bercerita bahawa dirinya bernama Hajah Aisyah Tan Abdullah. Dia berasal dari Tanah Besar China yang dibawa ke Tanah Melayu oleh mendiang bapanya bersama dengan adik-beradiknya yang lain.
- Ketika itu neneh berusia sebelas tahun. Ibu neneh tidak ikut sama ke Tanah Melayu dan bercerai dengan bapa neneh.
- Bapa neneh bekerja dengan kapal Inggeris yang mengambil teh di China.
- Neneh menyoroti kisah hidupnya hingga kisah pertemuan pertama kalinya dengan suaminya, Haji Abdul Rahman.
- Neneh mengisahkan keguguran kandungannya sebanyak tiga kali sebelum mengandungkan ibu Lili.
- Neneh akhirnya memberitahu sebab jendela dibina menghadap ke jalan adalah supaya mudah untuk mengintai pergerakan mereka dan sentiasa berjaga-jaga.
- Sekitar tahun 1943, seorang pedagang Cina datang untuk membawa neneh pulang ke China kerana ibu neneh sedang sakit tenat. Namun begitu, neneh membatalkan niat dan sehingga kini neneh tidak pernah menyimpan hasrat untuk pulang.
- Lili menerima sepuak surat yang ditulis dan dihantar oleh Danel yang mengisahkan pelbagai perkara.
- Lili mencatat segala peristiwa dan kejadian yang berlaku. Disember 2008 merupakan tarikh catatan itu ditulis semula oleh Lili setelah beberapa bulan Lili lupa mencatatnya.
- Dalam catatannya itu, Lili berasa lega dan gembira apabila semua ujian serta permasalahan sosial dan kemasyarakatan yang berlaku di Kampung Sentosa mampu ditangani dengan jayanya.
- Lili tidak sabar untuk kembali ke Kampung Sentosa bagi mendengar cerita datuknya berhubung dengan jendela menghadap jalan.

Tema

Tema novel ini ialah kecekalan seorang gadis semasa menempuh berbagai-bagi ujian dan rintangan.

Persoalan

- (a) Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandungnya.
- (b) Persoalan persaingan antara perubatan tradisional dengan rawatan moden.
- (c) Persoalan permasalahan permuafakatan untuk mencapai kata sepakat.

- (d) Persoalan suami/bapa yang kejam dan tidak bertanggungjawab.
- (e) Persoalan ketaatan seorang anak terhadap perintah ibu bapanya.
- (f) Persoalan amanah untuk menjalankan tanggungjawab.
- (g) Persoalan keganasan dalam rumah tangga.
- (h) Persoalan kepentingan ilmu dalam kehidupan.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Lili
- (b) Watak sampingan – Geetha, Datuk /Haji Abdul Rahman, Danel/Danel William, nenek/Hajah Aisyah Tan Abdullah, Che Jah, Rafiq, Rashid/Abang Rashid, Puan Hamimah/ Kak Mimah, ibu Lili, dan sebagainya.

Lili

- (a) Bapanya seorang guru manakala ibunya bertugas sebagai pekerja syarikat cari gali minyak.
- (b) Dia berusia 17 tahun.
- (c) Lili berambut panjang dan memiliki tubuh yang kecil.
- (d) Bersifat pendiam yang diwarisi daripada sifat ayahnya.
- (e) Lili merupakan murid Tingkatan Lima dan sedang menuntut di sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina.
- (f) Lili cekal menempuh semua dugaan dan masalah yang berlaku di Kampung Sentosa.
- (g) Lili amat menyayangi ibu dan bapanya. Lili sering kali mempertahankan maruah ibunya apabila datuknya memperkatakan sesuatu perkara yang kurang elok tentang ibunya itu.
- (h) Lili bertanggungjawab apabila menyatakan kesediaannya menjadi saksi kes keganasan rumah tangga Che Jah.

Datuk/Haji Abdul Rahman

- (a) Seorang pengamal perubatan tradisional yang disegani di Kampung Sentosa.
- (b) Beliau merupakan suami kepada Hajah Aisyah Tan Abdullah dan mempunyai cucu, Lili.
- (c) Beliau berusia lebih 70 tahun.
- (d) Beliau berasal dari Kalimantan sebelum berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat dan akhirnya menetap di Kampung Sentosa, Dungun, Terengganu.
- (e) Seorang yang alim dan kuat beribadat
- (f) Beliau berpengetahuan luas dalam bidang perubatan tradisional.
- (h) Datuk bersabar dengan tuduhan orang kampung yang mengaitkannya dengan wakil pemaju yang ingin membeli tanah orang kampung.
- (i) Beliau seorang yang penyayang apabila beliau merasai kehilangan ibu Lili yang banyak menghabiskan masa mudanya belajar di luar negara dan bekerja di ibu kota.

Geetha

- (a) Seorang gadis berbangsa India.
- (b) Berumur 19 tahun dan merupakan anak gadis Letchumi.
- (c) Bermata jernih, berbibir nipis dan merah serta memiliki tubuh yang kecil.
- (d) Pelajar tahun pertama dalam bidang kejuruteraan awam di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- (e) Bergiat aktif dan meminati aktiviti lasak sejak di bangku sekolah menengah seperti mendaki gunung, merunut hutan, dan eksplorasi gua.
- (f) Peramah dan mudah mesra.
- (g) Seorang yang menepati janji.

Danel/Danel William

- (a) Seorang pemuda berbangsa Cina.

- (b) Anak bongsu kepada William Ng.
- (c) Mempunyai seorang abang yang bernama Sugi.
- (d) Masih belajar di Kuala Lumpur.
- (e) Meminati bidang kulineri, iaitu masakan berdasarkan pisang.
- (f) Meminati bidang penulisan dan menghasilkan banyak artikel serta rencana.
- (g) Meminati aktiviti lasak seperti memanjat gunung.

Neneh/Hajah Aisyah Tan Abdullah

- (a) Isteri kepada Haji Abdul Rahman.
- (b) Berbangsa Cina kerana berasal Tanah Besar China.
- (c) Ibu kepada ibu Lili dan nenek kepada cucunya, Lili.
- (d) Mengikut bapanya berhijrah ke Tanah Melayu ketika usianya sebelas tahun.
- (e) Menghormati tetamu.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara kronologi.
- (b) Pada peringkat pengenalan atau eksposisi pembaca diperkenalkan dengan watak Lili yang mengalami konflik dalam apabila berpura-pura gembira kerana terpaksa mengorbankan cuti sekolah yang ingin dimanfaatkan bersama-sama teman-teman sekelasnya dengan pulang ke kampung ibunya di Dungun, Terengganu.
- (c) Peringkat perkembangan bermula apabila Lili berkenalan dengan seorang gadis India bernama Geetha ketika menaiki bas dari Kuala Lumpur ke Dungun. Geetha turun di Pekan Sentosa manakala Lili turun di Pekan Sejahtera. Setibanya di rumah nenek, Lili menemui neneknya yang sedang menyemai benih padi di petak semaihan. Nenek memberitahu Lili bahawa datuknya ke surau. Lili tekun menunggu datuknya bercerita tentang kepentingan susunan rumah dan jendela menghadap jalan. Datuk Lili juga bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Datuk Lili juga ghairah bercerita tentang khasiat dan kehebatan ubat-ubatan tradisional yang mampu merawat penyakit.
- (d) Pada peringkat perumitan, datuk menyoroti kisah silam tentang keciaianya mendidik ibu Lili dengan sempurna dan sejarah pendidikan ibunya yang lulus cemerlang dalam pelajaran. Datuk mengeluh kerana ibu Lili yang jarang-jarang balik ke kampung. Datuk juga berhadapan dengan kekecohan yang berlaku di surau kerana kehadiran pemaju perumahan dari pekan dan peristiwa seolah-olah Danel mempertikaikan kemampuan ubat-ubatan tradisional sehingga menyebabkannya berasa kecil hati. Dalam suatu peristiwa, Rafiq dan Haziq telah menjadikan Lili sebagai orang tahanan dan mengugut untuk mencederakan Lili sebelum Lili diselamatkan oleh Danel.
- (e) Pada peringkat puncak/klimaks, Che Jah menceritakan kejadian malangnya secara panjang lebar kepada Kak Mimah dan Nadia, dua orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dia bersetuju jika suaminya dibawa ke muka pengadilan kerana melarikan kubah. Lili mencadangkan agar Haziq dan Rafiq dihantar ke pusat pemuliharan akhlak dan cadangannya itu diperseputui oleh Kak Mimah.
- (f) Pada peringkat peleraian, Rashid memaklumkan bahawa Sugi tidak terlibat dengan wakil pemaju perumahan yang memujuk orang kampung untuk menjual tanah mereka. Che Jah telah berjaya membuat laporan polis berhubung dengan kes keganasan rumah tangga. Datuk pula bersikap rasional dan tidak melatah dengan semua tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Danel mempertahankan

bahawa abang kandungnya, Sugi tidak bersalah dalam pembelian tanah orang kampung. Lili dan Danel berasa amat gembira kerana suara mereka akhirnya didengar oleh orang dewasa di kampung itu. Mereka bersetuju untuk membina masjid. Lili berasa gembira apabila melihat ibunya sedang berbual mesra dengan datuk dan neneknya. Nenek Lili memberitahu sebab jendela dibina menghadap ke jalan. Lili menerima surat daripada Danel dan tidak sabar untuk kembali ke Kampung Sentosa.

Teknik Plot

- Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan perwatakan ibu Lili yang mempunyai rupa paras yang sangat menawan dan mempunyai sifat yang berbeza daripada suaminya, bapa Lili.
- Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Lili dengan ibunya tentang sebab wajah Lili yang muram.
- Teknik imbas kembali. Contohnya, ketika pertama kali Lili melihat wajah Geetha yang berbibir nipis dan merah, ingatan Lili terus beralih kepada bintang filem Hindustan.
- Teknik imbas muka. Contohnya, Lili berasa bimbang dan sangat bersimpati akan nasib kedua-dua anak Che Jah, Haziq dan Rafiq. Lili berasa takut dan membuat andaian jika orang kampung terlalu marah, dua beradik itu akan mati dipukul, atau dibunuh oleh ibu bapanya sendiri.
- Teknik kejutan. Contohnya, peristiwa pemuda Cina yang menyapa dan melemparkan senyuman kepada Lili di perhentian bas, Pekan Sentosa. Pembaca tidak menyangka rupa-rupanya pemuda itu ingin memulangkan buku Lili yang tercicir sewaktu dia turun tergesa-gesa dari bas.

Latar

Latar Masa

- Tempoh dua minggu pada Ogos 2008, Disember 2008.
- 42 tahun yang lalu.
- Musim cuti persekolahan.
- Musim tengkujuh/hujan.
- Waktu siang.
- Waktu awal pagi/subuh.
- Waktu pagi.
- Waktu tengah hari.
- Waktu petang.

Latar Masyarakat

- Masyarakat yang prihatin terhadap isu keganasan rumah tangga.
- Masyarakat yang berdedikasi ketika menjalankan tugas.
- Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang dalam kehidupan.
- Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesihatan keluarga.
- Masyarakat yang tekun dan rajin belajar sehingga berjaya dalam hidup.
- Masyarakat yang hormat-menghormati antara satu dengan yang lain tanpa mengira kaum dan agama.
- Masyarakat kampung yang menyara kehidupan dalam bidang pertanian dan kerja-kerja kampung.

Latar Tempat

- Kampung Sentosa.
- Pekan Sentosa.
- Rumah Datuk/Haji Abdul Rahman.
- Rumah Lili di Kuala Lumpur.
- Rumah Che Jah.
- Puncak Bukit.
- Jeti nelayan.

Gaya Bahasa

- Personifikasi. Contohnya, *Sehingga jam lonceng di tepi katil **menjerit** dengan kuatnya, ... tapi yang pasti aku dapat merasai, jauh di sudut hatiku **terpancar** nilai-nilai seni yang sengaja dirumitkan, dan tidak **tumpah** ke pipinya.*
- Simile. Contohnya, *kencang, seperti nafas orang diserang asma, aku gerun melihat tangannya yang kecut **macam** lobak, kedatangannya dengan mesra, tapi **bagaikan** kaset rosak, dan kampung ini **ibarat** seekor ular yang sangat berbisa macam ular tedung.*
- Metafora. Contohnya, *perut bas ekspres, garis kebimbangan, dan basikal tua.*
- Peribahasa. Contohnya, *minta diri, buah tangan, menjaga tepi kain orang, dan biar lambat asalkan selamat.*
- Inversi. Contohnya, Tidak berapa lama kemudian dia pun terlena (Sepatutnya: *Dia pun terlena tidak berapa lama kemudian.*), Itulah masalahnya, aku tidak faham (Sepatutnya: *Aku tidak faham, itulah masalahnya.*)

Nilai

- Kasih sayang. Contohnya, Lili amat mengasihi ibu dan bapanya apabila dia tidak membantah cadangan ibunya yang akan menghantarnya bercuti ke kampung datuknya.
- Tanggungjawab. Contohnya, Kak Mimah dan Nadia bertanggungjawab terhadap nasib malang Che Jah yang menjadi mangsa keganasan suaminya.
- Bijaksana. Contohnya, Danel bijak menggunakan waktu malam sebagai masa yang sesuai untuk menyelamatkan Lili yang dikuruk dan diikat oleh Rafiq dan Haziq.
- Belas kasihan. Contohnya, Lili berasa amat bersimpati terhadap nasib Che Jah yang mempunyai suami kaki judi dan bersikap panas baran.
- Kesabaran. Contohnya, datuk dan nenek Lili begitu sabar ketika menangani kerena dan provokasi sekumpulan penunjuk perasaan yang datang membuat bantahan di hadapan rumahnya.
- Keadilan. Contohnya, Seman yang sering memukul isterinya, Che Jah dan anak-anaknya berjaya ditangkap oleh penduduk kampung dan diserahkan kepada pihak polis untuk didakwa di mahkamah.
- Keberanian. Contohnya, Geetha dan Lili berani mendaki puncak bukit pada lewat petang semata-mata untuk melihat kejadian matahari terbenam tanpa ditemani oleh orang lelaki dewasa.

Pengajaran

- Kita hendaklah mengamalkan kasih sayang dalam kehidupan. Contohnya, Lili amat mengasihi ibu dan bapanya. Dia tidak membantah cadangan ibunya yang mau menghantarnya bercuti ke kampung kelahiran ibunya di Dungun, Terengganu walaupun hatinya begitu berat untuk berbuat demikian.
- Kita hendaklah bersikap jujur dan berterus terang. Contohnya, Che Jah bercerita secara jujur tentang sikap buruk suaminya kepada Kak Mimah dan Nadia yang berusaha untuk menyelesaikan isu kemelut rumah tangganya itu.
- Kita mestilah bersabar ketika menghadapi cabaran dalam kehidupan. Contohnya, nenek Lili begitu sabar menangani kerena dan provokasi sekumpulan penduduk yang datang membuat bantahan di hadapan rumahnya kerana perasaan tidak puas hati mereka tentang pelbagai perkara.
- Kita mestilah gigih dan tekun ketika mempelajari satu-satu bidang. Contohnya, Lili gigih mempelajari bahasa asing sehingga dia boleh bertutur dalam bahasa

- Mandarin dengan fasihnya dan juga tahu berkomunikasi dalam beberapa bahasa asing yang lain, iaitu bahasa Thai, bahasa Jepun, dan bahasa Latin.
- (e) Kita haruslah taat akan suruhan dan arahan ibu bapa. Contohnya, Lili taat dan akur akan suruhan ibunya yang akan menghantarnya bercuti ke kampung kelahiran ibunya di Dungun, Terengganu.
 - (f) Kita perlulah prihatin terhadap keperluan orang lain. Contohnya, Lili menawarkan khidmatnya untuk membantu Geetha setelah melihat keadaan Geetha yang kelam-kabut ketika mula-mula duduk bersebelahan tempat duduknya di dalam bas ekspres.
 - (g) Kita perlulah bijak menguasai keadaan cemas. Contohnya, Danel tidak bertindak balas terhadap aksi agresif Rafiq yang menahan Lili dengan sebilah pisau tajam diacukan ke leher Lili demi keselamatan nyawa sahabatnya itu.

4 PANTAI KASIH (Azmah Noordin)

Edisi: Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan

Sinopsis

Novel *Pantai Kasih* mengisahkan kemelut jiwa yang dihadapi oleh Raiha. Cerita bermula apabila Raiha berasa resah setelah meneliti sinar-X terbaharu milik Unong Siron. Doktor Uwang tidak berpuas hati dan merasakan seolah-olah Raiha mempertikaikan kewibawaannya sebagai seorang pakar bedah. Raiha mengeluh kerana Doktor Uwang telah lima kali menjalankan pembedahan sendi pinggul terhadap Unong Siron tetapi tidak berhasil dan mendatangkan kesakitan terhadap pesakit itu.

Felicia Landosi, ketua jururawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) teringat akan sumpah yang dibuatnya di hadapan Doktor Uwang dan ikrar yang pernah dilafazkan di hadapan Raiha. Doktor Uwang telah menawarkan gaji yang lumayan kepada Felicia Landosi sebagai umpan untuk menutup mulut Felicia tentang dosa dan kenangan pahit yang telah dilakukannya. Hati dan perasaan Felicia resah dan peristiwa hitam itu sering kali menghantui perasaannya sehingga dia merasakan tidak tenteram berada di PRPK. Felicia telah mengambil ubat batuk secara curi-curi di farmasi bagi mengurangkan gangguan halusinasi dan melupakan kenangan hitam yang dialaminya itu sehingga terlebih dos.

Felicia memarahi Ariana Abdullah yang leka bergayut di talian kerana beranggapan bahawa Ariana kurang bertanggungjawab ketika menjalankan tugasnya di kaunter PRPK. Felicia berasa lega kerana diberikan shift bertugas pada sebelah malam di PRPK kerana dia tidak perlu bersusah payah merawat dan membantu pesakit kerana tugasnya pada sebelah malam hanyalah memastikan semua pesakitnya tidur dengan selesa.

Doktor Uwang berjaya membangunkan PRPK daripada pusat rawatan kecil hingga menjadi sebuah pusat rawatan yang ternama dan mewah. Namun begitu, kewibawaannya sebagai peneraju PRPK masih belum mendapat pengiktirafan daripada bapanya sendiri, iaitu Datu Ontong. Doktor Uwang berasa terpukul apabila pembedahan yang dilakukannya terhadap Unong Siron dipertikaikan oleh Raiha.

Ketika bertugas di PRPK pada suatu malam, Raiha mendengar suara aneh yang menyebut perkataan "lari". Felicia menjalankan tugas rutinnya sebagai ketua jururawat di PRPK. Dia bertugas di wad super VIP. Felicia melayan-

pesakit yang bergelar Datin dengan penuh mesra dan bertanggungjawab. Ketika menikmati aiskrim, Felicia berasa loya setelah diberitahu oleh Kartini Borhan bahawa aiskrim itu milik Doktor Raiha. Felicia berasa rimas dan kurang senang apabila Kartini bercerita tentang pesakit Unong Siron, harapan ibu Unong Siron, dan kejayaan Doktor Raiha membuat pembedahan penggantian sendi pinggul. Felicia menuju ke farmasi untuk mengambil ubat batuk.

Raiha tiba di kondominium mewahnya setelah penat menjalankan operasi penggantian sendi pinggul Unong Siron pada petang tadi. Ketika berada di dalam lif, Raiha terkenang akan sejarah asal usulnya. Dia dibesarkan oleh neneknya yang berketurunan Idaan, yang mempunyai susur galur keturunan Nunuk Ragang yang berasal dari daerah Tampias, Hulu Labuk, Ranau.

Doktor Uwang teringat akan kisah dirinya yang mempunyai isteri yang jelita dan isteri-isteri tidak rasminya yang sentiasa hadir dalam hidupnya. Ketika Doktor Uwang sedang menonton televisyen di rumah bersama-sama dengan isteri jelitanya, dia seakan-akan melihat wajah anak Raiha di kaca televisyen. Tatkala Felicia memasuki ruang farmasi, dia merasakan bahawa dia tersilap langkah ke salah sebuah wad kelas biasa dan telah bersua muka dengan seorang pesakit lelaki yang telah mengadu tentang infeksi yang berlaku kepadanya.

Doktor Uwang mengunjungi kelab malam eksklusif bagi menenangkan fikirannya daripada suara dan gambaran kanak-kanak perempuan mirip wajah anak Raiha. Walaupun malam kian lewat, Uwang melihat jumlah pengunjung ke kelab malam itu semakin bertambah.

Felicia termangu dengan persoalan tentang khidmatnya di PRPK. Doktor Mohammad telah dipanggil bertugas *on call* pada malam itu kerana terdapat kes kelahiran pramatang seorang bayi yang menghadapi kesukaran bernafas. Felicia ke bilik air untuk menyekukkan kulit mukanya yang terasa hangat tetapi dia merasakan seolah-olah dia berada di bilik kuliah yang sedang menyaksikan demonstrasi tentang jenis posisi pesakit. Ariana menyangkakan Felicia menangis sambil duduk di lantai bilik air yang basah kerana jatuh tergelincir. Felicia kehairanan bagaimana dia boleh duduk di lantai bilik air yang basah itu.

Kenangan Doktor Uwang tentang kisah silam hilang tiba-tiba apabila isteri jelitanya muncul di ambang pintu. Isteri jelita Doktor Uwang memaklumkan panggilan telefon yang diterima daripada Raiha yang ingin berbincang dengannya tentang pesakit bernama Unong Siron.

Raiha berada di dalam kondominiumnya. Raiha menerima panggilan telefon daripada Felicia yang memintanya datang segera ke PRPK berhubung dengan masalah pesakit bernama Unong Siron. Felicia merasakan dirinya terperangkap di dalam farmasi PRPK. Dia mengambil ubat batuk di ruang farmasi itu hingga menyebabkan dirinya khayal. Felicia menyangkakan Raiha yang datang mencarinya. Namun begitu, yang tersebul di celah pintu ruang farmasi itu ialah Doktor Mohammad. Felicia memohon bantuan Doktor Mohammad untuk memulihkan kembali segala masalah yang dihadapinya itu.

Raiha memandu keretanya dari kondominiumnya ke PRPK. Setibanya di garaj PRPK, Raiha terbayang berbagai peristiwa yang berlaku sepanjang hari itu. Doktor Alex Ng kehairanan apabila melihat Raiha tiba-tiba muncul di PRPK pada malam itu. Doktor Raiha mengatakan bahawa dia menerima panggilan tentang pesakit bernama Unong Siron. Doktor Alex Ng menegaskan bahawa Raiha mungkin menerima panggilan palsu.

Raiha melawat wad hunian Unong Siron. Setibanya di luar pintu wad hunian Unong Siron, secara tiba-tiba gambaran Doktor Sadiz datang menjelma. Bagi Raiha, hidup dan ruang kerjayanya kini hanya di ruang sempit antara kondominium mewahnya dengan PRPK. Ibu Unong Siron begitu cemas dan menanyakan Raiha berkaitan dengan perkembangan pembedahan penggantian sendi pinggul anaknya petang tadi. Raiha meletakkan harapan yang tinggi dan berdoa agar pembedahan kali keenam itu berjaya. Raiha menyoroti tubuh Unong Siron yang terlantar lesu di atas katil pesakit itu. Raiha berbincang dengan Emma Yong, jururawat bertugas di wad hunian itu agar pembedahan yang dilakukan itu merupakan pembedahan yang terakhir untuk Unong Siron. Raiha masih tertanya-tanya sebab kelima-lima pembedahan terdahulu menemukan kegagalan sementelah pula dilakukan sendiri oleh Doktor Uwang.

Kenangan lalu Raiha lenyap dengan kehadiran secara tiba-tiba Ariana yang meminta pertolongan Raiha. Menurut Ariana, Felicia telah ditanah oleh orang asing, penceroboh yang menyamar sebagai doktor sebelum ini di bilik bedah. Setibanya mereka di luar bilik bedah, mereka melihat pemuda yang berlagak sebagai doktor itu memegang pisau bedah yang meruncing tajam dan dihunuskan di atas dada Felicia. Ibu Unong Siron telah menawarkan bantuannya untuk memujuk pemuda kurang siuan itu kerana pemuda itu tinggal bersebelahan dengan kampungnya.

Ibu Unong Siron telah memujuk pemuda kurang siuan itu supaya melepaskan Felicia dan mengikutnya untuk merawat Unong Siron yang sedang sakit. Selepas itu, pemuda kurang siuan itu dihantar ke hospital sakit jiwa untuk menerima rawatan lanjut. Raiha mendapatkan Felicia yang masih separuh khayal itu. Namun begitu, Felicia bertindak agresif dengan mlarang Raiha menyentuhnya sambil tersedu-sedan menangis kepiluan.

Sewaktu kereta mewah yang dipandu Doktor Uwang melewati pintu PRPK, Doktor Uwang tersentak nafas sekali lagi menyebabkan dia gagal mengawal kereta lalu melanggar tembok garaj. Doktor Uwang mengalami kecederaan parah dan terpaksa menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak.

Ketika Raiha melangkah ke garaj kereta PRPK menjelang dinihari, Felicia telah memanggil namanya. Dengan menangis tersedu-sedan, Felicia telah meminta maaf daripada Raiha kerana kesilapannya terjebak dalam kes kematian anak Raiha, Rohayu. Felicia menceritakan keadaan sebenar yang berlaku kepada Raiha. Felicia memohon maaf sekali lagi daripada Raiha dan mengatakan dia takut untuk tampil sebagai saksi di mahkamah. Raiha sedar bahawa dia dan Felicia merupakan dua orang insan yang sama-sama menjadi mangsa keadaan dan mangsa kerakusan diri sendiri. Raiha memaafkan kesalahan Felicia. Dia reda dan pasrah dengan kematian anak tunggalnya itu.

Inti Pati Bab

Bab 1

- Doktor Raiha berasa resah setelah meneliti sinar-X terbaru milik Unong Siron.
- Pertanyaan Raiha kepada Doktor Uwang berkaitan dengan pembedahan penggantian sendi pinggul Unong Siron yang telah dijalankan sebanyak lima kali sebelum ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati Doktor Uwang kepadanya.
- Doktor Uwang merasakan seolah-olah Raiha mempertikaikan kewibawaannya sebagai pakar bedah.
- Unong Siron merupakan pesakit Doktor Uwang. Raiha tidak percaya bahawa Unong Siron terpaksa menjalani

pembedahan penggantian sendi pinggul sebanyak lima kali di bawah pengawasan Doktor Uwang.

- Raiha mengingati kembali saat Doktor Uwang menjadi tenaga pengajarannya dalam bidang anatomi ketika dia menuntut sebagai siswi tahun pertama di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan.
- Raiha bertemu sekali lagi dengan Doktor Uwang ketika dia memulakan *clinical year* di salah sebuah hospital kerajaan.
- Dalam diam-diam, Raiha mengagumi kepakaran Doktor Uwang dalam bidang perubatan pembedahan dan jatuh cinta kepada Doktor Uwang walaupun dia tahu Doktor Uwang telah pun berumah tangga.
- Doktor Uwang menamatkan perkhidmatan di hospital kerajaan dan membuka Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Raiha menolak pelawatan Doktor Uwang untuk sama-sama membangunkan PRPK.
- Raiha menerima lamaran Doktor Sadiz, seorang Pakar Perunding Pembedahan yang merupakan seorang duda beranak dua yang usianya lebih tua daripada usia bapa Raiha. Bapa Raiha tidak merestui hubungan Raiha dengan Doktor Sadiz.
- Raiha menerima tawaran bertugas sebagai Doktor Pakar Pembedahan di PRPK setelah berlakunya suatu peristiwa peribadi yang amat hitam antara dia dengan Doktor Sadiz.
- Raiha teringat akan arwah ibunya yang hanya dikenali berdasarkan gambar kerana ibunya meninggal dunia sejurus melahirkannya.
- Bapa Raiha tidak menyetuju niat dan pilihan Raiha memilih kerja sebagai pakar bedah kerana masa banyak dihabiskan di hospital berbanding dengan rumah tangga. Bapa Raiha meluahkan perasaan kesalnya terhadap arwah ibu Raiha yang dikatakan degil kerana mahu terus berkhidmat sebagai jururawat sehingga masa untuk keluarga amat terbatas.
- Raiha teringat akan peristiwa malang yang mengakibatkan kematian anak kesayangannya itu.
- Raiha mengeluh kerana Doktor Uwang telah lima kali menjalankan pembedahan sendi pinggul terhadap Unong Siron tetapi tidak berhasil dan mendatangkan kesakitan kepada pesakit. Unong Siron merupakan pesakit lepasan sarjana yang dijangkakan melanjutkan pengajian ke luar negara.
- Felicia Landosi, jururawat di PRPK teringat akan ikrar yang pernah dilafazkannya di hadapan Raiha dan sumpah yang dibuatnya di hadapan Doktor Uwang.
- Doktor Uwang telah menawarkan gaji yang lumayan kepada Felicia Landosi sebagai umpan untuknya menutup mulut terhadap dosa dan kenangan pahit yang telah dilakukannya.
- Felicia teringat akan kisah sewaktu Doktor Razak sekwatu mula-mula berkhidmat di PRPK itu telah cuba menawan hatinya tetapi dia menolak atas dasar prinsip. Akhirnya, Doktor Razak telah menjalin hubungan cinta dengan jururawat yang lain.
- Felicia teringat akan peristiwa pahit berkaitan dengan kematian ngeri seorang kanak-kanak perempuan yang hangus dijilat api dan hasrat Doktor Raiha untuk menyelamatkan kanak-kanak perempuan itu telah dihalang oleh orang ramai.
- Hati dan perasaan Felicia resah dan peristiwa hitam itu sering kali menghantui perasaannya sehingga dia merasakan tidak tenteram berada di PRPK.
- Felicia telah mengambil ubat batuk secara curi-curi di farmasi bagi mengurangkan gangguan halusinasi dan melupakan kenangan hitam yang dialaminya itu sehingga terlebih dos.
- Felicia memarahi Ariana Abdullah yang leka bergayut di talian kerana beranggapan bahawa Ariana kurang bertanggungjawab ketika menjalankan tugasnya di kaunter PRPK.

- Felicia berasa lega kerana diberikan shift bertugas pada sebelah malam di PRPK kerana dia tidak perlu bersusah payah merawat dan membantu pesakit kerana tugasnya pada sebelah malam adalah memastikan semua pesakitnya tidur dengan selesa.
- Felicia teringat akan peristiwa dia bertegang urat dengan Doktor Raiha akibat perasaan tidak puas hati Doktor Raiha berkenaan layanannya terhadap ibu Unong Siron.
- Felicia teringat akan peristiwa PRPK diceroboh oleh pemuda yang menyamar sebagai doktor.
- Felicia bermonolog tentang sebab-sebab minatnya tertumpah dalam bidang kejururawatan itu.

Bab 2

- Doktor Uwang memerhatikan seorang kanak-kanak perempuan yang berkeliaran bebas dan menjelma di bawah cahaya lampu jalan di halaman banglonya.
- Doktor Uwang teringat akan anak remaja tunggalnya yang kekok dan terasing apabila berada di rumah disebabkan anak tunggalnya itu telah dihantar ke sekolah swasta berasrama penuh sejak usianya tujuh tahun lagi.
- Doktor Uwang berasa cemas apabila terpandang keliatan seorang kanak-kanak perempuan yang masih berada di halaman banglonya.
- Doktor Uwang berjaya membangunkan PRPK daripada pusat rawatan kecil hingga menjadi sebuah pusat rawatan yang ternama dan mewah, namun kewibaanannya meneraju PRPK masih belum mendapat pengiktirafan daripada bapanya sendiri, iaitu Datu Ontong.
- Doktor Uwang berasa terpukul apabila pembedahan yang dilakukan terhadap Unong Siron dipertikaikan oleh Raiha.
- Doktor Uwang melihat seolah-olah seorang kanak-kanak perempuan sedang memeluk isterinya, menyeringai aneh dan menjuihkan bibir kepadanya.
- Ketika bertugas di PRPK pada suatu malam, Raiha mendengar suara aneh yang menyebut perkataan "lari".
- Raiha teringat kembali peristiwa yang berlaku di bilik pembedahan sewaktu operasi pembedahan sendi pinggul sedang dijalankan terhadap Unong Siron.
- Raiha cepat melenting terhadap sikap sambalewa Felicia ketika operasi pembedahan itu sedang berjalan.
- Raiha teringat kembali peristiwa kacau-bilau berkaitan dengan pencerobohan seorang pemuda yang menyamar diri sebagai doktor di PRPK itu.
- Raiha juga teringat kembali akan perubahan fizikal Felicia apabila wajahnya pucat dan matanya yang sedikit kemerahan sejak akhir-akhir ini.
- Raiha kesal kerana pemuda yang menceroboh PRPK dan menyamar sebagai doktor itu berjaya menghilangkan diri tanpa berjaya ditangkap oleh pengawal.
- Raiha menganggap Doktor Uwang, Doktor Sadiz, dan pemuda yang menyamar sebagai doktor itu mempunyai sikap yang sama.
- Raiha mengimbas kembali kenangan hitam yang meragut nyawa anak kesayangannya yang terkorban akibat kebakaran kereta mewah Doktor Sadiz.

Bab 3

- Felicia menjalankan tugas rutinnya sebagai ketua jururawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Dia bertugas di wad super VIP.
- Felicia melayan pesakit yang bergelar Datin dengan penuh mesra dan bertanggungjawab.
- Felicia mengingat semula rentetan rawatan yang dilalui oleh pesakit wanita itu yang mengalami masalah keguguran anak sulung sehingga terpaksa menjalani rawatan D&C.

- Felicia menikmati aiskrim milik Doktor Raiha yang tersimpan di dalam peti ais di dapur PRPK setelah selesai merawat dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada Datin di wad super VIP.
- Felicia berasa loya setelah diberitahu oleh Kartini Borhan bahawa aiskrim yang dinikmatinya itu milik Doktor Raiha.
- Kartini mengagak Felicia termenung kerana mengenangkan kejadian pemuda yang menceroboh masuk PRPK sebelum ini.
- Felicia berasa rimas dan kurang senang apabila Kartini bercerita tentang pesakit Unong Siron, harapan ibu Unong Siron, dan kejayaan Doktor Raiha membuat pembedahan penggantian sendi pinggul.
- Felicia menuju ke farmasi untuk mengambil ubat batuk.

Bab 4

- Raiha tiba di kondominium mewahnya setelah penat menjalankan operasi penggantian sendi pinggul Unong Siron pada petang tadi.
- Raiha mengeluh resah mengenangkan nasib Unong Siron, pesakit yang baru selesai menjalani operasi penggantian sendi pinggul pada petang tadi.
- Raiha mengingat semula waktu dia meneliti salinan sinar-X untuk mengkaji sebab-sebab Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan sebanyak enam kali dan kesilapan yang dilakukan oleh Doktor Uwang hingga menyebabkan berlakunya infleksi kepada pesakit.
- Tiba-tiba, Raiha teringat kembali kisah pahit hidupnya bersama-sama dengan bekas suaminya, Doktor Sadiz. Doktor Sadiz pernah mencabarnya agar dia memohon cerai secara rasmi ketika perbalahan mereka memuncak.
- Ketika berada di dalam lif, Raiha terkenang akan sejarah asal-usulnya. Dia dibesarkan oleh neneknya yang berketurunan Idaan, yang mempunyai susur galur keturunan Nunuk Ragang yang berasal dari daerah Tampias, Hulu Labuk, Ranau.
- Ketika lif berhenti dan pintu lif terbuka, Raiha dikejutkan dengan kehadiran Doktor Sadiz yang melangkah masuk ke dalam lif tersebut. Raiha terkejut kerana suaminya, Doktor Sadiz yang telah meninggal dunia tiba-tiba muncul di muka lif tersebut.
- Berlaku pertengkaran mulut antara Raiha dengan Doktor Sadiz apabila bekas suaminya itu menuduh Raiha mempunyai hubungan sulit dengan Doktor Uwang.
- Doktor Sadiz bertindak ganas dengan cuba mencederakan Raiha sambil memaksa Raiha menggugurkan janin yang dikandungnya kerana dia tidak sesekali menerima kelahiran bayi itu dan baginya, janin itu akan membentuk seorang manusia yang tidak normal berdasarkan gambaran *ultrasound* yang telah dilakukan.
- Raiha tetap dengan pendiriannya untuk mengekalkan janin dalam kandungannya kerana janin itu ialah anak daripada hubungan perkahwinan yang halal dan janin itu tidak berdosa apa-apa.
- Raiha teringat akan janin yang membesar dalam kandungannya itu telah berjaya dilahirkan sebagai bayi perempuan yang dinamakan Rohayu binti Sadiz.
- Doktor Uwang teringat kisah dirinya yang mempunyai isteri yang jelita dan isteri-isteri tidak rasminya yang sentiasa hadir dalam hidupnya.
- Doktor Uwang teringat kembali sikap Raiha yang mempersoalkan perkembangan Unong Siron.
- Doktor Uwang teringat kembali betapa dia berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembangkan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) yang bermula dengan sebesar kandang penyembelihan kambing.
- Kecekapan pengurusan dan pentadbiran yang dijalankan

oleh Doktor Uwang telah membuaikan kejayaan dan perkembangan positif pusat rawatan itu.

- Ketika Doktor Uwang sedang menonton televisyen di rumah bersama-sama dengan isteri jelitanya, dia seakan-akan melihat wajah anak Raiha di kaca televisyen itu.
- Tatkala Felicia memasuki ruang farmasi, dia merasakan bahawa dia telah tersilap langkah ke salah sebuah wad kelas biasa dan telah bersua muka dengan seorang pesakit lelaki yang telah mengadu tentang infeksi yang berlaku terhadap dirinya.
- Pesakit lelaki itu mengamuk dan meminta Felicia mendapatkan Doktor Raiha dengan segera.
- Felicia memujuk dengan lembut pesakit lelaki itu dengan mengatakan bahawa Doktor Raiha sudah pun pulang ke rumahnya kerana hari telah lewat malam. Pesakit lelaki itu tetap berkeras meminta Felicia mendapatkan Doktor Raiha untuknya.
- Felicia naik angin dan mengamuk apabila layanan lembutnya itu tidak dilayan oleh pesakit lelaki itu. Pesakit lelaki itu kemudiannya mengamuk hingga menyebabkan Felicia jatuh terjelepok di lantai.
- Apabila Felicia mengangkat mukanya kembali, rupa-rupanya peristiwa yang berlaku tadi hanyalah khayalan semata-mata dan dia sebenarnya berada di stor PRPK.

Bab 5

- Uwang mengunjungi kelab malam eksklusif bagi menenangkan fikirannya daripada terdengar suara dan gambaran kanak-kanak perempuan mirip wajah anak Raiha.
- Terngiang-ngiang kembali di ingatannya tentang cerita isteri jelitanya berkaitan dengan apa-apa yang palsu, murah, dan tidak bermutu yang dirungutkan oleh bapanya, Datu Ontong.
- Tiba-tiba Uwang teringat akan Raiha yang telah menjalankan operasi pembedahan penggantian sendi pinggul Unong Siron yang keenam pada petang tadi.
- Walaupun malam kian lewat, Uwang melihat jumlah pengunjung ke kelab malam itu semakin bertambah.
- Uwang terkenang akan kenangannya bersama-sama dengan isteri-isteri tidak rasminya yang sudah lama tidak dikunjunginya.
- Uwang terbayang akan wajah Unong Siron, wajah Raiha, dan teringat akan kata-kata isteri jelitanya berkaitan dengan gambaran palsu yang wujud kini.
- Felicia termangu dengan persoalan tentang khidmatnya di pusat rawatan itu.
- Doktor Mohammad telah dipanggil bertugas *on call* pada malam itu disebabkan terdapat kes kelahiran pramatang dan bayi itu menghadapi masalah kesukaran bernafas.
- Kedengaran beberapa orang lelaki dan wanita, kaum kerabat kepada pesakit seakan-akan mendengar rugutan Doktor Mohammad berkaitan dengan panggilan palsu.
- Doktor Mohammad mengusik Felicia di hadapan Ariana.
- Doktor Mohammad mengambil keputusan untuk tidur dan berehat di bilik rehat PRPK kerana dia malas untuk pulang ke rumahnya.
- Felicia teringat akan peristiwa seorang pemuda yang menceroboh dan menyamar sebagai doktor di PRPK tempoh hari.
- Felicia juga teringat kembali kejadian kereta Porsche milik Doktor Sadiz yang terbakar hingga hangus rentung di tepi sebuah rumah tumpangan sehingga turut mengorbankan seorang kanak-kanak perempuan, anak Doktor Raiha.
- Felicia ke bilik air untuk menyejukkan kulit mukanya yang terasa hangat tetapi dia merasakan seolah-olah dia berada di bilik kuliah yang sedang menyaksikan demonstrasi tentang pelbagai jenis posisi pesakit.

- Felicia mendapati wajah penceramahnya menyerupai Doktor Uwang manakala salah seorang jururawat pelatih menyerupai wajah Unong Siron.
- Ariana menyangkakan Felicia menangis sambil duduk di lantai bilik air yang basah kerana jatuh akibat tergelincir.
- Felicia kehairanan bagaimana dia boleh duduk di lantai bilik air yang basah itu.

Bab 6

- Uwang teringat akan kereta Porsche Doktor Sadiz yang terbakar hingga rentung itu.
- Uwang teringat kembali tentang Raiha yang mendakkan kereta mewah milik suaminya itu terbakar sendiri sambil meratap kesedihan di luar bangunan sebuah mahkamah syariah.
- Dengan tegas, Raiha menuduh Doktor Sadiz yang telah membakar keretanya sendiri.
- Uwang terbayangkan kisah dia memandu kereta Volvo 960 warna biru tua miliknya ke pekarangan banglo kondominium Doktor Sadiz.
- Ketika itu, Raiha masih bertugas di Hospital Kinabalu bersama Doktor Sadiz.
- Uwang pula ketika itu baru sahaja mengambil alih PRPK daripada bapanya.
- Datu Ontong meminta Uwang menghantar Pak Usunya, iaitu Doktor Sadiz pulang ke rumah kerana Pak Usunya tidak membawa kereta. Begitu jugalah dengan Felicia yang kebetulan tinggal berhampiran dengan kediaman Doktor Sadiz.
- Setibanya di kondominiumnya, Doktor Sadiz mendapati Raiha telah melarikan diri bersama-sama dengan anaknya, Ayu dan kereta Porsche milik Doktor Sadiz.
- Secara jujur, Uwang menyatakan keikhlasannya untuk membantu Pak Usunya mencari Raiha dan anaknya, Ayu.
- Felicia berasa tidak selesa melihat keadaan tersebut dan memohon untuk pulang sendiri.
- Uwang tidak mengizinkan Felicia keluar dari keretanya kerana dia telah berjanji untuk menghantar Felicia pulang dalam keadaan selamat.
- Uwang memuji Felicia kerana paling berdedikasi ketika menjalankan tugas di PRPK.
- Dia bercadang untuk menaikkan pangkat Felicia dan memberikannya gaji yang setimpal dengan pangkat yang diperolehnya nanti.
- Kenangan Uwang tentang kisah itu hilang tiba-tiba apabila isteri jelitanya muncul di ambang pintu.
- Isteri jelita Uwang memaklumkan panggilan telefon yang diterimanya daripada Raiha yang ingin berbincang dengan Uwang tentang pesakit bernama Unong Siron.
- Uwang dapat melihat secara tiba-tiba seorang kanak-kanak perempuan telah muncul berhampiran dengan kereta mewahnya dan menjerit-jerit apabila tubuh comelnya itu dijilat api.
- Raiha berada di dalam kondominiumnya. Dia mengingati kata-kata suaminya yang tidak akan melepaskannya sampai dia mati.
- Raiha teringat akan kisah rumah tangganya bersama-sama dengan Doktor Sadiz.
- Raiha juga terimbas kembali perbualannya dengan Doktor Uwang berkaitan dengan operasi pembedahan penggantian sendi pinggul yang telah dijalankan terhadap Unong Siron petang tadi.
- Raiha teringat akan layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari.
- Raiha juga teringat tentang beberapa aduan dan rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang.

- Raiha terbayang kembali peristiwa Felicia datang ke pejabatnya di PRPK bagi membincangkan tindakan Felicia yang melayan ibu Unong Siron dengan kasar.
- Ibu Unong Siron menyalahkan Felicia kerana memberikan idea untuk mendapatkan rawatan di PRPK menggunakan wang insurans kemalangan.
- Ibu Unong Siron menganggap Felicia bersubhat menipunya apabila Unong Siron mengalami infeksi selepas berlaku rejeki secara berulang kali akibat pembedahan.
- Raiha menasihati Felicia agar tidak memanggil ibu Unong Siron dengan gelaran "sapi tua" dan melayan ibu Unong Siron dengan kasar kerana perbuatan itu menyalah etika seorang jururawat.
- Felicia berasa tidak puas hati kerana menerima nasihat sebegini daripada Raiha. Dia keluar dari bilik pejabat Raiha dengan dituruti dentuman pintu yang kuat.
- Raiha menerima panggilan telefon daripada Felicia yang memintanya segera datang ke PRPK berhubung dengan masalah pesakit Unong Siron.
- Raiha teringat akan kata-kata arwah bapanya yang membantah keputusannya untuk memilih pakar bedah sebagai kerjaya.

Bab 7

- Felicia merasakan dirinya terperangkap di dalam farmasi PRPK.
- Dia teringat kembali kata-kata dan ceramah yang disampaikan oleh Raiha hingga menyebabkan dia berasa tidak puas hati.
- Felicia meneguk ubat batuk di ruang farmasi itu hingga menyebabkan dirinya khayal.
- Tiba-tiba Felicia teringat pada ikrar dan sumpah yang dilafazkannya di hadapan Doktor Uwang berhubung dengan rahsia yang perlu disimpan baik-baik oleh mereka.
- Dia meneguk kembali ubat batuk bagi mengurangkan kekusutan fikirannya.
- Dia terkenang kembali sejarah hidupnya yang bermula pada zaman kanak-kanak.
- Dia hampir tergelak apabila mengenangkan perbuatan ibunya yang melahirkan seorang anak luar nikah, iaitu dirinya.
- Felicia turut mengimbas kembali cara ibunya membesarinya dengan kaedah disiplin yang amat ketat.
- Kerusuhan yang sering berlaku antara dia dengan ibunya menyebabkan Felicia mengambil ubat batuk sebagai jalan pintas bagi melupakan masalahnya itu.
- Felicia juga teringat semula peristiwa kebakaran kereta Porsche Doktor Sadiz.
- Lamunannya mati apabila pintu farmasi diketuk. Felicia menyangkakan Raiha yang datang mencarinya. Namun begitu, yang tersembul di celah pintu ruang farmasi itu ialah Doktor Mohammad.
- Felicia memohon bantuan Doktor Mohammad untuk memulihkan kembali segala masalah yang dihadapinya itu.
- Raiha merandau keretanya ke PRPK. Setibanya di garaj PRPK, Raiha terbayang berbagai-bagai peristiwa yang berlaku sepanjang hari itu.
- Doktor Alex Ng kehairanan apabila melihat Raiha tiba-tiba muncul di PRPK malam itu.
- Raiha mengatakan bahawa dia menerima panggilan tentang pesakit Unong Siron.
- Doktor Alex Ng menegaskan Raiha mungkin menerima panggilan palsu.
- Raiha melawat wad hunian Unong Siron. Setibanya di luar pintu wad hunian Unong Siron, secara tiba-tiba gambaran Doktor Sadiz datang menjelma.

Bab 8

- Raiha terbayang akan surat, kad jemputan, dan panggilan telefon yang kini semakin berkurang dan akhirnya langsung terhenti.
- Bagi Raiha, hidup dan ruang kerjayanya kini hanya di ruang sempit antara kondominium mewahnya dengan Pusat Rawatan Pantai Kasih.
- Ibu Unong Siron begitu cemas dan menanyakan Raiha tentang perkembangan pembedahan penggantian sendi pinggul anaknya petang tadi.
- Raiha meletakkan harapan yang tinggi dan berdoa agar pembedahan kali keenam itu berjaya.
- Raiha menyoroti tubuh Unong Siron yang terlantar lesu di atas katil pesakit itu.
- Raiha terbayang akan peristiwa orang ramai menziarahi jenazah anaknya sebelum jenazah itu disemadikan.
- Raiha juga teringat akan peristiwa persediaan yang dilakukan oleh sekumpulan orang bagi majlis pengebumian jenazah anaknya.
- Raiha juga teringat akan reaksinya sewaktu memberikan kucupan terakhir di dahi anak tunggal kesayangannya itu.
- Raiha berbincang dengan Emma Yong, jururawat bertugas di wad hunian agar pembedahan yang dilakukan itu merupakan pembedahan yang terakhir untuk Unong Siron.
- Raiha masih tertanya-tanya sebab kelima-lima pembedahan terdahulu menemukan kegagalan sementelah pula dilakukan sendiri oleh Doktor Uwang.
- Raiha teringat semula perbualannya bersama-sama dengan suaminya, Doktor Sadiz berhubung tuduhan suaminya yang mengatakan bahawa Raiha telah memalukannya apabila gagal merawat anaknya sendiri yang mengalami masalah kecacatan otak.
- Doktor Sadiz mencadangkan agar Rohayu dihantar ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak yang menghidap sindrom Down.
- Kenangan lalu Raiha lenyap dengan kehadiran Ariana secara tiba-tiba yang meminta pertolongan Raiha.
- Menurut Ariana, Felicia telah ditahan oleh orang asing, penceroboh yang menyamar sebagai doktor sebelum ini di bilik bedah.
- Setibanya mereka di luar bilik bedah, mereka melihat pemuda yang berlagak sebagai doktor itu memegang pisau bedah yang meruncing tajam dan dihunuskan di atas dada Felicia.
- Salah seorang pengawal keselamatan mencadangkan agar mereka merempuh pintu bilik bedah bagi menyelamatkan Felicia.
- Raiha tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana tindakan itu boleh membahayakan nyawa Felicia.
- Raiha meminta Ariana menghubungi pihak polis.
- Ibu Unong Siron telah menawarkan bantuannya untuk memujuk pemuda kurang siuman itu kerana pemuda itu tinggal bersebelahan dengan kampungnya.
- Ibu Unong Siron telah memujuk pemuda kurang siuman itu supaya melepaskan Felicia dan mengikutnya pulang bagi merawat anaknya, Unong Siron yang sedang sakit.
- Akhirnya, pemuda kurang siuman itu berjaya dipujuk dan diberikan segelas susu yang sudah dicampur dengan sedikit ubat penenang.
- Selepas itu, pemuda kurang siuman itu dihantar ke hospital sakit jiwa untuk menerima rawatan lanjut.
- Raiha mendapatkan Felicia yang masih separuh khayal itu. Namun demikian, Felicia bertindak agresif dengan melarang Raiha menyentuhnya sambil tersedu-sedan menangis kepiluan.

Bab 9

- Uwang memandu kereta mewahnya memasuki PRPK yang terletak di lereng bukit.
- Uwang secara tiba-tiba tersentak nafas dan mengerut kebingungan apabila dia terhidu bau iodin, bau formalin, dan bau bangkai atau mayat di dalam keretanya itu yang semakin lama semakin menyesakkan rongga pernafasannya.
- Uwang mengeluh singkat mengenangkan masalah penting yang berlaku di pusat rawatan pada malam itu sehingga Doktor Mohammad dan Doktor Alex Ng yang bertugas secara *on call* tidak berupaya mengendalikan kes tersebut.
- Ketika memandu keretanya, permanduannya diasak oleh seorang demi seorang yang berterbangan liar di hadapan keretanya hingga gambaran wajah mereka berkecaci dirempuh oleh kereta mewahnya itu.
- Uwang terkenang kembali peristiwa hitam yang berlaku selepas mereka menghadiri majlis bersempena dengan menyambut ketibaan tahun baharu, beberapa tahun dahulu.
- Uwang teringat akan perbuatalannya dengan ibu Unong Siron yang begitu hangat berkaitan dengan bayaran yang perlu dibayar setiap kali dia melakukan operasi penggantian sendi tulang.
- Ibu Unong Siron mengatakan bahawa Doktor Uwang merupakan doktor yang mata duitan dan bukannya doktor yang bertugas sebagai pengabdi kemanusiaan disebabkan kegagalan menyempurnakan pembedahan penggantian sendi pinggul anaknya.
- Uwang meluahkan keinginan sebenarnya, iaitu dia lebih meminati bidang muzik berbanding dengan bidang kedoktoran. Namun, demi menjaga hati dan membuktikan kepada bapanya, dituruti juga kehendak orang tuanya.
- Sewaktu kereta mewah yang dipandu Uwang melewati pintu PRPK, Uwang tersentak nafas sekali lagi menyebabkan dia gagal mengawal kereta lalu melanggar tembok garaj.
- Raiha terdengar bunyi letusan suara yang bergemerincing sewaktu sedang melangkah ke ambang pintu untuk pulang ke kondominium mewahnya.
- Raiha membayangkan peristiwa Doktor Sadiz melangkah keluar dari ruang mahkamah keluarga dengan senyuman sinis kerana telah menang dalam kes perbicaraan kematian anak tunggalnya.
- Raiha dapat melihat dari jarak yang agak jauh, kereta baharu Doktor Sadiz telah terperosok di bawah lori tangki minyak yang terhenti secara mendadak di lampu trafik dan akhirnya menyebabkan kereta itu terbakar dan pemilik keretanya hangus rentung dijilat api.
- Raiha tersendu kepaluan apabila terbayangkan kereta Porsche milik Doktor Sadiz juga telah terbakar rentung di tepi sebuah rumah tumpangan yang turut menyambang anak tunggal mereka yang dibawa lari oleh Raiha, iaitu sehari sebelum sempat Doktor Sadiz menghantar anaknya itu ke Pusat Rawatan Khas bagi kanak-kanak yang mengalami sindrom Down.
- Doktor Uwang mengalami kecederaan parah akibat terbassis lalu melanggar tembok garaj PRPK.
- Uwang dapat melihat dirinya telah diusung oleh pesakit-pesakit yang pernah menjalani pembedahan di pusat rawatan itu.
- Uwang juga mengalami peristiwa para pesakit yang mengaku diri mereka sebagai pegawai-pegawai di pusat perubatan itu membelek-belek dan menyentuh tubuhnya sambil cuba meneka penyakit yang menimpa Uwang.
- Raiha memerhatikan beberapa orang pembantu PRPK mengeluarkan tubuh Uwang yang tersepit di dalam keretanya dan diangkat ke atas *stretcher* lalu disorong ke bilik rawatan kecemasan.
- Ariana dan jururawat yang bertugas pada malam itu kehairanan apabila mendapat tahu Doktor Uwang datang ke PRPK pada tengah malam itu kerana Doktor Uwang tidak pun dipanggil untuk menangani sebarang masalah di pusat rawatan itu.
- Uwang telah menjalani pembedahan penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak.
- Ketika Raiha melangkah ke garaj kereta PRPK menjelang dinihari, Felicia telah memanggil namanya.
- Dengan menangis tersedih-sedan, Felicia telah meminta maaf daripada Raiha atas kesilapannya terjebak dalam kes kematian anak Raiha, Rohayu.
- Felicia menceritakan keadaan sebenar yang berlaku kepada Raiha.
- Raiha mempersoalkan tindakan Felicia yang tidak berani tampil sebagai saksi sewaktu perbicaraan kes mereka di mahkamah suatu masa dahulu.
- Felicia memohon maaf sekali lagi daripada Raiha dan mengatakan dia takut untuk berbuat demikian.
- Raiha sedar bahawa dia dan Felicia merupakan dua orang insan yang sama-sama menjadi mangsa keadaan dan mangsa kerakusan diri sendiri.
- Raiha memaafkan kesalahan Felicia. Dia melangkah ke keretanya dengan langkah yang pasti. Air hujan membiasahi bumi mengakhiri musim kemarau yang panjang.

Tema

Ketabahan seorang wanita dalam menghadapi cabaran dan tekanan hidup dalam usahanya melupakan peristiwa hitam yang sering menghantui fikirannya.

Persoalan

- (a) Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandungnya.
- (b) Persoalan dendam kesumat yang merosakkan kehidupan masyarakat.
- (c) Persoalan kenangan pahit yang mengubah personaliti seseorang.
- (d) Persoalan bapa kandung yang kejam dan tidak bertanggungjawab.
- (e) Persoalan amanah ketika menjalankan tanggungjawab.
- (f) Persoalan ketegasan ketika membuat satu-satu keputusan.
- (g) Persoalan kepentingan ilmu dalam kehidupan.
- (h) Persoalan keinsafan daripada kesalahan masa lalu.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Raiha/Doktor Raiha
- (b) Watak sampingan – Doktor Sadiz, Doktor Uwang, Felicia Landosi, Ariana Abdullah, bapa Raiha, Unong Siron, Datu Ontong, Rohayu/Ayu, ibu Unong Siron, Kartini Borhan, Lisa Chung, Doktor Mohammad, Doktor Alex Ng, dan sebagainya.

Raiha/Doktor Raiha

- (a) Bapanya seorang doktor bedah manakala ibunya bertugas sebagai jururawat.
- (b) Ibunya meninggal dunia sewaktu melahirkannya.
- (c) Raiha berusia dalam pertengahan tiga puluhan.
- (d) Raiha berambut ikal separas bahu, berkulit cerah, dan memiliki tubuh yang semampai tinggi.
- (e) Raiha dibesarkan oleh neneknya yang berketurunan Idaan yang berasal dari Nunuk Ragang, Hulu Labuk, Ranau, Sabah.
- (f) Dia berkahwin dengan Doktor Sadiz, lelaki berstatus duda beranak dua.

- (g) Dia bertugas sebagai seorang doktor perubatan di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).
- (h) Ibu kepada Rohayu, seorang kanak-kanak perempuan yang menghidap sindrom Down.
- (i) Raiha mengalami tekanan emosi apabila dia sering dihantui gambaran kisah menyayat hati yang telah meragut nyawa anak perempuan tunggalnya.
- (j) Raiha amat menyayangi anak tunggalnya, Rohayu walaupun anaknya itu menghidap sindrom Down.
- (k) Raiha menjalankan tugasnya sebagai seorang doktor dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Doktor Sadiz

- (a) Seorang pakar perunding pembedahan terkemuka di Hospital Kinabalu.
- (b) Doktor Sadiz berstatus duda beranak dua sewaktu mengahwini Raiha.
- (c) Dia berusia lebih lanjut berbanding dengan bapa Raiha dan dipanggil Pak Usu oleh anak saudaranya.
- (d) Doktor Sadiz meninggal dunia akibat terbakar di dalam kereta yang dipandunya yang melanggar belakang lori minyak petrol yang terhenti secara tiba-tiba.
- (e) Bapa kandung kepada Rohayu.
- (f) Adik bongsu Datu Ontong dan merupakan bapa saudara Doktor Uwang.
- (g) Doktor Sadiz bersikap angkuh apabila tidak menerima kelahiran bayinya yang cacat disebabkan statusnya sebagai seorang pakar perunding pembedahan yang terkenal.
- (h) Doktor Sadiz telah bersikap kejam dan tidak berperikemanusiaan apabila memaksa Raiha menggugurkan kandungannya setelah mendapat tahu janin dalam kandungan isterinya itu tidak normal.
- (i) Doktor Sadiz mempunyai cita rasa dan keinginan yang mewah apabila memakai kereta mewah berjenama Porsche. Setelah kereta pertama itu terbakar, dia telah memakai kereta BMW.

Doktor Uwang/Uwang

- (a) Pemilik Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) dan seorang pakar pembedahan.
- (b) Pernah bertugas di Hospital Kinabalu sebelum mengambil keputusan berhenti kerja dan membuka pusat rawatan sendiri.
- (c) Pernah bertugas sebagai guru demonstrator dalam bidang anatomi dan mengajar Raiha dalam bidang pembedahan di sebuah institusi tinggi tempatan.
- (d) Memiliki rupa paras yang kacak dan segak serta bertubuh sederhana.
- (e) Berusia dalam pertengahan empat puluhan.
- (f) Anak Datu Ontong dan merupakan anak saudara kepada Doktor Sadiz.
- (g) Mengalami kecederaan parah hingga menyebabkan kakinya lumpuh akibat terlibat kecuaianya merempuh tembok garaj PRPK.
- (h) Mempunyai wawasan yang tinggi.

Felicia Landosi

- (a) Seorang ketua jururawat dengan gelaran Sister di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).
- (b) Merupakan seorang anak yang lahir daripada hubungan yang tidak sah ibunya dengan kekasihnya.
- (c) Mengalami masalah ketagihan ubat batuk yang diperoleh secara percuma di farmasi PRPK akibat berbagai-bagai tekanan hidup yang dialaminya.
- (d) Bersikap acuh tidak acuh dalam melaksanakan tugas.
- (e) Mengalami tekanan emosi yang kritikal.

- (f) Bersikap kasar dan cepat marah.
- (g) Insaf dan sedar akan kesilapan silam.

Unong Siron

- (a) Seorang pesakit yang sedang menjalani rawatan penggantian sendi pinggul di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).
- (b) Masih bujang.
- (c) Berambut panjang.
- (d) Mempunyai kelulusan sarjana dengan bantuan biasiswa kerajaan pusat dan bakal melanjutkan pelajaran di luar negara.
- (e) Berwajah kurus cengkung dan sepucat mayat.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa dalam novel ini disusun secara kronologi.
- (b) Permulaan (eksposisi) novel ini bermula apabila pembaca diperkenalkan dengan watak Raiha yang mengalami konflik setelah meneliti sinar-X terbaru milik pesakit Unong Siron. Raiha tidak percaya dan mengeluh apabila Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan penggantian sendi pinggul sebanyak lima kali di bawah pengawasan Doktor Uwang. Raiha turut mengalami konflik jiwa akibat kematian anak tunggal kesayangannya.
- (c) Pada bahagian perkembangan, Felicia Landosi, ketua jururawat di PRPK teringat akan ikrar yang pernah dilafazkan di hadapan Raiha dan sumpah yang dibuatnya di hadapan Doktor Uwang. Felicia berasa resah disebabkan peristiwa hitam yang sering kali menghantui perasaannya sehingga mendorongnya mengambil ubat batuk secara curi-curi. Doktor Uwang berjaya membangunkan PRPK, namun belum mendapat pengiktirafan daripada bapanya sendiri, iaitu Datu Ontong.
- (d) Pada bahagian perumitan, Doktor Uwang berasa terpukul dan tidak puas hati kerana Raiha mempertikaikan kewibawaannya sebagai seorang pakar bedah. Doktor Uwang melihat seolah-olah seorang kanak-kanak perempuan sedang memeluk isterinya, menyeringai aneh, dan menjuihkan bibir kepadanya. Isteri jelita Uwang memaklumkan tentang panggilan telefon yang diterima daripada Raiha yang ingin berbincang dengannya tentang pesakit bernama Unong Siron. Raiha menerima panggilan telefon daripada Felicia yang memintanya segera datang ke PRPK. Doktor Alex Ng kehairanan apabila melihat Raiha tiba-tiba muncul di PRPK. Raiha berbincang dengan Emma Yong, jururawat bertugas di wad hunian itu agar pembedahan yang dilakukan itu merupakan pembedahan yang terakhir untuk Unong Siron. Raiha masih tertanya-tanya sebab kelima-lima pembedahan terdahulu menemui kegagalan sementelah pula dilakukan sendiri oleh Doktor Uwang.
- (e) Plot mencapai puncak/klimaks apabila Ariana secara tiba-tiba datang untuk meminta pertolongan Raiha. Menurut Ariana, Felicia telah ditahan oleh orang asing, penceroboh yang pernah menyamar sebagai doktor di bilik bedah. Ibu Unong Siron telah menawarkan bantuannya untuk memujuk pemuda kurang siuman itu kerana pemuda itu tinggal bersebelahan dengan kampungnya. Pemuda kurang siuman itu berjaya dipujuk dan diantar ke hospital sakit jiwa untuk menerima rawatan lanjut. Doktor Uwang mengalami kecederaan parah akibat terbiasa lalu melanggar tembok garaj PRPK itu. Doktor Uwang telah menjalani operasi penggantian sendi pada anggota tubuhnya yang rosak.

- (f) Pada peringkat peleraian, Felicia memanggil Raiha yang ketika itu sedang melangkah ke garaj kereta PRPK. Felicia menangis tersedu-sedan dan meminta maaf daripada Raiha atas kesilapannya terjebak dalam kes kematian anak Raiha, Rohayu. Felicia memohon maaf sekali lagi daripada Raiha kerana takut untuk menceritakan hal sebenar di mahkamah. Raiha reda dan pasrah dengan kematian anaknya.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan sikap baik hati Raiha yang mahu menumpangkan Felicia balik dengan keretanya disebabkan mereka tinggal di daerah yang sama.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, dialog Raiha dengan bapanya ketika mereka berbincang tentang kerjaya yang dipilih oleh Raiha.
- (c) Teknik imbas kembali. Contohnya, Raiha teringat kembali waktu dia menjadi siswi tahun pertama dalam bidang pengajian spesifikasi ortopedik, di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan. Waktu itu, Doktor Uwanglah yang mengajarnya tentang unsur-unsur surgeri atau pembedahan.
- (d) Teknik saspens. Contohnya, pembaca ingin tahu rahsia dan sebab sebenar Raiha sering mendengar suara-suara aneh yang sering menghantuiinya siang dan malam.

Latar

Latar Tempat

- (a) Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).
- (b) Bilik rehat PRPK.
- (c) Ruang dapur PRPK.
- (d) Kondominium mewah di Inanam.
- (e) Kelab malam eksklusif.
- (f) Banglo Doktor Uwang.
- (g) Rumah bapa Raiha.

Latar Masa

- (a) Berlaku dalam jangka masa 10 tahun.
- (b) Musim kemarau panjang.
- (c) Waktu siang.
- (d) Waktu petang.
- (e) Waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang berpendidikan tinggi.
- (b) Masyarakat yang berdedikasi ketika menjalankan tugas.
- (c) Masyarakat yang penyayang.
- (d) Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesihatan keluarga.
- (e) Masyarakat yang tekun dan rajin belajar sehingga berjaya dalam hidup.
- (f) Masyarakat yang hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira pangkat atau darat.

Gaya Bahasa

- (a) Personifikasi. Contohnya, *Raiha terpukul bisu*, dan *Alangkah letihnya jiwaku*.
- (b) Simile. Contohnya, *Bagaikan cuba membaca isi hati dan mendengar degupan jantungnya*, Felicia menyentak sedikit, merasai *seperti tersengat kala jengking*.
- (c) Metafora. Contohnya, *Jauh di lubuk hatinya, Kecut tali perutnya*.
- (d) Peribahasa. Contohnya, *anak kandung dan air muka*.
- (e) Sinkope. Contohnya, "Awak terhidu **tak** bau itu?", dan "Felicia, saya terfikir-fikir **saja** tentang jawatanmu di PRPK itu."

Nilai

- (a) Hemah tinggi. Contohnya, Raiha melayan kerena pesakit, iaitu Unong Siron dan ibu Unong Siron dengan begitu sopan dan berbudi bahasa.
- (b) Kerajinan. Contohnya, Raiha rajin belajar hingga dia berjaya mengambil jurusan perubatan di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan dan akhirnya berjaya menjadi seorang doktor.
- (c) Kegigihan. Contohnya, Doktor Uwang gigih membangunkan empayar Pusat Rawatan Pantai Kasih yang bermula daripada sebuah pusat rawatan kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan eksklusif yang terkemuka.
- (d) Mengakui kesalahan diri. Contohnya, Felicia menangis tersedu-sedan dan memohon maaf daripada Raiha terhadap kesilapannya kerana terlibat secara tidak sengaja dengan kes kematian Rohayu.
- (e) Rasional. Contohnya, Datu Ontong menyerahkan Pusat Rawatan Pantai Kasih kepada anaknya, Doktor Uwang kerana mempercayai kebolehan dan kemampuan anaknya mentadbir urus pusat rawatan itu.
- (f) Semangat bermasyarakat. Contohnya, sekumpulan orang telah mengurus jenazah Rohayu sebelum jenazah itu dikebumikan dengan sempurna.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mengamalkan kasih sayang dalam kehidupan. Contohnya, Raiha amat menyayangi anak tunggalnya, Rohayu walaupun anaknya itu merupakan orang kelainan upaya yang menghidap sindrom Down.
- (b) Kita perlu bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan. Contohnya, Raiha menjalankan tugasnya sebagai seorang doktor dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Begitu jugalah dengan Doktor Alex Ng, Doktor Muhammad, dan Doktor Razak yang bertanggungjawab merawat pesakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
- (c) Kita perlulah bijak menguasai keadaan cemas. Contohnya, Raiha bijak menangani peristiwa pemuda kurang siuman yang telah menyamar sebagai seorang doktor dan telah menahan Felicia Landosi di bilik bedah dengan membenarkan ibu Unong Siron memujuk pemuda itu.
- (d) Kita hendaklah simpati dan belas kasih kepada orang yang bernasib malang. Contohnya, Raiha amat bersimpati dengan nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan penggantian sendi pinggul untuk kali yang keenam.
- (e) Kita mestilah sabar menghadapi cabaran dalam kehidupan. Contohnya, Raiha sabar melayani berbagai kerena pesakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih, bersabar melayani kerena manja Rohayu yang menghidap penyakit sindrom Down, dan bersabar dengan keengganahan suaminya menerima kehadiran Rohayu sebagai permata dalam rumah tangga mereka.
- (f) Kita perlulah tegas ketika menentukan satu-satu tindakan. Contohnya, Raiha mempertahankan haknya dengan tetap meneruskan kerjayanya dalam bidang kedoktoran walaupun dibantah oleh bapanya.
- (g) Kita mestilah berani bertindak jika berada di pihak yang benar. Contohnya, Raiha berani mendakwa suaminya di mahkamah keluarga dengan menyatakan secara tegas bahawa suaminya yang telah menyebabkan kematian anak tunggal mereka walaupun mendapat tentang dari anggota keluarganya.